

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

HADIAH ISTIMEWA UNTUK ANDA

PERCUMA UNTUK SETIAP LANGGANAN

011 32334322
untuk urusan tempahan

Kelantan langgar Bank Negara

→ ms8

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Selangor meriah


→ ms2

ROSMAH, SERAHKAN HADIAH

“Bila lagi Rosmah dan penerima-penerima rasuah di Malaysia akan kembalikan duit haram yang dicuri dari 1MDB, kepada rakyat Malaysia”

SELEPAS model Australia, Miranda Kerr dan pelakon Hollywood, Leonardo DiCaprio mengemalikan hadiah yang diberi kepada mereka oleh Jho Low yang dicuri dari wang 1MDB, bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meminta isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor pula menyerahkan segala hadiah yang diterimanya.

"Bila lagi Rosmah dan penerima-penerima rasuah di Malaysia akan kembalikan duit haram yang dicuri dari 1MDB, kepada rakyat Malaysia," tanya Mahathir dalam tulisan beliau.



Laporan penuh → muka 2

HARGA :
RM7000 - RM9000
TARIKH:
NOVEMBER @ DISEMBER
PENGINAPAN:
HOTEL MADINAH:
SARAYA TABA @ MUBARAK
SILVER @ SETARAF
HOTEL MEKAH:
HILTON TOWER (50M)

PENERBANGAN:
الخطوط الجوية العربية السعودية
SAUDI ARABIAN AIRLINES

JOM UMRAH BERSAMA USTAZ AHMAD AWANG



↑ UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

011-32334322 (EN HAKIM)

AGENSI

Dhafir Holiday Travel & Tours Sdn Bhd
دفرholidaytravelandtourssdnbhd

Bila lagi Rosmah mahu kembalikan hadiah

SELEPAS peragawati Australia, Miranda Kerr dan pelakon Hollywood, Leonardo DiCaprio mengembalikan hadiah yang diberi kepada mereka oleh Jho Low dari wang 1MDB, isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor pula disoal bila lagi mahu memulangkan hadiah yang diterima mereka.

Soalan itu dikemukakan oleh bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam satu tulisannya baru-baru ini.

"Bila lagi Rosmah dan penerima-penerima rasuah di Malaysia akan kembalikan duit haram yang dicuri dari 1MDB, kepada rakyat Malaysia," tanya beliau.

Tetapi, katanya, mereka muka tebal, tak tahu malu.

"Bila dituduh mencuri, mereka semua, Najib dan pemimpin-pemimpin Umno, hanya senyum.

"Oleh itu tuduhlah saya, seorang yang tidak berkuasa, telah arah kuasa besar Amerika Syarikat membuat laporan palsu terhadap

Najib, sahabat Obama dan rakan golfnya, Trump," katanya.

Katanya, apa yang dilakukan oleh Department of Justice Amerika Syarikat ialah bertindak ke atas mereka yang terlibat dengan pembersihan wang haram di negara Amerika, bukan di Malaysia.

Katanya lagi, undang-undang berkenaan jenayah imoney-laundering di Amerika Syarikat amat ketat, tidak seperti di Malaysia, di mana kerajaan berpuas hati jika 2.6 billion Ringgit yang ada dalam akaun pribadi Perdana Menteri dikatakan derma orang Arab.

Pengakuan pihak yang disoal bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan memadai untuk menghalalkan pemilikan wang yang begitu banyak.

Dr Mahathir menyifatkan, hanya orang yang bangang sahaja yang akan percaya tentang dak-



Tun Dr Mahathir Mohamad

waan bahawa beliau mepengaruhi tindakan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat bertindak ke atas 1MDB.

Ini kerana, beliau sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia pun.

"Saya bangga kerana ada orang yang menyatakan saya boleh arah Department of Justice Amerika Syarikat membuat sesuatu.

"Jika saya dapat arah sebuah agensi Kerajaan Amerika Syarikat, lama sudah sipolan-sipolan ditangkap dan dituduh mencuri berbilion dolar Amerika.

"Dah lama sudah hukuman yang setimpal dikenakan kepada sipolan itu," kata Mahathir dalam tulisannya.

Beliau dipercayai menjawab tuduhan dan andaian agar rakyat negara ini tidak mengundang campur tangan negara asing dalam urusan negara ini sebagaimana yang dibuat oleh presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sebaliknya, Mahathir yakin, tuduhan yang dibuat oleh DoJ tepat dan terperinci termasuk berlian berwarna merah jambu yang diberi oleh Jho Low kepada isteri Malaysian Official 1 iaitu Rosmah Mansor.

(M01 adalah Perdana Menteri mengikut pengakuan Pengarah Komunikasi Strategik BN, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Abdul Rahman Dahlan)

Bagi Mahathir, Jho Low dan Riza Aziz yang didakwa oleh DoJ sepatutnya pergi ke Amerika Syarikat untuk melawan tuduhan mencuri duit 1MDB.

"Tetapi mereka tidak berani. Pepatah Melayu berkata, berani kerana benar, takut kerana salah. Mereka bersembunyi di China dan Malaysia. Sekaligus ia menjadi pengakuan bahawa segala tuduhan DoJ adalah benar," katanya.

Puluhan ribu sertai majlis hari raya Selangor

BERPULUH ribu rakyat Selangor menyertai majlis sambutan hari raya yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Selangor di Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) baru-baru ini.

Turut serta adalah Tuanku Sultan Selangor yang bertemu rakyat di majlis itu selama

setengah jam sehinggalah baginda dan Tengku Permaisuri duduk di pentas utama.

Acara pada hari itu dimulakan dengan penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor dan Orang Asal dari Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA).



Menteri Besar Selangor menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir di majlis itu.

Setiausaha akhbar Najib tidak hormati TPM

SETIAUSAHA akhbar Perdana Menteri Tengku Sarifuddin Tengku Ahmad jelas tidak menghormati Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Zahid Hamidi yang juga Timbalan Perdana Menteri apabila campur tangan secara terbuka bidang kuasa orang nombor dua kerajaan itu.

Pengarah Pilihan Raya AMANAH Dr Hatta Ramli berkata, Tengku Sarifuddin mencerooboh wilayah bidang kuasa Zahid dalam isu pembatalan pendaftaran DAP memandangkan portfolio Pendaftar Pertubuhan (ROS) adalah secara langsung di bawah Menteri Dalam Negeri.

Tengku Sarifuddin baru-baru ini mengulas kemungkinan DAP tidak dapat menggunakan logo rasminya dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Ini menunjukkan 'penghinaan' kakitangan Najib kepada timbalan perdana menteri sebagai orang nombor dua dalam kerajaan.

"Sekiranya pegawai berpangkat setiausaha akhbar kepada perdana menteri boleh membuat 'penghinaan' terbuka terhadap timbalan perdana menteri, ini membayangkan kekusutan dan kekecohan dalam pentadbiran Najib," katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, Hatta yang juga ahli Parlimen Kuala Krai berkata, kenyataan Sarifuddin juga menyerlahkan taktik terdesak BN terhadap DAP.

"Taktik terdesak yang diumumkan Tengku Sarifuddin jelas menunjukkan pelan tersembunyi Datuk Seri Najib Razak untuk PRU14," katanya.

Menurut beliau juga, kenyataan Tengku Sarifuddin adalah petanda kuat bahawa lingkaran dalam Najib serius mempertimbangkan pembatalan pendaftaran DAP dan pengharaman penggunaan logo roket pada PRU14.

"Kegusaran BN terhadap DAP yang secara konsisten berkempen menolak kerajaan rasuah akhirnya benar-benar menjadi ancaman kepada Najib.

Bagaimanapun Zahid pada 3 Julai meminta pemimpin-pemimpin DAP agar menghentikan spekulasi kononnya parti pembangkang itu akan diharamkan oleh ROS.

"Saya berharap DAP tidak akan membuat sebarang spekulasi mengenainya, apatah lagi ada yang beranggapan bahawa ada usaha daripada ROS untuk mengharamkan parti berkenaan," katanya pada sidang media.

Tidak ada lagi yang murah di Malaysia, kata Chef Wan

CHEF selebriti Datuk Redzuwan Ismail menyifatkan tidak ada apa lagi yang murah di Malaysia walaupun kerajaan melaung-laungkan ekonomi bertambah baik.

Beliau yang lebih masyhur dengan panggilan Chef Wan berkata, harga ikan sekarang sangat mahal.

"Ambil ikan merah tiga keping besar sedikit nak buat sup ikan pun dah harga RM40," kata beliau dalam laman Instagramnya.

Beliau berkata, beliau terperanjat

setiap kali membeli makanan laut.

"Tak ada apa lagi yang murah di Malaysia walapun kerajaan melaung-laungkan ekonomi kita bertambah baik.

"Iyo la kan ajo..." kata Chef Wan.

Setiap kali beliau membeli-belah, beliau terfikir bagaimana agaknya golongan bawahan di negara ini meneruskan hidup me-reka setiap hari.

Bagaimanapun, tinjauan Malaysia Dateline menunjukkan bukan golongan

bawahan sahaja yang mengadu keperitan.

Seorang ahli korporat memberitahu, harga udang di pasar tani Taman Melawati satu kilo RM75, kepah satu kilo RM10 manakala ketam pula satu kilo RM25.

Beliau menyifatkan beban ekonomi yang digalas oleh rakyat kini berpunca dari "kerakusan MO1".

"Tahniah PAS kerana terus membela MO1," kata penyokong kuat Tun Dr Mahathir Mohamad itu.



Petikan dari Instagram Chef Wan yang mempertikaikan harga barangan di Malaysia sekarang.

Surat terbuka yang menyerlahkan kejahilan

PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF



SURAT terbuka presiden PAS, yang juga ahli Parlimen Marang Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah mencemarkan nama baik seorang ahli legaslatif dan kedudukannya sebagai antara ulama dunia.

Tuduhan kononnya kuasa asing cuba untuk masuk campur hal ehwal negara jelas disebabkan kekurangan maklumat beliau atau kemungkinan mengikut skrip biasa Umno/BN sebelum ini bagi mengalih tumpuan isu sebenar.

Hakikatnya, DOJ menggunakan bidang kuasa mereka terhadap prosedur kleptokrasi (perompak kekayaan negara) untuk mendapatkan kembali wang yang dicuri daripada 1MDB yang dibelanjakan di Amerika Syarikat, sepatutnya Hadi mera-

sakan ini adalah baik bagi rakyat Malaysia, sebagai penerima manfaat utama.

Saya yakin tiada rakyat Malaysia yang waras mahukan campur tangan negara asing dalam urusan negara. Namun membantu negara asing untuk menangkap perompak besar dari negara kita yang merompak di negara asing dengan menggunakan kekayaan negara kita, patut diberi bantuan untuk siasatan demi menjaga maruah negara dan mengembalikan duit negara yang dirompak.

Surat terbuka beliau secara tidak langsung telah menjadikan Presiden Pas sebagai pembela kepada kleptokrasi kerajaan Najib.

Tujuan mereka yang sama waktu dengannya hanya satu, iaitu untuk meraih

simpati pengundi dengan melemparkan sensitiviti perkauman, agama dan kini anti-barat pula.

Naratif baru diperlukan di mana sebagai seorang Muslim dan Melayu, kita mesti tegas dalam isu rompak besar negara ini sebab ia boleh menghancurkan negara. Ketegasan ini bukan bermakna kita tunduk kepada DOJ atau kuasa asing tetapi sebagai prinsip utama menyelamatkan kekayaan negara dari dirompak oleh pemimpin negara yang kita pilih. Kita menolak campur tangan asing tapi kita mesti menangkap para perompak yang mencuri kekayaan negara!

Tindakan sebahagian para mufti dan pemimpin agama seperti presiden Pas akan menjadi penghalang rakyat untuk

menundukkan perompakan mega kekayaan negara yang bermaharajalela. Jika inilah sikap mereka, rakyat perlu membawa mesej yang tegas menolak mentaliti terkepung ini.

Justeru, negara Malaysia perlu kepimpinan yang bersih dari rasuah, berwawasan, berhati rakyat dan membina semula negara ini dengan semangat yang baru. Hanya dengan itu Malaysia akan menjadi trajektori perubahan dan pembaharuan tulen yang kita semua citakan dan harapkan.

"Malaysia tanpa rasuah"

Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Ahli Parlimen Parit Buntar dan Naib Presiden AMANAH

Tubuh jawatankuasa pantau pegawai tinggi k'jaan

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan pedas bahawa hanya orang yang bangang sahaja mempercayai beliau mempengaruhi tindakan saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (doJ) berkaitan dana 1MDB yang diselewengkan.

Menulis di laman blognya chedet.cc, Tun Mahathir berkata di sebalik tuduhan itu, beliau sebenarnya ialah bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, malah jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia.

"Saya bangga kerana ada orang yang menyatakan saya boleh arah Department of Justice Amerika Syarikat membuat sesuatu. Jika saya dapat arah sebuah agensi Kerajaan Amerika Syarikat, lama sudah sipolan-sipolan ditangkap dan

dituduh mencuri berbilion dolar Amerika. Dah lama sudah hukuman yang setimpal dikenakan kepada sipolan itu.

"Malangnya saya sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia pun," jelas beliau.

Menurut Tun Mahathir, DoJ sebenarnya bertindak terhadap mereka yang terlibat dengan pembersihan wang haram di Amerika Syarikat dan bukannya di Malaysia.

Undang-undang berkenaan jenayah 'money-laundering' di Amerika Syarikat, jelas beliau amat ketat tidak seperti di Malaysia apabila kerajaan berpuas hati RM2.6 bilion yang ada dalam akaun pribadi Perdana Menteri dikatakan derma orang Arab.

Di negara ini, tambah beliau

pengakuan pihak yang disoal bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan memadai untuk menghalalkan pemilikan wang yang begitu banyak.

"Tuduhan yang dibuat oleh DoJ tepat dan terperinci termasuk berlian berwarna merah jambu yang diberi oleh Jho Low kepada isteri Malaysian Official 1 (Perdana Menteri mengikut pengakuan Pengarah Komunikasi Strategik BN, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Abdul Rahman Dahlan), iaitu Rosmah Mansor.

"Jho Low dan Riza Aziz sepatutnya pergi ke Amerika Syarikat untuk melawan tuduhan mencuri duit 1MDB. Tetapi mereka tidak berani. Pepatah Melayu berkata, 'berani kerana benar, takut kerana salah'. Mereka bersembunyi di China dan Malaysia. Sekaligus ia menjadi pengakuan bahawa segala tuduhan DoJ adalah benar," tegas beliau.

Hanya orang bangang percaya saya arah DoJ, sindir Tun Mahathir

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan pedas bahawa hanya orang yang bangang sahaja mempercayai beliau mempengaruhi tindakan saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (doJ) berkaitan dana 1MDB yang diselewengkan.

Menulis di laman blognya chedet.cc, Tun Mahathir berkata di sebalik tuduhan itu, beliau sebenarnya ialah bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, malah jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia.

"Saya bangga kerana ada orang yang menyatakan saya boleh arah Department of Justice Amerika Syarikat membuat sesuatu. Jika saya dapat arah sebuah agensi Kerajaan Amerika Syarikat, lama sudah sipolan-sipolan ditangkap dan dituduh mencuri berbilion dolar Amerika. Dah lama sudah hukuman yang setimpal dikenakan kepada sipolan itu.

"Malangnya saya sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia pun," jelas beliau.

Menurut Tun Mahathir, DoJ sebenarnya bertindak terhadap mereka yang terlibat dengan pembersihan wang haram di Amerika Syarikat dan bukannya di Malaysia.

Undang-undang berkenaan jenayah 'money-laundering' di

Amerika Syarikat, jelas beliau amat ketat tidak seperti di Malaysia apabila kerajaan berpuas hati RM2.6 bilion yang ada dalam akaun pribadi Perdana Menteri dikatakan derma orang Arab.

Di negara ini, tambah beliau pengakuan pihak yang disoal bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan memadai untuk menghalalkan pemilikan wang yang begitu banyak.

"Tuduhan yang dibuat oleh DoJ tepat dan terperinci termasuk berlian berwarna merah jambu yang diberi oleh Jho Low kepada isteri Malaysian Official 1 (Perdana Menteri mengikut pengakuan Pengarah Komunikasi Strategik BN, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Abdul Rahman Dahlan), iaitu Rosmah Mansor.

"Jho Low dan Riza Aziz sepatutnya pergi ke Amerika Syarikat untuk melawan tuduhan mencuri duit 1MDB. Tetapi mereka tidak berani. Pepatah Melayu berkata, 'berani kerana benar, takut kerana salah'. Mereka bersembunyi di China dan Malaysia. Sekaligus ia menjadi pengakuan bahawa segala tuduhan DoJ adalah benar," tegas beliau.

Perlembagaan AMANAH versi Bahasa Melayu dilulus Pendaftaran Pertubuhan

KUALA LUMPUR: Orang ramai khususnya ahli dan para penyokong Parti Amanah Negara (AMANAH) kini boleh mendapatkan Perlembagaan AMANAH versi Bahasa Melayu sepenuhnya selepas ianya diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS), 15 Jun lalu.

Setiausaha Organisasi AMANAH Suhaizan Kaiat berkata, selain akan dicetak untuk sebaran umum, masyarakat juga boleh mengakses perlembagaan parti itu secara atas talian yang akan diletakkan di semua saluran utama parti khususnya laman

web rasmi dan Facebook.

"Kelulusan ini adalah yang ketiga selepas tiga kali pindaan yang kita buat terhadap perlembagaan Parti Pekerja-Pekerja Malaysia sebelum ini.

"Pindaan pertama dahulu kita tukar nama, bendera dan logo, kemudian kita buat pindaan lagi kali kedua dengan memasukkan dasar parti, struktur organisasi dan cara pemilihan.

"Ketiga ini kita pinda keseluruhan dalam bahasa Melayu, dengan mengandungi 27 Fasal supaya ringkas dan mudah difa-

hami," katanya.

Menurut Suhaizan, dengan kelulusan terbaru itu diharap dapat memberi penjelasan kepada semua pihak dalam memahami perjuangan AMANAH.

Ia juga kata Suhaizan, sekaligus menjawab segala tohmahan yang sering dilemparkan kepada parti itu khususnya oleh pemimpin dan penyokong parti sejarah.

"Kita harap pihak-pihak yang sinis terhadap AMANAH, baca dan teliti perlembagaan AMANAH dan nilaikan sendiri perjuangan parti ini," katanya.



Minda Pengarang

Pakatan Harapan atur langkah penting

PAKATAN Harapan tidak berlengah-lengah lagi mengatur program besarnya selepas hari raya ini. Ia sebagai persiapan untuk menghadapi pilinan raya umum tidak lama lagi.

Pertama ia mengadakan program menjelajah seluruh negara untuk menerangkan mengenai isu 1MDB dan isu-isu lain yang menyebabkan kegawatan ekonomi negara.

Program kedua ialah mengadakan Konvensyen Pakatan Harapan pada 15 Julai ini di Shah Alam, anjuran Biro Pilihan raya AMANAH Nasional.

Program pertama, Jelajah Pakatan Harapan sudahpun dilancarkan minggu lalu di Pulau Pinang dengan DAP mengatur program ini. Ia mengadakan pendekatan berstrategi dengan menggunakan dua bahasa.

Mereka menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh rakyat biasa. Selepas itu, Jelajah Pakatan Harapan ini akan berlanjutan dari negeri ke negeri hingga berakhir September ini.

Memang diakui sukar untuk memahamkan implikasi krisis 1MDB ini kepada rakyat biasa, terutama di luar bandar. Maka itu memang wajar ia didedahkan dalam bahasa yang mudah difahami rakyat.

Dua langkah besar Pakatan Harapan ini mempunyai signifikan yang sangat bererti bahawa Pakatan Harapan sedang bersiap bersungguh-sungguh untuk menghadapi PRU14.

Oleh itu, tidak syak lagi, Pakatan Harapanlah yang diharapkan sangat untuk menghadapi Umno-BN nanti, bukan parti politik lain yang ada.

Di samping itu, walaupun Pakatan Harapan masih bergelut dengan isu 1MDB, tetapi ia tentu sangat sedar akan isu harga barangan yang terus naik. Justeru, isu ini sangat membebaskan rakyat.

Malah isu harga barangan naik ini sangat-sangat dekat dengan rakyat.

Pada bulan Ramadan lalu, rakyat merasa lebih terbebani dengan kenaikan harga barang ini. Lebih-lebih lagi ketika rakyat membuat persiapan menyambut hari raya, umpamanya, membeli pakaian baru untuk anak-anak dan sebagainya.

Maka itu, sangat perlu bagi Pakatan Harapan memfokuskan program memulihkan ekonomi rakyat dan negara dalam manifesto yang akan dilancarkan.

Program besar Pakatan Harapan yang juga sangat penting adalah mengadakan Konvensyen Pakatan Harapan pada 15 Julai di Shah Alam, anjuran Biro Pilihan Raya AMANAH Nasional.

Konvensyen ini tentunya untuk memfokuskan tahap persiapan komponen Pakatan Harapan untuk menghadapi PRU14. Setakat ini parti-parti dalam komponen sudahpun membuat persiapan awal.

Maka itu tentu sekali isu pembahagian kerusi di antara parti dalam komponen akan mula dibincangkan. Diharapkan tidak timbul masalah besar dalam perbincangan pembahagian kerusi ini. Kejujuran, keterbukaan, tolak ansur antara parti komponen menjadi kunci penting untuk kelancaran dan kejayaan rundingan pembahagian kerusi itu.

Demikianlah perkembangan terkini Pakatan Harapan yang sangat diharapkan tidak akan ada perselisihan dan perpecahan dalam gabungan mega itu.

Setiap parti komponen perlu mematuhi peraturan dan ikrar untuk setia bersama memperkukuh Pakatan Harapan. Justeru, rakyat sedang memerhatikan sungguh-sungguh terhadap kemampuannya untuk menghadapi Umno-BN dalam PRU14.

Oleh itu jangan kecewakan harapan rakyat kepada Pakatan Harapan.

Syawal dirai dengan kemenangan islah

SYAWAL menjengah dengan begitu meriah. Jutaan umat Islam meraikan Eid 1438 Hijrah dengan suasana yang ceria dan gembira. Namun, suka saya tegaskan disini; disamping bergembira juga jangan dilupa segala misi dan agenda islah yang kita ingin capai dan tegakkan.

Dalam masa yang sama jangan pula kita tergesa-gesa dalam segala langkah untuk mendapat yang terbaik dengan mensia-siakan bekalan yang ada, Ibarat peribahasa orang dahulu-dahulu baru mendengar guruh dilangit, maka air di tempayan dicurahkan.

Politik adalah segala urusan hidup yang berkisar di sekitar sistem kehidupan manusia. Bagi Sheikh Abdullah bin Bayyah, erti sebenar politik adalah suatu pemeliharaan kepada kemaslahatan manusia sejagat. Politik juga tujuannya adalah berkait tentang Islah (penambahbaikan). Islah di muka bumi sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran, merangkumi setiap aspek kehidupan. Islah inilah yang dimaksudkan apabila kita memperjuangkan dasar dan nilai politik Islam.

Sebagai muslim yang berna'wah dan bertanggungjawab, kita perlu menyedari bahawa syariah diturunkan untuk memelihara kemaslahatan manusia sebagaimana yang disebutkan oleh al-Syatibi. Ayat-ayat al-Quran menunjukkan bahawa agama mengambil berat tentang nilai kemaslahatan ini. Allah SWT berfirman:

"Bertakwalah kepada Allah dan perbaikilah hubungan antara kamu."
"Allah tidak akan mensia-siakan amalan orang yang melakukan kebaikan."

Mengambil semangat dan tujuan Syawal, identiti islah juga perlu sen-

Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**



Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin
Timbalan Penasihat Umum AMANAH

tiasa dikibarkan pada saat ini secara konsisten, lebih-lebih lagi dalam meraikan kemenangan Syawal. Mereka yang membawa panji islah pasti akan bersungguh-membanteras segala kezaliman dari bermaharajalela. Kerana pada prinsipnya orang muslim itu diajar bahawa tiada sebarang toleransi terhadap segala bentuk perbuatan kezaliman dan perkara mazmumah.

Oleh itu, seluruh muslim di Malaysia dan khususnya penggerak AMANAH raikanlah Syawal ini dengan semangat islah, amar makruf dan nahi 'anil munkar. Inilah tuntutan ukhuwwah Islam. Rasulullah bersabda:

"Demi Allah yang nyawaku di tangan-Nya. Kamu mesti menyuruh yang makruf mencegah yang munkar. Kalau tidak Allah hampir sahaja menurunkan hukuman azabnya terhadap kamu. Kamu berdoa (untuk menolak bala) namun doa kamu tidak akan disahut Allah."

(<https://khaledalsabt.com/cnt/dros/1812>)

Penentangan terhadap kezaliman tidak bercanggah dengan nilai dan dasar ukhuwwah. Bahkan inilah bukti persaudaraan. Dalam hadis riwayat Bukhari Rasulullah s.a.w. menegaskan:

"Bantulah saudara anda, sama ada ia zalim atau terzalim. Seorang lelaki bertanya: 'Ya Rasulullah menolong yang terzalim itu aku tahu, tapi

bagaimana aku harus menyokong penzalim?' Baginda menjawab, 'Kamu harus halang atau larang dia dari melakukan kezaliman. Itulah cara sokongan (yang dimaksudkan)'"

Dalam negara demokrasi zaman moden ini menentang kezaliman dan salah laku dengan berbagai cara yang diberi laluan oleh berbagai jenis undang-undang dan perlembagaan. Ia bukanlah suatu tindakan subversif atau permusuhan. Ini adalah tuntutan berpolitik cara matang dan demokratik. Yang antiklimaks dan tidak matang adalah menyokong kezaliman dan berkecuali tidak menentang penjarahan harta awam, harta negara, serta menganggap pemimpin kleptokrat lebih baik dari tokoh-tokoh besar politik pembangkang yang jujur dan ikhlas memperjuangkan hak rakyat untuk masa depan negara.

Dalam hadis lain, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Barang siapa yang berjuang di bawah panji-panji buta, marah kerana asabiah, berperang dan menyokong asabiah lalu terbunuh maka matinya adalah mati jahiliah. Dalam riwayat lain ada tambahan: ia bukan dari umatku."

Waailah Bin Al-Asqa' berkata: "Aku bertanya kepada Rasulullah, Apa maksud asabiah?" Baginda menjawab: "Kamu menyokong kaum (kerabat) kamu melakukan kezaliman."

Secara khatimahnyanya, marilah kita istiqamah menentang asabiah, melawan kezaliman demi melindungi kepentingan rakyat terbanyak dan umat Islam seluruhnya dan demi merealisasikan ukhuwwah yang matang.

Akhir kata tidak lupa untuk saya mengucapkan kepada anda sekalian, selamat berjaya menunaikan puasa enam Syawal, *insya Allah*.



Islam mendidik kita bukan sekadar menjadi insan yang soleh, tetapi haruslah menjadi musleh (memperbetulkan) iaitu membawa kebaikan kepada orang lain.

Islam ingin membentuk diri setiap manusia ini supaya soleh dan mengajak manusia melakukan kebaikan. Tidak sepatutnya seseorang individu itu memikirkan hal dirinya sahaja dan membiarkan masyarakat berterusan melakukan kerosakan.

USTAZ AHMAD AWANG
Penasihat Umum AMANAH

Beban Mahathir?

Kita membuat pilihan dalam hidup, dan ia membentuk hidup kita. Pilihan yang kita buat di setiap peringkat hidup bakal mempengaruhi perkembangan seterusnya. Lebih penting, kebanyakan masanya kita gagal berpatah balik jikalau menyesal dengan pilihan yang kita buat.

Begitu juga dengan politik. Pilihan pada hari ini bakal menentukan pilihan yang ada pada masa depan. Justeru, kita harus mengkaji dengan terperinci setiap pilihan yang bakal dibuat, sebelum nasi menjadi bubur. Lebih-lebih lagi, politik memberi kesan yang lebih besar terhadap hidup manusia yang lebih ramai.

Apabila parti pembangkang mengambil keputusan untuk berganding dengan Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menjatuhkan Najib Razak, sudah tentu mereka meneliti kesannya yang menyusul dan bersedia untuk menjawab persoalan yang terucungkil. Apabila Mahathir dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia diterima sebagai sebahagian Pakatan Harapan (PH), implikasinya, kita tidak boleh menolak sesiapa daripada Umno-BN untuk menyertai PH pada masa depan.

Andaikan satu hari nanti apabila pemimpin yang tercalar imejnya seperti Khir Toyo, Ali Rustam dan sebagainya memohon untuk menyertai PH, apakah PH mampu

menolaknya atas alasan mereka mempunyai rekod yang tidak bersih? Sudah tentu tidak.

Jikalau Mahathir boleh diterima atas alasan untuk menjatuhkan Najib, Umno dan Barisan Nasional, mengapa tidak Khir Toyo dan Ali Rustam, jikalau mereka mendaftarkan diri mereka berkongsi hasrat yang sama? Apakah dosa kedua-dua bekas panglima Umno ini lebih besar berbanding Mahathir, yang mencero bohi sistem negara sepanjang 22 tahun pemerintahan beliau?

Ini persoalan yang sukar, kerana seandainya terus dibuka pintu untuk mempin sedemikian, maka PH akan sarat dengan pemimpin-pemimpin yang negatif imejnya. PH boleh berhujah, siapakah kita untuk menolak mereka seandainya mereka insaf dan kini mahu bersama kita untuk menumbangkan Umno-BN;

Tetapi persoalan yang lebih mencabar, apakah PH akan memberi lampu hijau juga untuk rakan seperjuangan seperti Parti Sosialis Malaysia (PSM), yang lebih tinggi integritinya, malah diuji dan teruji perjuangannya untuk rakyat?

Kegagalan menjawab kemusykilan sedemikian akan menghakis



Siang-Malam
Lim Hong Siang

integriti PH. Beza antara penyokong PH dengan penyokong BN adalah kebanyakan penyokong PH mampu berfikir dan berani mempersoalkan pemimpinnya. Mereka cukup

sedar bahawa PH juga antara kumpulan berkepentingan seandainya BN dijatuhkan. Maka, mereka juga tertanya-tanya apakah perjuangan menjatuhkan Najib-Umno-BN ini demi kepentingan diri, atau membawa perubahan yang diperjuangkan selama ini?

Justeru, saya amat tekejut apabila timbulnya cadangan untuk mencalonkan Mahathir sebagai Perdana Menteri seandainya PH menawan Putrajaya dalam PRU14, tatkala ramai lagi yang belum terpujuk untuk menerima kerjasama antara PH dengan Mahathir. Sosok Mahathir sungguhpun dianggap berkewibawaan untuk meyakinkan sesetengah komuniti Melayu, namun beliau juga mempunyai beban yang tersendiri, dan menjadi lebih berat untuk PH jikalau dinobatkan sebagai calon PM.

Pembangkang tidak asing dengan skandal-skandal yang membabitkan Mahathir sepanjang tempoh pemerintahan beliau.

Malah skandal-skandal inilah yang digunakan oleh pembangkang untuk menyerang Umno-BN selama ini. Najib dengan bijak meletakkan pembangkang dalam dilema.

Seandainya pembangkang membela Mahathir sekarang, maka mereka terpaksa menjilat ludah sendiri. Sebaliknya, jikalau pembangkang tidak mempertahankan Mahathir, maka skandal-skandal ini akan membelenggu calon PM PH, yang juga akan memberi kesan besar terhadap PH.

Di samping itu, PH perlu ingat bahawa seandainya Mahathir dinobatkan sebagai calon PM, maka PRU14 akan ditonjolkan sebagai pilihan antara Najib dengan Mahathir. Mahathir akan menjadi jurucakap utama kepada PH, malah kita boleh membayangkan bagaimana Mahathir akan dijadikan ikon PH. Wajahnya akan dicetak sebagai poster, malah di atas baju T-shirt untuk dipakai petugas yang memacak bendera PH di tepi jalan.

Secara umum, penyokong pembangkang tidak kisah, malah berbangga jikalau memakai baju dengan wajah Anwar di atasnya. Anwar menjadi ikon mangsa kezaliman ketika zaman Reformasi, dan ikon sebagai harapan dan politik baru sepanjang tempoh satu dekad kebelakangan. Itupun ada yang menyindir bahawa pilihan antara Najib dengan Anwar bagai pilihan antara Coke dengan Pepsi. Jadi, apakah makna di sebalik lambang ikon Mahathir? Dan bagaimana pula PH mahu disindir,

jikalau pilihannya antara Najib dengan Mahathir?

Ini yang harus dipertimbangkan pembangkang. Malah saya nampak serangan Mahathir baru-baru ini senang dipatahkan oleh Umno. Mahathir cuba menyekat kemungkinan Najib berbuat demikian apabila meramalkan beberapa senario seperti penangkapan dan penahanan besar-besaran, darurat, Mageran dan sebagainya jikalau BN tewas tipis dalam PRU14.

Dengan mudah menteri Umno seperti Salleh Said Keruak mampu menangkisnya, dengan menyenaraikan rekod pemerintahan kuku besi Mahathir ketika zamannya, misalnya ISA 6.

Semua ini gagal dinafikan pembangkang kerana kebanyakan tokoh pembangkang di atas pentas pada hari ini menjadi tahanan politik ketika zaman Mahathir. Bagaimana pembangkang yang ditahan ketika Operasi Lalang 1987 mahu jawab, jikalau sejarah ini diimbangi? Apakah ia penahanan bermotifkan politik, atau penahanan itu wajar kerana sememangnya pembangkang boleh menggugat ketenteraman negara ketika itu?

Ini hanyalah sebahagian daripada beban Mahathir, yang masih terpikul di bahunya selagi beliau enggan mengakui kesilapan dirinya. Beban ini terlalu berat untuk dijunjung, malah memperlakan langkah pembangkang dan pendemokrasian, jika bukan jatuh tersungkur dibuatnya.

Aishah lebih daripada seorang penyanyi

Malam itu dia berdiri di pentas bukan sebagai penyanyi yang bersuara merdu dan lantang seperti yang kita kenal selama ini, tapi ia berdiri dan berucap sebagai orang politik.

Tetapi hadirin di Malam Sambutan Aidilfitri AMANAH di Kota Bharu minggu lalu itu melihatnya sebagai salah seorang pemimpin Parti Amanah Negara di peringkat nasional. Berjubah hitam, bertudung warna oren, warna AMANAH.

Suaranya membelah di kejauhan malam di negeri Cek Siti wan Kembang itu. Bukan memperdengarkan suara merdunya sebagai penyanyi, tetapi berucap sebagai pemimpin yang memiliki daya fikir yang cemerlang. Maka itu ternyata Aishah bukan sekadar seorang penyanyi terkenal, tetapi juga seorang pemedato politik yang baik.

Mesej yang disampaikan sangat jelas dan terpancar kema-



tangannya. Namun suaranya yang lantang itu menghantar mesej yang jelas bagaimana ia memilih bidang politik bersama AMANAH, parti yang baru berusia dua tahun tetapi amat menjanjikan sebagai parti masa depan negara. Terbuka tetapi berpaksikan Islam. Parti ini yang dipilih oleh Aishah.

Ucapannya malam ia sangat lancar, menebarkan pesan dan ketegasannya untuk berjuang menegakkan keadilan. Justeru, dia melihat bagaimana negara ini berada dalam krisis yang kronik dan perlu dipulihkan segera.

Aishah mengajak rakyat berfikir dan "jangan jadi lembu dicucuk hidung, kita mesti berfikir dan

berusaha merubah keadaan ini". Katanya, apa akan jadi 20 tahun akan datang. Apa yang sedang berlaku di Malaysia sangat kronik.

"Sebab itu saya ikut berjuang. Sebagai artis saya menjadi peneroka dalam perjuangan ini. Um-pama hutan, biar ada orang yang mula menebas dan membukanya. Saya memulakannya. Mudah-mudahan mendapat sokongan."

Kata Aishah, kita mesti mampu menyatakan bahawa yang salah tetap salah. Kerana itu, kata Aishah, kita mesti berjuang menentang ketidakadilan.

Ucapannya itu menarik perhatian hadirin, justeru walaupun ringkas tetapi menarik.

Mengenai Aishah ini, saya mengenalinya sejak lama dulu, malah turut menolong membantunya berkempen ketika beliau menjadi calon PAS di Jempol, dalam pilihan raya umum dulu, tetapi kalah ditangan calon BN, Isa Samad.

Ketika berkempen, Aishah dik-



erumuni pada setiap tempat dia melawat, begitu ramai peneroka bergambar dan mahu bersalaman dengannya.

Tetapi kata Aishah, "Bersalaman sudah, bergambar sudah, tapi mengundi belum tahu." Beliau seolah-olah sudah merasakan apa keputusan yang akan berlaku.

Saya dan isteri sering bertemu dengannya di beberapa majlis lain - majlis baca puisi anjuran

Paksi, beberapa majlis AMANAH di Kuala Lumpur dan Selangor. Aishah atau Wan Aishah Wan Arifin, yang berasal dari Jempol, Negeri Sembilan, adalah penyanyi yang mendapat pendidikan tinggi hingga ke universiti di New Zealand.

Enam tahun beliau di sana, menyebabkan beliau terdedah dengan dunia intelektual di luar negara, di samping meneruskan minatnya sebagai penyanyi.

Oleh itu, pemikirannya, sikapnya, memancarkan seorang wanita/penyanyi yang memiliki daya intelek yang tinggi. Lagu-lagunya masih boleh didengar di YouTube dan beberapa saluran lagi.

Hari ini Aishah berjuang bersama AMANAH, parti yang diyakininya mampu menghadapi cabaran, berjuang membela rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Aishah memilih MANAH, namun Aishah tetap Aishah.

Akhbar milik Umno tabik Presiden Pas

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Akhbar Mingguan Malaysia, 2 Julai lalu terus memuji Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana dianggap menolak apa yang didakwa 'campur tangan asing' berhubung skandal rasuah mega 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Melalui ruangan Analisis Mingguan di halaman enam, editorial akhbar milik Umno itu, Awang Selamat berpendapat sikap Abdul Hadi kekal dan tidak berubah mengenai isu tersebut.

"Dalam soal menolak campur tangan asing berhubung isu 1MDB, pendirian Pas terutama Presidennya, Hadi Awang cukup konsisten.

"Awang tabik dengan ketegasan Hadi termasuk dalam serangan kedua isu saman sivil 1MDB yang dikitar semula oleh Jabatan Kehakiman AS (DoJ) dengan bantuan pihak tertentu di Malaysia yang bermotif politik," tulisnya.

Menurut Awang, pendirian Abdul Hadi itu

juga senada dengan enam mufti lain bahkan rakyat dan pelbagai pihak di negara ini sekali lagi bersatu menentang DoJ seperti ketika 'serangan pertama' isu DoJ pada tahun lalu.

"Begitu juga dengan seruan lantang pelbagai pihak termasuk Mufti Perak, Harussani Zakaria; Mufti Pahang, Abdul Rahman Osman; Mufti Negeri Sembilan, Mohd. Yusof Ahmad;

"Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri; Mufti Kedah, Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad dan Mufti Melaka, Abdul Halim Tawil membantah campur tangan asing walau apa pun alasannya," kata Awang.

Selanjutnya, halaman 14 akhbar itu turut memuatkan gambar dan petikan kenyataan mufti terbabit termasuk dua lagi iaitu Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid dan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

Walau bagaimanapun, foto paling besar dan diletakkan di bahagian teratas melampaui senarai mufti tersebut adalah gambar Abdul Hadi bagi ruangan diberi tajuk, 'Tolak konspirasi DoJ' itu.

Turut disertakan, 10 hujah menjawab kewajaran menolak apa yang dituduh sebagai 'konspirasi DoJ' serta ilustrasi ular besar bertaring sedang membelit imej berupa bangunan Parlimen yang betul-betul berada di depan mulut binatang berbisa ditulis sebagai DoJ itu.

Mengulas lanjut di Analisis Mingguan, Awang "yakin sebarang komplot mengheret campur tangan asing bagi menggulingkan kerajaan di luar proses demokrasi tidak akan berjaya."

Dilihat bagi menguatkan hujah membuktikan kegagalan campur tangan asing, Awang juga menyertakan contoh yang berlaku di Turki dan Filipina.

"Lihatlah apa yang berlaku di Turki pada Julai 2016 apabila cubaan rampasan kuasa tentera yang didorong kuasa asing gagal malah rakyat bangkit mempertahankan pemerintahan Presiden Recep Tayyip Erdogan.

"Di Filipina, sentimen anti-AS melonjak dengan rakyat memperhebatkan sokon-



gan ke atas Presidennya, Rodrigo Duterte," katanya lagi.

Dalam hal berkaitan, kolumnis akhbar itu, Johardy Ibrahim pernah secara berterusterang mengakui akhbar Utusan paling tepat dilabel "akhbar milik parti pemerintah".

Beliau dalam ruangnya, Merrepek Mei lalu memberitahu Umno memegang majoriti ekuiti pemilikan Kumpulan Utusan.

"Jadi bila media propembangkang seperti Malaysiakini melabelkan Utusan sebagai 'akhbar dikuasai kerajaan', ia sebenarnya sedikit menyeleweng kerana memberi gambaran akhbar ini lemah, lalu dikuasai pihak berkuasa.

"Hakikatnya akhbar ini adalah milik parti pemerintah. Bukan 'dikuasai' tetapi sememangnya 'dimiliki'. Tiada apa hendak disorok," kata Johardy lagi.

Kerajaan Islam kekal jika PH tadbir Kelantan

KUALA LUMPUR: Tidak timbul masalah jika Pakatan Harapan (PH) mengambil alih Kelantan memandangkan sikap mutakhir pemimpin Pas yang menerajui pentadbiran negeri pantai timur itu semakin terserlah menyebelahi rejim Umno-BN.

Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin berkata, hasrat Pakatan Harapan untuk menggantikan kerajaan Pas di Kelantan tidak bercanggah dengan prinsip syarak bahkan tidak menjejaskan akidah.

"Inikan negara demokrasi? Bukankah Pas parti Islam, mengapa nak lawan? Apa salahnya jika Pas dikalahkan di Kelantan?"

"Jika Pas kalah, yang kalah ialah Pas, bukannya Islam. Jika Pakatan (Harapan) menang, yang akan tadbir Kelantan adalah AMANAH. Menteri Besarnya adalah orang Melayu Islam. AMANAH juga mahu daulatkan Islam," jelasnya.

Mengulas satu kajian bebas yang menjangkakan Pas akan hilang 27 kerusi, beliau berkata, hal itu tidak menjadi masalah kerana bukannya Islam yang hilang.

"Hanya kerusi Pas saja. Jika Pas hilang kerusi, parti yang akan ambil kerusi itu ialah AMANAH. Jadi apa masalahnya?" ujarnya yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Perlis.

Beliau menegaskan AMANAH akan melaksanakan urus tadbir yang lebih baik untuk rakyat di Kelantan jika mengambil alih negeri itu pada pilihan raya umum akan datang sesuai dengan perintah Allah supaya berlumba-lumba melakukan kebaikan.

"Bukan saja Kelantan, bahkan seluruh negara termasuk Putrajaya, PH akan berusaha ambil alih. Takdirnya jika AMANAH gagal, Pas ambil alih semula. Itulah perlumbaan," jelasnya.

Menurutnya, momokan tentang kewujudan DAP dalam Pakatan Harapan bukannya satu masalah kerana DAP adalah sebuah parti politik sama seperti Pas, AMANAH dan parti lain di negara ini.

"DAP bukan agama. Lagipun, DAP bukan ada kerusi di Kelantan. Di Selangor juga ada DAP. Pas bercokoh bersama DAP Selangor buat bodoh saja, tiba-tiba AMANAH bersama DAP, Pas bising," bidasnya dipetik dari kenyataan beliau di Facebook.

Tuduhan kononnya DAP akan menghalang pelaksanaan Islam di Kelantan juga bagi Ustaz Zolkharnain muncul kerana Pas memusuhi DAP yang menentang BN.

"Pas benci DAP bukan sebab DAP lawan Islam, tapi sebab DAP lawan BN, tapi Pas pula nak kawan dengan BN. Pas pun hanya slogan saja Islam tapi merestui kerja BN yang bercanggah dengan Islam. Islam apa begitu?" soalnya.

Menjawab tanggapan kononnya Pas juga melawan BN dengan cara tersendiri, beliau tidak melihat pendirian pemimpin parti diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu yang mengeluarkan kenyataan bersifat melegakan Najib Razak dalam isu 1MDB sebagai "cara tersendiri".

"Itu bukan cara tersendiri, itu cara Umno. Kalau Pas lawan BN, bukan begitu gaya kenyataan pemimpin Pas," tegasnya lagi.

Tanggung lesen e-hailing, selesaikan isu pemandu teksi

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menyelesaikan masalah dihadapi pemandu teksi sebelum mewajibkan syarikat perkhidmatan e-hailing mendapatkan lesen operasi, kata Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli.

Malah Ahli Parlimen Pandan itu akan membawa usul menengguhkan pembentangan mewajibkan syarikat perkongsian kenderaan seperti Uber dan Grab memohon lesen operasi di sidang Dewan Rakyat Julai ini bagi menyuarakan masalah dihadapi pemandu teksi.

"Selesaikan masalah kebajikan pemandu teksi di Malaysia dulu, sebelum bentang usul melesenkan pemandu Uber, Grab.

"Apa yang paling penting, kerajaan harus mansuh sistem pembayaran sewa harian pemandu teksi," katanya pada Kongres Himpunan Warga Teksi Malaysia di Dewan Sivik, dekat sini, 3 Julai lalu.

Pada sidang Dewan Rakyat 4 April lalu, kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) untuk mewajibkan syarikat perkhidmatan e-hailing memohon lesen operasi.

Melalui RUU itu, kerajaan mahu memperkenalkan lesen perniagaan perantara untuk mengawal selia perkhidmatan itu dan kenderaan pemandu e-hailing seperti kenderaan awam.

Mana-mana pihak yang menjalankan operasi e-hailing tanpa lesen bakal berdepan hukuman denda sehingga RM500,000, penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-

duanya, jika sabit kesalahan.

Pemegang lesen perantara yang gagal mematuhi ketetapan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan pula akan berdepan denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM200,000, maksimum 2 tahun penjara atau kedua-duanya.

Mengulas lanjut, Rafizi mendakwa pemandu teksi bersaing secara tidak sihat dan adil dengan pemandu syarikat perkongsian kenderaan kerana perlu membayar sewa mahal, sedangkan pesaing mereka hanya perlu menanggung kos minyak.

"Jika kita (Pakatan Harapan) menang, kita akan hapuskan bayaran harian sewa teksi.

"Saya juga akan dedahkan siapa 'orang politik' yang menjadi dalang di sebalik syarikat permit teksi yang selama ini menindas golongan pemandu pengangkutan awam itu," katanya dipetik FMT.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemandu Teksi Lembah Klang, Zailani Isausuludin yang menyokong gesaan Rafizi berkata, hanya pembangkang yang mengambil berat tentang nasib pemandu teksi.

Beliau mendakwa 3 demonstrasi yang diadakan di luar Dewan Rakyat sebelum ini langsung tidak dipedulikan ahli parlimen BN.

"Tiada seorang pun ahli Parlimen BN datang kepada kami. Yang ada Pas, PKR dan AMANAH.

"Kenapa kami dilayan macam ini. Adakah bila mereka ada dalam jawatan tertinggi kerajaan, mereka perlakukan kami sebegini?" soalnya.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)



@ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA

HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN RM200

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-16

TARIKH : 28-29 JULY 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : GUNUNG SEMANGGOL, PERAK

UST LATIF
019-5100255

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-17

TARIKH : 25-26 OGOS 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA BHARU, KELANTAN

UST OSMAN
019-9808538

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-18

TARIKH : 15-16 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : NASUHA RESORT HERB PAGOI, MUAR, JOHOR.

HJ KAMAR
019-7763300

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-19

TARIKH : 16-17 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KUANTAN, PAHANG.

HJ YUSUF
016-9875115

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-20

TARIKH : 19-20 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SELANGOR.

SHAFIQ
013-2159264

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH : 21-22 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA KINABALU, SABAH

HJ AWANG ADI
016-7796889

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH : 22-23 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : ALOR SETAR, KEDAH.

UST FITRI
013-7410321

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-23

TARIKH : 23-24 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : PUSAT DAKWAH ISLAMIAH, PAROI, N.SEMBILAN.

HJ RAZAK AMIT
017-3272205

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-24

TARIKH : 03-04 NOV 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SAVANNA HILL RESORT, ULU TIRAM JOHOR

USTZH ROPINAH
013-7702810

OKTOBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
12 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890
17 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890
19 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890
24 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890
26 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890
31 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,890

19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
25 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690

21 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
25 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
29 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
31 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
03 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
05 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
07 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
09 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
11 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
15 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
03 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
11 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
15 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
12 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
20 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

(768307-X)(KPL/LN.5056/1)

PERAK	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	MELAKA	KEDAH	KELANTAN	PPINANG	PAHANG	JOHOR	SERAWAK	SABAH		
EN FAIZUL 012-568 1150	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ NORSHAM 011-3231 4248	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709 / 011-4066 0800 / 013-741 0321	CIKGU NASIR 013-906 5903	UST LATIF 019-510 0255	HJ YUSUF 016-987 5115	HJ KAMAR 019-776 3300	HJ IBRAHIM 013-823 5841	HJ AWANG ADI 013-559 8889		
SELANGOR Wakil Daerah BATU CAVES HJ NOORDIN 012-640 3144 AMPANG MOHD ROZAIRIZAL 013-364 6452 AMPANG HJH CONNIE 017-681 2727 AMPANG HJH ROSNANI 019-269 0478 GOMBAK USTAZ ZULFEKAR 013-607 7722 KLANG HAJAH FADILAH 011-3550 0615 GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE 019-277 7070 BATANG KALI USTAZ ANAS 019-225 0189 SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT 019-332 6002 KLANG HJ MUSTAFAR 012-350 5437 BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA 012-235 8640 BANGI HJ MOHD JAJOLI 019-359 6423 SHAH ALAM HJ HASSAN 010-221 2662 HULU KELANG HJ ROZALI 019-250 1210 SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL 019-214 0246 BANGI HJH NORIBAH 019-234 1922 HULU SELANGOR NORAI SHAH 012-222 8958 SERENDAH RADZIAH MD ISA 019-567 2254	PAHANG Wakil Daerah BENTONG HJH ROHANI 019-383 4586 JENGA HJH RABIAH 013-704 5646 KUANTAN HJH MARZIANI 013-908 5969 PEKAN HJ YUSUF AWANG 019-958 4003 TEMERLOH HJ JOHARI 012-964 9730 BATU 8, KEM Kuantan HJ BUKHARI 019-916 5638 KUANTAN HJH NORMAH 016-987 5115 BENTONG HJ ABD MANAN 019-383 4586 RAUB NAIM ASHAARI 012-243 7490	SARAWAK Wakil Daerah SG.LADA, SG MIRI ASLI 013-885 1234	SABAH Wakil Daerah SABAH HAJI RAMLI 019-589 3194 BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH 019-883 4852 KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE 013-556 9894 WIP LABUAN EN ZULKIFLI 014-504 1983 KINABATANGAN MOHD JEFRI 011-5166 5630 KUNAK ENCIK KASMAN 014-865 5663 TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN 017-647 1594 SANDAKAN ENCIK SAHAR 019-803 0104 KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA 013-893 6806 SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH 019-823 1419 ZAN BELURAN AWANG DAMIT 013-286 8839 TAWAU DALIA 010-425 9093 TUARAN & KB MIASIN BIN MION 010-510 7871	PERAK Wakil Daerah BOTA HJH AZIZAH 016-774 8965 TAIPING HJ ABDUL RAHIM 016-562 8140 IPOH MOHD ANI 012-589 8965 MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG 017-523 9308 BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD 014-254 5221 BAGAN DATO HAJI HAMZAH 019-347 1575	K. LUMPUR Wakil Daerah SEMARAK KASHPUL ANUAR 016-656 5803 SEGAMBAT HJH ROHANI 019-248 3420 DAMANSARA HAJI ROSLEE 012-327 6401 KEPONG MEGAT NAJIB 012-315 8613	MELAKA Wakil Daerah BANDAR MELAKA HJH MASTURA 017-347 7612 ALOR GAJAH M.NAZEERY 017-698 1474 JASIN PN ROHANI HARUN 012-651 6003	KELANTAN Wakil Daerah KOTA BHARU USTAZ OSMAN 019-980 8538 PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI 013-972 9304 BACHOK CIKGU NURI 019-989 9028 NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI 017-237 2387 TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID 012-951 8172 PASIR MAS HAJI ALIAS 019-915 5656	N.SEMBILAN Wakil Daerah BAHAU UST ZUBIR 012-380 6140 NILAI YAHYA OTHMAN 011-1096 6342 GEMAS RIZAL KEMIS 019-604 6315 TELOK KEMANG ABD RAHMAN 017-365 4399 RASAH AZMAL 016-685 4141 SEREMBAN UBAIDAH 013-361 2875 JELEBU HJ MAZIN 011-1064 1046	PERLIS Wakil Daerah KANGAR MOHD SOLEHIN 019-460 5016	KEDAH Wakil Daerah BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ 019-474 3732	JOHOR Wakil Daerah AIR HITAM/UTTM HJ. BAHARUDDIN 011-1053 0254 PARIT RAJA HJ. YAHYA 013-756 3090 BATU PAHAT HJ. SULAIMAN 017-729 2402 SRI GADING HJ. ABD. JALIL 011-1875 7710 PARIT SULONG HJ. REDZUAN 011-1519 2400 YONG PENG HJ. A. RAZAK 013-770 3346 PT. ALOR RAHMAN HJ. A. RAHIM 017-716 6499 SRI MEDAN HJ. RAMLI 019-761 1117	Wakil Daerah SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD 012-739 8477 PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI 012-722 8004 TMN. BROLEH PN. HAMIMAH 013-956 2524 RENGIT HJH JUNAIDAH 017-752 2803 TKG. PECAH HJH. ARFAH 017-288 9029 JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN 019-700 0440 SRI GADING HJH. ZAHARAH 013-777 7044 SKUDAI EN. ABD. JALIL 019-779 9767 NUSA JAYA HJ. RUHAIZAT 019-661 3068 SENAI EN. ZAINUDDIN 012-798 4778 INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL 018-577 8898 PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH 019-776 3345 KUALA/PASIR RAJA PN. PAZIDAH 013-749 4432 KOTA TINGGI HJ. SAHRONI 019-797 2464 PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM 013-750 1889 PARIT RAJA EN. MAIROP 017-712 3556 KULAI/ULU TIRAM PN. ROPINAH 013-770 2810 SIMPANG RENGAM AZREEN 018-777 0075 KLUANG HJ. SHAMSUDIN 019-715 1764 BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF 019-792 6047 MUAR HJ. WAGIMAN 019-700 0454 KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM 019-720 0536 SIMPANG RENGAM ABD.WAHAB MAH 016-717 9098 ULU TIRAM HJ. MARJONI 013-754 6044 MAJIDEH HJH SUKARTINI 013-716 4114 PLENTONG MUHAMMAD ALI 019-709 1148 BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTTAH 018-313 2274 SETIA INDAH HASNIZAN 016-707 2307 PASIR RAJA EN. SULAIMAN 011-1273 7991 TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN 016-751 6565 TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD 013-722 4568 PARIT RAJA MOHD ZAINOL 019-728 4487 PASIR GUDANG EN. MID. PAUZI 019-728 2233 TAMAN PUTERI USTZH NORYAMAHAINI 019-728 3783 KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS 019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)
HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakaj Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 300-900m). Pakaj 4-5 Orang Sebilik.

Kelantan langgar amaran **Bank Negara**

KERAJAAN Kelantan didakwa terlibat dengan syarikat yang mengutip wang secara haram selepas Bank Negara Malaysia (BNM) memberikan amaran syarikat itu beroperasi tanpa mendapat kebenaran dibawah peraturan yang dikawal selianya.

Ia berlaku apabila kerajaan negeri Kelantan menandatangani perjanjian dengan syarikat itu, Climate Protector Sdn Bhd, walaupun BNM menyenaraikan syarikat itu dalam senarai amarannya.

Sehubungan itu, Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Datuk Husam Musa menggesa BNM mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang beroperasi tanpa kelulusan itu termasuk memeterai perjanjian dengan kerajaan negeri Kelantan melibatkan 1 juta ekar tanah hutan simpan.

"Saya menyeru Bank Negara, janganlah sekadar mengeluarkan amaran tetapi tindakan proaktif terhadap semua skim seperti ini bagi mengelakkan orang awam tertipu. Mereka sudah melabur, kebanyakannya orang Melayu sejak zaman Pak Man Telo lagi.

"Hangus wang berpuluh bilion kerana tidak dipandu pelaburan betul dan mereka cari jalan mudah untuk dapat kekayaan dan pelbagai pihak mengambil kesempatan. Kerajaan negeri pun kadangkala terpedaya," katanya pada sidang media di Wisma Amanah Negara di ibu negara 4 Julai lepas.

Menurut Husam, syarikat tersebut adalah salah satu dari empat syarikat yang dinamakan oleh BNM menerusi satu senarai pemerhatian atau amaran kepada pengguna pada 23 Jun



Husam dalam sidang media di pejabat AMANAH di Kuala Lumpur bagi mendedahkan tindakan kerajaan negeri mencagarkan tanah dalam perjanjian dengan syarikat yang diberikan amaran oleh Bank Negara.

2017.

Pada 26 Jun 2017, Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob mengumumkan projek perniagaan karbon bertaraf dunia diluluskan kepada Climate Protectors Sdn Bhd.

Menurut satu kenyataan BNM, syarikat dan laman sesawang berkenaan tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir BNM.

Climate Protectors memeterai perjanjian dengan Kelantan pada 9 Januari, 2017. Perjanjian

itu meliputi tempoh 30 tahun.

Climate Protector dilaporkan sebagai "syarikat kredit karbon" pertama di Malaysia yang mendakwa teras perniagaannya ialah "inisiatif melindungi alam sekitar daripada pemusnahan hutan dan degradasi (REDD)".


Bagaimanapun, lima bulan lalu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata perjanjian dengan kerajaan negeri Kelantan itu bercanggah dengan syarat ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB).

Senarai syarikat dan laman sesawang berkenaan tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh Bank Negara.

"Rakyat berhak mengetahui sama ada langkah firma tersebut yang beralamat di Kota Bharu menggunakan kelulusan sejuta ekar tanah hutan simpan Kelantan itu dengan mengutip wang orang ramai dengan menjual token dipersetujui kerajaan negeri?"

"Apakah syarikat mengutip wang secara haram menggunakan kelulusan kerajaan negeri," soalnya dalam sidang media itu.



Hentikan perjanjian dengan syarikat 'gharar', gesa **Pemuda AMANAH Kelantan**

Pemuda AMANAH Kelantan menggesa kerajaan negeri itu menghentikan perjanjinya dengan syarikat Climate Protector Sdn Bhd yang melibatkan penyerahan hampir sejuta ekar tanah hutan selama 30 tahun kerana ia bersifat gharar atau tidak jelas.

Ketuanya, Hazmi Hassan mempersoalkan pihak yang memperoleh keuntungan RM17 juta dalam perdagangan karbon itu yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Menurutnya, sebanyak RM17 juta wang hasil pelaburan awam telah dikaut atas tujuan saham pelaburan tersebut dengan bersandarkan perjanjian antara syarikat itu dengan kerajaan Kelantan walaupun carbon credit bukan bahan komoditi.

"Ke mana wang itu pergi? Apakah kerajaan Kelantan sudah 'diperdagangkan' oleh syarikat tersebut bagi mengaburi mata orang awam dalam urusan pelaburan yang tidak diiktiraf ini?"

"Kerajaan Kelantan wajib menjawab segera, apakah yang berlaku sebenarnya, jangan cuba berdoalah kerana ini melibatkan aset negeri seluas hampir satu juta ekar tanah hutan dan jualan saham awam mencecah RM17 juta," tegasnya dalam satu kenyataan.

Lebih mengejutkan, jelas beliau, Bank Negara



Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob ketika menandatangani perjanjian dengan syarikat Climate Protector Sdn Bhd

Malaysia telah menyenaraikan syarikat Climate Protector Sdn Bhd apabila disyaki terbabit dalam skim penipuan matawang maya (Crypto Currency) melalui penggunaan EcoBit.

"Sekaligus menimbulkan kebimbangan, apakah kerajaan Kelantan bakal menjadi mangsa dalam skim penipuan matawang maya ini, apabila terlibat dalam perdagangan karbon yang

diuruskan oleh syarikat tersebut," ujarnya.

Sehubungan itu, Pemuda Amanah Kelantan, tegas beliau, menolak sekeras-kerasnya sebarang kerjasama antara kerajaan Kelantan dengan penjenayah kolar putih terbabit apatah lagi apabila melibatkan kepentingan awam iaitu tanah hutan negeri Kelantan seluas hampir satu juta ekar.

"Sekiranya kerajaan Kelantan masih bersikap membisu dalam hal ini, kami Pemuda Amanah Kelantan akan memobilisasikan himpunan amarah rakyat secara besar-besaran di hadapan SUK Kelantan, sehingga semua pihak yang terlibat dalam hal ini menjawab dengan segera," tegasnya.

Menurut Hazmi, skandal tersebut melibatkan maruah negeri dan rakyat Kelantan serta bakal mencemari rekod bersih pentadbiran kerajaan seperti ditunjukkan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang memisahkan sebarang urusan kerajaan dari unsur gharar dan riba.

"Apakah kerajaan Kelantan sudah menjadi Penjenayah Kopia Putih apabila bekerjasama dengan penjenayah kolar putih ini sehingga sanggup 'mencagarkan' aset negeri Kelantan kepada sebuah syarikat yang telah disenarai hitam oleh BNM ini?" soalnya lagi.

Keluarga peneroka Felda rayu tidak terus ditindas

Teks **ARIF ATAN**
Foto **WAN ZAHARI WAN SALLEH**

WALAUPUN bangunan ibu pejabat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) gah di Persiaran KLCC tetapi mendengar sendiri luahan anak muda Felda di Hulu Selangor baru-baru ini menyerlahkan sisi gelap pengurusan syarikat perladangan itu terhadap hak ribuan keluarga peneroka.

Generasi ketiga peneroka Felda Gedangsa, Mohammad Syafiq Musa, 28, memberitahu paling ketara golongan peneroka pada masa ini tidak lagi diberi penjelasan berkenaan kaedah tanam semula selain dibebani hutang ratusan ribu ringgit.

"Sekarang Felda mahu tanam semula, isunya mereka tidak beri penjelasan kepada peneroka tentang kaedah tanam semula yang betul. Kita mahu kerja-kerja ladang diterangkan kepada peneroka dengan memaklumkan bila mula tebang dan tanam semula bukan sekadar serah borang suruh tandatangan.

"Kalau dulu, tiga tahun tanam boleh ambil pinjaman sara hidup tetapi sekarang perlu menanti sehingga lapan tahun. Pinjaman sara hidup pula bersifat hutang dengan kadar faedah tinggi mencecah 6.25 peratus," keluhnya ketika ditemui akhbar mingguan *Amanah*, 5 Julai lalu.

Menurut ayah kepada seorang anak ini, apa yang menjadi masalah kepada peneroka apabila mereka tidak diberi pemahaman yang jelas tentang hutang yang ditanggung sedangkan angka semakin menggunung.

"Kebanyakan peneroka generasi awal akan ikut saja kehendak Felda tanpa Felda beri penjelasan yang sewajarnya. Mereka tidak diberi penyata hutang. Apabila ditanya hutang berapa, ada yang jawab RM100,000,



Syafiq Musa ketika ditemubual akhbar mingguan *Amanah* di kediamannya baru-baru ini.

RM200,000. Paling membimbangkan kami, timbunan hutang ini diwariskan pula kepada anak, cucu," tegasnya.

Syafiq kemudiannya menunjukkan Perjanjian Tanam Semula Kali Kedua dan Pengurusan Kebun antara Felda dan peneroka rancangan yang terdiri daripada 10 halaman lengkap empat jadual termasuk kadar pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil sawit.

Beliau yang juga meluahkan rasa kecewa peneroka lain yang melihat syarat-syarat dalam perjanjian itu tidak menghormati hak mereka apabila lebih menyebelahi anak syarikat Felda iaitu Felda Technoplant Sdn. Bhd. (FTP) yang dilantik untuk menguruskan kebun peneroka.

Berserta potongan setiap bulan dan bagi setiap ekar seperti Caruman Tabung Tanam Semula, Tabung Pemulihan Ladang dan Jalan Pertanian, peneroka dibebani dengan pelbagai kos walaupun Pengerusi baharu Felda, Tan Sri Shahrir berbangga dengan aset pelaburan bernilai RM5.4 bilion dalam

bentuk saham tersenarai.

Malangnya, Syafiq berkata, manfaat hasil kutipan tabung itu menimbulkan 'misteri' apabila dilihat gagal disalurkan kembali demi kepentingan peneroka rancangan.

"Duit pelbagai jenis tabung itu bila kita tanyakan mana perginya, pihak Felda gagal jawab. Kita pertikaikan sebab kenapa hutang peneroka terus bertambah sedangkan setiap bulan peneroka bayar.

"Masalah ini bukan sahaja berlaku di sini (Felda Gedangsa). Semua tanah rancangan pun alami isu sama. Sepatutnya hasil Tabung Tanam Semula dan Tabung Pemulihan Ladang digunakan kembali sesuai dengan namanya.

"Kalau tidak dimanfaatkan kepada peneroka, jadi hasil menabung itu untuk siapa? FTP tidak mengurus ladang secara efisien. Hutang ditanggung peneroka tapi keuntungan diambil oleh FTP," bidasnya.

Tidak menuduh tanpa bukti tetapi bercakap atas pengalamannya yang turun ke kebun sawit sejak zaman kanak-kanak melihat ayahnya bekerja, Syafiq bimbang berlakunya penyelewengan ke atas hak keluarga peneroka seperti terbukti dengan banyak tangkapan membabitkan pegawai Felda baru-baru ini.

Menurutnya, masalah berkaitan hak dan kebajikan peneroka paling ketara selepas Tan Sri Isa Samad dilantik sebagai Pengerusi Felda dan Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

"Saya difahamkan oleh ayah saudara saya yang pencen daripada Felda dalam sektor kejuruteraan tiga tahun lepas, sebelum era Isa Samad, ahli lembaga pengarah boleh menentukan keputusan.

"Tapi sejak ada FGV, banyak dasar Felda tidak boleh ditentukan ahli lembaga pengarah. Semuanya Isa Samad. Selepas Isa, polisi yang ada tidak banyak memihak kepada peneroka," ujarnya.

Mengakui ramai peneroka menyedari bahana yang dibawa Isa Samad ke atas Felda, beliau menyifatkan pemimpin Umno itu tiada 'roh' Felda apa lagi bukannya anak peneroka rancangan.

"Dulu, ramai juga peneroka pertikai tindakan Perdana Menteri melantiknya yang dilihat macam taktik mencairkan aset-aset Felda untuk kepentingan politik parti. Apa yang dibimbangkan Mazlan Aliman (Pengerusi Anak) sebelum ini sekarang sudah terbentang depan mata," katanya.

Jelas Syafiq, peneroka pada masa ini juga dikenakan potongan sebanyak RM50 untuk urus niaga FGV memandangkan peneroka hanya memperoleh 800 unit saham bukannya satu lot.

"Jadi peneroka tidak boleh jual (saham) sebaliknya mereka kena bayar pula RM50 kepada FGV untuk menguruskan saham itu.

"Sebelum Hari Raya tahun ini, baru FGV beri peneroka RM180. Berbaloi-kah sedangkan peneroka sudah bayar RM600 untuk tempoh setahun? Kita pun maklum saham FGV jatuh merudum daripada nilai asal yang mereka beli.

"Bukankah hanya ambil duit kutipan sedia ada bukannya keuntungan daripada saham FGV? Contoh paling mudah ini pun, FGV tiada ketelusan" tegasnya.

Seterusnya, kami bergerak ke kebun kelapa sawit di penempatan Felda itu bagi mendapatkan gambaran tentang

kepincangan pengurusan FTP. Tengah hari itu, dapat dilihat pelepah yang banyak pada setiap pohon sawit yang bagi Syafiq menjejaskan proses memperoleh buah sawit sekali gus kuantiti minyak yang dihasilkan.

"Kerja membuang pelepah ini antara tanggungjawab FTP tapi nampaknya tidak dititiberatkan. Kerja membaja dan meracun juga sepatutnya mesti ikut jadual. Malangnya, FTP tidak urus ladang sawit ikut prosedur kerja. Akibat penjagaan tidak betul, masalah akan muncul tiga tahun nanti.

"Peneroka akan menanggung lebih banyak hutang selagi tidak keluar hasil disebabkan penjagaan yang tidak betul. Pendapatan peneroka terjejas teruk sebab FTP gagal mengurus kebun.

"Selepas tiga, empat, atau lima tahun kalau kebun tidak keluar hasil, bagaimana peneroka hendak mendapat (pinjaman) Pendahuluan Hasil sebab kebun tidak diurus dengan baik?" ujarnya sambil turut menunjukkan keadaan pelepah yang banyak pada setiap pohon.

Suasana tenang di tengah kebun sawit yang bersebelahan negeri Perak itu dengan menyusuri jalan tanah merah menggunakan motosikal menyaksikan penindasan ke atas keluarga peneroka seperti sengaja dibiarkan berlaku.

Bagi Syafiq, pihak FTP menggunakan pelbagai alasan sekiranya peneroka mengadukan masalah kepada mereka termasuk alasan pekerja tidak mencukupi selain masalah kontraktor.

"Kita memang boleh memantau kerja FTP tetapi FTP yang patut pastikan mereka cukup pekerja dan kontraktor lantikan mereka buat kerja.

"FTP tidak boleh bersikap lepas tangan. Bagi projek pada kontraktor kemudian lepas begitu saja sebab tanggungjawab FTP pastikan kontraktor berkebolehan menguruskan ladang.

"Felda lantik FTP urus kebun sawit peneroka sudah lebih 10 tahun lalu. Sebelum adanya FTP, tiada masalah seperti sekarang ini sebab Felda yang urus tender, lantik kontraktor.

"Tapi sekarang, Felda serah pengurusan ladang kepada FTP. Kontraktor pula biasanya akan buat pula subkontraktor. Itu yang kos pekerja jadi rendah dan akibatnya mereka kerja sambil lewa," katanya yang juga pengusaha madu kelulut itu.

*** Minggu depan: Perkongsian Syafiq tentang isu perumahan generasi kedua dan situasi politik semasa di Felda.**



Peneroka kecewa syarat dalam Perjanjian Tanam Semula cenderung menjerat mereka dalam kitaran hutang.

DoJ hanya sita aset penjenayah

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) bukannya mencampuri urusan Malaysia sebaliknya mengheret penjenayah pengubahan wang haram yang terkait dengan syarikat pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ke muka pengadilan.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata, harta yang dibeli menggunakan wang 1MDB akan dirampas dan dcairkan dalam bentuk tunai untuk diserahkan kembali kepada 1MDB jika mahkamah di AS membenarkan permohonan tindakan undang-undang sebelum ini.

"Rakyat amat berharap agar sesuatu perlu dilakukan di negara kita Malaysia untuk mengheret mereka yang terlibat dan bersubahat dalam kes 'pencurian mega' wang 1MDB yang menyebabkan aktiviti pengubahan wang haram tersebut dilakukan oleh individu seperti disebut dalam laporan DoJ.

"Amerika Syarikat mahupun pihak asing lain tidak mencampuri urusan perundangan Malaysia dan jangan pula Malaysia dilihat dunia sebagai mencampuri urusan proses perundangan di Amerika Syarikat oleh DoJ semata-mata untuk 'mencucikan penjenayah' yang telah merosakkan nama baik Malaysia di mata dunia," tegasnya dalam satu kenyataan, 30 Jun lalu.

Mengulas dakwaan kononnya laporan DoJ berhubung penglibatan individu yang dinamakan Malaysian Official 1 (MO1) dan isteri MO1 dalam jenayah pengubahan wang haram dari aliran akaun 1MDB, beliau menyifatkan hal tersebut sebagai sangat memalukan.

"Komen-komen dari pemimpin parti Umno-BN serta segelintir pemimpin pembangkang termasuk Pas serta beberapa orang mufti adalah dilihat sebagai percubaan untuk mencucikan pelaku jenayah pengubahan wang haram di Amerika," ujarnya.

Menurutnya, dokumen saman yang difailkan DoJ secara jelas untuk menyita dan mendapatkan kembali hasil penyelewengan berjumlah US\$540 juta (RM2.3 bilion) dalam bentuk aset-aset yang dipercayai dibeli menggunakan wang yang diseleweng dari akaun 1MDB yang keseluruhannya menjangkau US\$1.7 bilion (RM7.3 bilion).

"DoJ bertindak memfailkan kes tersebut di mahkamah Amerika Syarikat setelah siasatan mendapati wang yang 'dirompak' dari 1MDB tersebut telah digunakan untuk transaksi-transaksi di Amerika Syarikat di mana ianya jelas membabitkan perbuatan pengubahan wang haram (money laundering) yang menjadi kesalahannya di Amerika Syarikat serta di seluruh dunia.

"Malaysia juga tidak terkecuali kerana Malaysia juga mempunyai undang-undang bagi mencegah pengubahan wang haram iaitu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Keganasan 2001 akta 613 atau lebih dikenali sebagai AMLA-TFAPUAA seperti di Amerika Syarikat.

"Justeru, apa yang diseret dan dipalitkan nama-namanya seperti MO1 oleh DOJ adalah pelaku jenayah pengubahan wang haram tersebut," jelas pemimpin Pas itu.

Sehubungan itu, Mahfuz berpendapat kenyataan Jabatan Peguam Negara Malaysia yang dianggap tampil menjadi 'hero' bawha tiada berlaku apa-apa kes kecurian dalam 1MDB serta peringatan jangan biar campur tangan asing dalam kes 1MDB adalah sangat pelik.

Hal ini kerana, katanya, siasatan pihak berkuasa AS menemui kes pengubahan wang haram dari dana 1MDB yang dikitar di negara berkenaan dikembalikan semula ke Malaysia untuk MO1 dan isteri MO1.

"Dengan kenyataan-kenyataan yang sedemikian rupa pastinya, PM Najib Razak, MO1 dan isteri MO1 tersenyum lebar hingga ke telinga melihat agamawan yang sungguh menawan sedangkan rakyat Malaysia sedikit pun tidak tertawan dengan kenyataan yang seolah-olah untuk memperbodohkan rakyat Malaysia yang bijak bestari," tambahnya lagi.

Bantah campur tangan asing tapi terlibat perang Yaman

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Kuala Terengganu mempersoal sikap pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang memban tah 'campur tangan' Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dalam isu pengsonglapan dana 1MDB tetapi tidak membantah malah terlibat dalam kempen serangan diketuai Arab Saudi terhadap Yaman.

Menurut Datuk Raja Bahrin Shah, kerajaan Malaysia tidak langsung bersuara dalam isu serangan udara Arab Saudi bersama sekutu Amerika Syarikat ke atas Yaman malah wakil Malaysia dilaporkan berada dalam bilik operasi tentera Arab Saudi di Riyadh.

"Malaysia bukan sahaja tidak membantah tetapi membantu dengan bersubahat dengan

kerajaan Arab Saudi serta sekutu Baratnya menyerang Yaman.

"Laporan rasmi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) setebal 240 muka bertarikh 12 Januari 2017 menyatakan penglibatan Malaysia bersama Amerika Syarikat, Britain dan Perancis beribu-pejabat di bilik operasi serangan ke atas Yaman di Riyadh.

"Nama Malaysia telah disebut beberapa kali dalam laporan rasmi PBB tersebut," tegas beliau.

Menurut Raja Bahrin, beliau telah menimbulkan persoalan ini beberapa kali di Parlimen namun tiada jawapan konkrit diberikan kerajaan.

Serangan Saudi ke atas Yaman, ujarnya telah mengorbankan ribuan orang awam termasuk

anak kecil, wanita dan warga tua malah kini negara itu dilanda kebuluran dan wabak kolera.

Beliau turut mempersoal penglibatan Malaysia dalam operasi latihan ketenteraan "North Thunder" Arab Saudi bersama sekutu Arab-Afrika sedangkan tiada negara Islam bukan Arab seperti Indonesia atau Turki terlibat.

"Kenapa Malaysia mahu masuk campur urusan benua Arab-Afrika selain dari hanya mahu mengambil hati kerajaan Arab Saudi?" soal beliau.

Merujuk isu saman sivil DoJ terhadap beberapa penyangak yang didakwa menyelewengkan dana syarikat pelaburan negara 1MDB, Raja Bahrin menyifatkan ia bukan satu campur tangan asing memandangkan pihak berkuasa

Amerika Syarikat hanya bertindak terhadap kemasukan wang dari Malaysia secara haram ke dalam sistem kewangan Amerika.

"Tindakan yang sama ini juga telah diambil oleh kerajaan Abu Dhabi, Singapura, Switzerland dan Hong Kong tetapi mengapa mereka juga tidak pula dituduh 'campur tangan' dalam urusan Malaysia?"

"Ini adalah peraturan biasa di bawah undang-undang pengubahan wang haram di mana-mana negara termasuk Malaysia," ujarnya.

Sehubungan itu, Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH itu meminta pemimpin BN dan Pas yang memainkan isu campur tangan asing dalam kes saman sivil DoJ supaya mendapatkan penjelasan sebenar dan berlaku adil.

Umum kos taja haji tapi gagal bentang penyata kewangan

KUALA LUMPUR: Veteran DAP Lim Kit Siang mempersoalkan tindak tanduk syarikat pelaburan negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang boleh mendedahkan kos penajaan jemaah haji sejak 2011 tetapi masih gagal mendedahkan penyata kewangan penuhnya selama tiga tahun yang lalu.

"Jumlah hutang 1MDB boleh berada sekitar RM50 bilion hingga RM55 bilion - yang mana RM56 juta yang digunakan 1MDB untuk menaja Jemaah haji ke Makkah sejak enam tahun lalu sejak 2011 berada di sekitar 0.01 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang 1MDB.

"Jika 1MDB boleh mendedahkan perbelanjaan RM56 juta sejak enam tahun lalu menaja 5,711 jemaah haji ke Makkah, mengapa 1MDB tidak boleh mendedahkan laporan kewangannya sejak tiga tahun lalu?" katanya dalam kenyataan.

Sejak tahun 2011, seramai 5,711 jemaah telah ditaja menunaikan haji dengan perbelanjaan sebanyak RM56 juta melalui program khas Perdana Menteri -Yayasan 1MDB.

Menurut pengerusi jawatankuasa program berkenaan Datuk Jailani Ngah, pada tahun ini pula seramai 1,100 jemaah ditawarkan menyertai program tersebut.

Kit Siang mendakwa, berkemungkinan hanya kira-kira 0.01 peratus daripada anggaran jumlah hutang 1MDB yang berjumlah RM50 bilion hingga RM55 bilion digunakan untuk program penajaan haji.

"Ini seolah-olah peruntukan besar kepada amal, tetapi sebenarnya hanya secebis berbanding hutang 1MDB," katanya.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu juga berkata, kali terakhir akaun 1MDB diaudit dan diterbitkan ialah pada bulan Mac 2014.

Sejak tarikh itu sehingga sekarang, penyata kewangan syarikat sarat hutang tersebut masih menjadi misteri termasuk kepada menteri-menteri kabinet.

"Saya menyeru Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya memikul tanggung jawab penuh sebagai individu, kerajaan dan perdana menteri terhadap skandal 1MDB dengan mendedahkan kepada orang awam perincian kewangan 1MDB hutang-hutang dan segala peruntukan yang dikeluarkan.

"Bukannya sekadar mendedahkan maklumat tertentu sahaja seperti penajaan menunaikan haji sebanyak RM56 juta sejak 2011," katanya lagi.

Pemimpin BN tak peduli reputasi buruk negara, kata Tun M

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap pemimpin Umno dan BN yang terus mendiamkan diri walaupun mengetahui pemimpin mereka menyalahgunakan kuasa dan menjadi tumpuan siasatan dan tuduhan negara luar.

Para pemimpin Umno dan BN, katanya mengetahui tentang saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dan penahanan jurubank serta penutupan bank di Singapura yang dikaitkan dengan syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Mereka tahu tentang kegiatan rasuah berleluasa melibatkan duit curi yang dilakukan (Datuk Seri) Najib (Razak) bermula sebaik sahaja ianya menjawat jawatan (perdana menteri). Dia telah menghancurkan Umno dan negara," dakwa Dr Mahathir dalam catatan terbaru di blognya, chedet. cc 29 Jun lalu.

Dr Mahathir menamakan Menteri Multimedia dan Komunikasi Mohd Salleh Said Keruak, Ketua Penerangan Umno Annuar Musa, Timbalan Perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Hishamuddin Hussein dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Mustapa Mohamed sebagai antara mereka yang mengetahui perkara sebenar tetapi didakwa memilih untuk terus mendiamkan diri.

Dia juga kesal kerana pemimpin parti komponen BN daripada MIC dan MCA dan semua menteri Kabinet lepas tangan daripada masalah itu.

"Mereka tidak kisah apa yang akan jadi kepada negara ini, kepada rakyat dan kepada reputasi kerajaan yang baik yang dibina pemimpin terdahulu.

"Apa yang mereka kisah hanyalah kedudukan mereka, kemudahan yang mereka dapat serta kemungkinan besar dedak yang diperolehi. Biarlah negara ini hancur," kesal beliau.

Rahsia cantik secara alami

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kesucian, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk **Dr. Olive Bodycare** ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun **Dr. Olive Bodycare** setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. **Dr. Olive Bodycare** memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk **Dr. Olive Bodycare** terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun morningga, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah. Setiap sabun mempunyai keistimewaannya sendiri.



Pengasas Dr Olive Puan Zaiton Abu Bakar

Rambut kita berbeza-beza dan penjagaannya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapalterbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari **Dr. Olive Bodycare** mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada Dr.Olive Bodycare Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembapkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2 minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk **Dr. Olive Bodycare**. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk **Dr.Olive Bodycare** yang alami, selamat dan berkesan.

■ Untuk maklumat lanjut sila layari www.wix.com/drolivebodycare

Natural Safe Effective

PROMOSI
0124902861
untuk urusan pembelian
DAPATKAN SEGERA!!

SUNSCREEN (CREAM)

HANYA RM 20.90

1. Melindungi kulit muka daripada selar matahari, terutama bagi individu yang berkulit putih.
2. Sesuai dipakai oleh semua peringkat umur.
3. Ratakan krim ini di wajah yang telah dibersihkan, sebelum keluar beraktiviti.

DEODORANT (CREAM)
RM 20.90

Melindungi dari bau badan yang tidak menyenangkan dan memutihkan ketiak

SERUM
RM 34.90

Mengandungi bahan asli seperti Avocado, Sweet Almond, Olive Vitamin E

SABUN LOOFAH LAVENDER LEMON
RM 24.90

Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit

SABUN KOPU (SKRUB)
RM 24.90

Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit

- ✓ Handmade product
- ✓ Free harmful chemical
- ✓ Free paraben
- ✓ Organic

1MDB: Negara kecil, skandal kewangan terbesar

LAPORAN terbaru Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat tentang isu penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah menimbulkan pelbagai reaksi rakyat Malaysia yang tidak lekang menceritakannya meskipun di hari lebaran sewaktu kunjung-mengunjungi sanak saudara dan teman.

DoJ sudah masuk kali ketiga memfailkan saman sivilnya, selepas kali pertama melakukannya pada 20 Julai 2016 yang lalu. Langkah saman sivil telah memberikan kesan yang sangat besar dan boleh dianggap sebagai skandal terbesar di abad ini. Langkah ini dilakukan bagi melindungi kewangan AS dan sistem perbankan di bawah Jabatan Inisiatif Pemulihan Aset Kleptokrasi sambil menggunakan aset yang dirampas untuk mengembalikan manfaat kepada pihak yang menanggung kerugian, dalam aspek ini rakyat Malaysia.

Menurut DoJ, makna 'penyitaan sivil' (civil forfeiture) adalah sebuah proses undang-undang di mana pihak berkuasa undang-undang akan merampas aset-aset daripada pihak yang disyaki terlibat dalam perlakuan jenayah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Tindakan penyitaan ini tidak semestinya menyebabkan pemilik harta tersebut didakwa, paling utama ialah harta-harta yang diperoleh secara haram akan disita oleh kerajaan Amerika Syarikat di bawah undang-undang tertentu.

Baru-baru ini ketika bulan Ramadan, DoJ telah memfailkan saman sivil ketiganya berkaitan 1MDB dan mendakwa sejumlah dana US\$4.5 bilion (RM19.3 bilion) telah diselewengkan, kini mereka dalam proses merampas aset US\$1.7 bilion (RM7.3 bilion) yang didakwa dicuri daripada 1MDB.

Turut disenaraikan ialah sejumlah 28 barangan kemas lain yang didakwa dibeli untuk isteri Malaysian Official 1 (MO1), termasuklah rantai berlian merah jambu 22 karat yang bernilai US\$27.3 juta. MO1 ialah Datuk Seri Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia seperti yang disahkan oleh Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jikalau ini hanya sekadar satu skrip rekaan atau fitnah semata seperti mana yang sering disuarakan oleh pimpinan Umno BN, mengapa DoJ begitu terperinci dan teliti untuk menyenaraikan barang-barang yang dibeli dengan duit curi itu?

Suara-suara sumbang sebagai jurucakap pembela kerajaan kleptokrasi (perompak, penyangak dan pencuri) hanya boleh berterusan berbohong bagi menyembunyikan pembohongan demi pembohongan serta penipuan yang sedang didedahkan satu persatu di merata dunia sedangkan di dalam negara sendiri 'tiada kes'. Skandal 1MDB begitu besar



impaknya kerana telah melibatkan banyak negara termasuklah Singapura, Switzerland, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

Baru-baru ini saya telah ditemuramah oleh AlJazeera yang bertanyakan tentang kesan skandal 1MDB terhadap negara. Saya katakan dengan tegas bahawa kesannya amat buruk terutama apabila dana terbesar Malaysia telah disedut dan diselewengkan kepada pelbagai pihak sedangkan sepatutnya ia memberi manfaat kepada rakyat.

Yang terkini, menurut laporan oleh Wall Street Journal, syarikat-syarikat yang berkait dengan Duta Emiriah Arab Bersatu (UAE) ke AS dipercayai telah menerima US\$66 juta daripada akaun pesisir pantai yang terkandung wang yang didakwa diselewengkan daripada dana 1MDB. Ini amat mengejutkan! Pelbagai pihak dalam dan luar negara telah menangguk di air keruh!

Tindakan DoJ bertepatan kerana dipercayai wang 1MDB telah diselewengkan di dalam negara mereka dan melanggar undang-undang negara tersebut. Oleh itu, AS mempunyai hak untuk bertindak dalam kerangka dan bidang kuasa mereka kerana kesalahan telah dilakukan di dalam negara mereka.

Apa yang sebenarnya menyakitkan hati dan malang buat rakyat Malaysia ialah berbilion ringgit yang dicuri ini bukan digunakan untuk membantu rakyat tetapi bagi kegunaan sendiri dan beberapa kroni. Yang kaya bertambah kaya, rakyat semakin terhimpit dengan kos sara hidup yang semakin menggunung tingginya. Terlajak perahu boleh diundur, namun terlajak perbuatan menyesal sehingga ke akhirnya.

Keputusan Datuk Seri Najib Razak memecat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kemudiannya menggantikan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail serta pegawai kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang terlibat aktif dalam penyiasatan dan pembongkaran 1MDB memberi petunjuk jelas akan konspirasi cubaan untuk menutup skandal ini.

Sepatutnya Malaysia sebagai sebuah negara Islam turut mengambil tindakan yang sama

bagi mencegah kemungkaran (kecurian, penyelewengan) daripada terus berleluasa. Namun, sewaktu kes 1MDB dibuka, apa sudah terjadi kepada Muhyiddin dan Gani Patail? Bagaimana keadilan hendak diangkat?

Saya begitu yakin rekod negara kecil dengan sejarah jenayah kewangan terbesar dunia akan terus dipegang oleh negara kita untuk tempoh yang sangat panjang sekiranya mereka yang terlibat secara berterusan mengunci mulutnya tanpa memberikan penjelasan kepada negara tentang skandal ini.

Tindakan DoJ ke atas jenayah penggubahan wang haram yang berlaku di negara tersebut sebenarnya tiada berlaku sebarang campur tangan asing oleh AS kerana secara dasarnya, di mana-mana negara sekalipun berhak mengenakan tindakan terhadap sesiapa yang telah melanggar undang-undang negara mereka seperti mana yang dilakukan terhadap syarikat pelaburan 1MDB.

Di dalam negara sendiri kita sebagai rakyat amat risau, tiada sebarang bentuk perbincangan malah jauh sekali tindakan diambil terhadap jenayah rompak besar-besaran terhadap dana rakyat. Parti pemerintah pada hari ini hanya membisu mengenai hal ini, jika ada yang 'berbunyi' sekalipun hanya berniat untuk mempertahankan 1MDB dan individu yang disabitkan termasuk MO1.

Apakah yang masih tertinggal sebagai keadulatan negara kita? Apabila hampir kesemua institusi utama telah dirobuhkan dan dikuasai 'sang penguasa'. Di mana lagi tempat untuk rakyat mencari suara hati mereka untuk menjawab persoalan-persoalan dunia sedangkan pimpinan Umno BN semuanya seiya sekata sehati sejiwa memperlekehkan DoJ.

Mengapa DoJ seolah-olah dipersalahkan hanya kerana menyiasat dan mendakwa kes yang berlaku di negara mereka sendiri? Tindakan pimpinan Umno BN yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan memperlekehkan DoJ hanya menyerlahkan kedangkalan dan emosi mereka dengan tujuan untuk membiarkan pentadbiran kleptokrasi bermaharajalela.



PENDAPAT
SYED IBRAHIM SYED NOH

Pakatan Harapan dan parti-parti pembangkang baru-baru ini telah mendesak supaya laporan siasatan oleh institusi-institusi siasatan negara dibentangkan melalui Kertas Putih di Parlimen. Menurut Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Pembangkang dan Presiden Keadilan, agensi berwajib seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu membuka kembali kertas siasatan.

"Nama baik negara dimalukan apabila sekurang-kurangnya sembilan negara menjalankan siasatan terhadap skandal ini. Namun, kertas siasatan ditutup oleh semua agensi berwajib Malaysia. Perdana Menteri, kerajaan persekutuan dan agensi-agensi berwajib Malaysia. Perdana Menteri, kerajaan persekutuan dan agensi-agensi berwajib tidak boleh lagi berdiam diri mengenai isu ini," tegas beliau.

Langkah yang sewajarnya diambil ialah membersihkan nama negara dan mengambil tindakan proaktif menyelesaikan kemelut akibat penyelewengan dana 1MDB. Jangan tunggu pihak yang lain mencari bukti, merampas aset dan menegak keadilan sedangkan isunya terpampang jelas dan besar bagai bangkai gajah di laman sendiri. Laksanakan ini demi rakyat.

■ Syed Ibrahim Syed Noh ialah Ketua Penerangan Keadilan.

1MDB: Pas pertahan idea campur tangan asing

KUALA LUMPUR: Setelah menerima kecaman daripada pelbagai pihak ekoran surat terbuka yang ditujukan kepada pemimpin politik berhubung campur tangan asing dalam isu saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ), Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan tampil membela presiden partinya.

Menurut Nasrudin, umum telah mengetahui individu-individu tertentu yang telah membuat aduan kepada pihak berkuasa di Paris, Switzerland dan Amerika Syarikat berhubung isu 1MDB.

"Soalnya, apa motif mereka buat aduan di US (Amerika Syarikat) mengenai isu 1MDB? Kenapa singkat akal mereka, lapor hal negara kita kepada Amerika yang berlagak polis dunia itu? Kita tahu ada pihak yang sengaja jemput US campur tangan isu dalam negara kita.

"Ini maksud Tuan Guru Haji Abdul Hadi mengenai isu campur tangan asing. Apapun salah laku dalam negara, kita selesaikan perhitungannya dalam negara kita. Rakyat boleh guna kuasa undi dalam pilihan raya untuk tukar kerajaan," katanya dalam satu kenyataan ringkas.

Beliau juga memberikan perumpamaan "jangan undang beruang untuk tampar nyamuk di muka kancil" bagi merujuk tindakan 'mengundang campur tangan asing' itu.

Sebelum ini pelbagai pihak mengkritik Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana mendakwa skandal kewangan seperti 1MDB, harus diselesaikan tanpa bantuan pihak asing.

Menurut mereka, kesalahan yang didakwa DoJ dilakukan individu terbabit di Amerika Syarikat dan negara itu berhak bertindak terhadap pelaku.

Abdul Hadi dalam surat terbuka yang diterbitkan laman rasmi Pas 22 Jun lalu mendakwa skandal kewangan seperti BMF, Perwaja Steel, Tabung Haji dan 1MDB perlu

'diselesaikan secara dalaman' berbanding menjemput bantuan asing.

Mengulas kenyataan Abdul Hadi itu, bekas presiden Majlis Peguam Ambiga Sreeneva-san berkata, sehingga kini tiada sebarang tindakan undang-undang diambil pihak berkuasa Malaysia terhadap skandal 1MDB manakala agensi penguatkuasaan tempatan melengah-lengahkan siasatan terhadap 1MDB.

Sedangkan katanya, DoJ telah mengajukan tiga saman sivil untuk merampas aset yang dibeli dengan dana berjumlah US\$4.5 bilion (RM19.4 bilion) yang didakwa diselewengkan daripada 1MDB.

"Sudah tentu, ramai yang gembira kerana ada sesuatu sedang dilakukan di luar negara tentang ibu semua skandal ini kerana penguatkuasa undang-undang di Malaysia tidak melihat sebarang kesalahan walaupun terdapat bukti besar yang berlawanan," kata Ambiga, yang juga presiden Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (Hakam).

Beliau menyifatkan surat terbuka Hadi sebagai mencerminkan "salah faham" tentang ciri tanpa sempadan aktiviti jenayah yang berkaitan dengan 1MDB.

"Ia tidak terhad kepada Malaysia. Ia bersifat antarabangsa. Dan setiap kerajaan luar, bagi setiap jenayah yang dilakukan di sana, ia mempunyai hak untuk mengambil tindakan. Kita tidak boleh menghentikannya," kata Ambiga.

Menurut beliau, adalah tidak wajar bagi sesiapa pun untuk mengganggu sistem perundangan Amerika Syarikat dan memberitahu mereka apa yang tidak atau boleh dilakukan.

Menurut beliau, adalah tidak wajar bagi sesiapa pun untuk mengganggu sistem perundangan Amerika Syarikat dan memberitahu mereka apa yang tidak atau boleh dilakukan.

Di masa yang sama, katanya mencadangkan isu 1MDB ditangani secara domestik

adalah sia-sia kerana peguam negara sendiri meminta polis untuk menyiasat lebih lanjut.

Hadi dalam surat terbukanya mahu pihak berkuasa mengendalikan skandal kewangan itu dengan "sebodoh-bodoh dan sezalim-zalim dalaman kita, biar kita yang tanggung sendiri".

Pakar ekonomi Ramon Navaratnam yang mengetuai pemikir Pusat Pengajian Dasar Awam, berkata Hadi "sangat defensif dengan status quo".

"Kita tidak boleh menjadi 'myopic' (tidak berpandangan jauh) dan hidup sendiri," kata bekas pengerusi Transparency International itu.

"Kita perlu berfikiran terbuka dan berpandangan jauh. Kita perlu mengalu-alukan kritikan membina," kata Ramon.

DoJ meneruskan tindakan undang-undang pada 15 Jun untuk merampas aset US\$ 540 juta yang dipercayai dibeli dengan wang dicuri daripada 1MDB kerana jenayah itu dilakukan di Amerika Syarikat (AS).

DoJ turut memfailkan saman merampas harta di London yang didakwa dibeli dengan dana 1MDB.

Saman terkini adalah paling penting sejak Julai lalu apabila pihak berkuasa AS pertama kali mengisytiharkan rakyat Malaysia ditipu dalam skala besar berkaitan dengan 1MDB.

DoJ sedang berusaha menyita harta milik jutawan kontroversi warga Malaysia, Low Taek Jho atau Jho Low (gambar) yang merangkumi kapal layar mewah bernama Equanimity bernilai AS\$165 juta, karya seni, barang kemas dan hartanah di New York serta Los Angeles.

"Hadi perlu sedar Jho Low dan rakan-rakannya dituduh mengambil dana berkaitan 1MDB dan membersihkannya di seluruh dunia," kata Cynthia Gabriel, pengarah Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4).

"Jadi, negara di mana wang itu dibelanjakan disiasat, seperti hak mereka sendiri," kata Cynthia, yang baru-baru ini menerima Anugerah Demokrasi 2017 oleh National Endowment for Democracy yang berpangkalan di AS.

Ironinya, Cynthia berkata gesaan Hadi dapat dilihat sebagai usaha agar Pejabat Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka semula kes itu, berdasarkan fakta baru daripada pemfailan saman AS baru-baru ini.

"Hadi kedengaran seperti seorang menteri Umno," kata Azmi Sharom, profesor undang-undang di Universiti Malaya.

"Ini adalah bahasa emosi yang biasa digunakan untuk melindungi hakikat dana 1MDB digunakan di AS, bercanggah dengan undang-undang mereka dengan tindakan DoJ," katanya.

Surat terbuka Hadi juga boleh menjadi percubaan untuk memperjuangkan dasar luar bandar Pas.

"Adakah orang Melayu begitu terpedaya apabila anda menyebut Islam dan penjajahan sehingga mereka tidak dapat melihat dengan jelas? Hadi fikir begitu!"

Pada 15 Jun, pemangku Peguam Negara AS Kenneth Blanco berkata: "Kami tidak akan membenarkan AS menjadi tempat di mana individu yang korup boleh mengharap untuk menyembunyikan aset dan membelanjakan wang yang banyak yang sepatutnya digunakan untuk faedah rakyat negara lain."

Sama ada 1MDB atau "Malaysian Official 1" (MO1), yang dipercayai oleh DoJ menjadi penerima dana kira-kira US\$1 bilion, dinamakan sebagai defendan dalam saman jenayah AS.

MO1 sebelum ini dikenal pasti sebagai Perdana Menteri Najib Razak oleh menteri Abdul Rahman Dahlan.

Peguam Negara Malaysia, Mohamed Apandi Ali membersihkan Najib dari sebarang kesalahan.

100 kamera AES akan dipasang seluruh negara tahun depan

PARIT RAJA: Kira-kira 100 kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) akan dipasang di lokasi strategik di seluruh negara, tahun depan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata AES yang akan dipasang di lebuhraya dan jalan persekutuan itu dapat membantu pengguna jalan raya mematuhi peraturan memandangkan ia merupakan sistem penguatkuasaan sepanjang masa selama 24 jam.

"AES ini akan ditambah kerana kita (Malaysia) mempunyai matlamat untuk mengurangkan 50% kadar kemalangan menjelang tahun 2020 seperti yang dipersetujui di peringkat dunia," katanya kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran beliau di Kampung Parit Jelutong, dekat sini, 28 Jun lalu.

Ahli Parlimen Sri Gading itu berkata ketika ini kira-kira 50 AES sudah dipasang di seluruh negara.

Beliau berkata saranan mengurangkan 50%



kadar kemalangan menjelang tahun 2020 merupakan satu cabaran kepada negara kerana Malaysia merupakan satu daripada negara yang mencatatkan kadar kemalangan tinggi.

"Kita (kerajaan) juga tidak mahu negara kerugian modal insan akibat kemalangan jadi, penguatkuasaan secara automasi (AES) merupakan kaedah terbaik memandangkan sistem ini tidak ada pilih kasih kerana kamera tidak mengenali orang dan akan rakam semua kenderaan yang lalu," katanya kepada Bernama.

Saman Sarawak Report tidak semudah Daily Mirror

KUALA LUMPUR: Para pemimpin Pas diingatkan supaya tidak memandang remeh saman parti itu terhadap Sarawak Report kerana ia tidak semudah kes saman presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap akhbar Daily Mirror.

Peguam Mohamed Hanipa Maidin berkata, kes saman Abdul Hadi terhadap akhbar Daily Mirror 'terlalu jelas, terang dan nyata' berbanding kes saman Sarawak Report.

"Menang kes tu (Daily Mirror) tak semesti menang kes sekarang ni (Sarawak Report)... Kes tu terlalu jelas, terang dan nyata. Kes sekarang ni taklah seterang, sejelas dan senyata kes itu...," jelas beliau.

Hanipa yang mewakili presiden Pas dalam saman terhadap Daily Mirror menjelaskan, akhbar berkenaan menyelesaikan kes tersebut di luar mahkamah sebaik menerima

notis peguam dan Abdul Hadi tidak perlu memberi keterangan di mahkamah.

Bagaimanapun tambah beliau, kes membabitkan Sarawak Report mungkin akan dibicarakan dan presiden Pas besar kemungkinan akan dipanggil memberi keterangan di mahkamah dan disoal balas dengan panjang dan agresif oleh peguam Sarawak Report.

Hanipa mengulas kenyataan seorang pemimpin Pas negeri kepada Malaysiakini yang yakin parti itu akan menang dalam kes saman Sarawak Report seperti mana kes saman akhbar Daily Mirror.

Hanipa yang kini Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH bagaimanapun mengucapkan 'selamat berjaya' kepada Pas dalam kes di mahkamah London itu.

Kertas Putih skandal dana 1MDB

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan menggesa kerajaan mengeluarkan Kertas Putih berkenaan dakwaan skandal penyelewengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada sidang tergempar Parlimen susulan pemfailan saman sivil ketiga Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat baru-baru ini.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, fakta-fakta daripada kerajaan itu harus menjawab segala kemusykilan rakyat yang timbul ekoran jumlah dana 1MDB yang didakwa diseleweng telah mencecah hampir

US\$4.47 bilion (RM19.15 bilion) mengikut dokumen mahkamah.

Menurutnya, reaksi menteri bahawa segala dakwaan DoJ adalah bermotif politik atau campur tangan asing tidak mencukupi untuk menangkis segala persoalan yang didedahkan.

"Jika kerajaan tidak mahu rakyat terbawa-bawa oleh dakwaan DoJ, maka kerajaan harus menjawab segala dakwaan tersebut dengan membentangkan laporan siasatan daripada institusi-institusi siasatan negara melalui Kertas Putih di Parlimen," katanya pada sidang media di Parlimen hari ini.

Beliau yang turut disertai ahli parlimen Amanah, DAP, PSM dan

Warisan serta wakil PPBM juga mendesak seluruh agensi berwajib seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membuka kembali kertas siasatan.

"Nama baik negara dimalukan apabila sekurang-kurangnya sembilan negara menjalankan siasatan terhadap skandal ini. Namun kertas siasatan ditutup oleh semua agensi berwajib Malaysia.

"Perdana Menteri, kerajaan persekutuan dan agensi-agensi berwajib tidak boleh lagi berdiam diri mengenai isu ini.

"Tumpuan harus diberikan untuk

membersihkan nama negara dan menyelesaikan kemelut melanda yang diakibatkan oleh skandal penyelewengan 1MDB," tegas mereka.

Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Tindakan 1MDB (1MDB Action Committee) yang akan merangka strategi dan respon pembangkang terhadap isu 1MDB akan diwujudkan.

Pihak pembangkang juga akan membuat laporan bersama kepada SPRM serta BNM bagi menuntut supaya kertas siasatan dibuka semula.

Bakal diadakan siri jelajah penanganan terkini isu skandal penyelewengan dana 1MDB ke seluruh negara dengan dimulakan di Dewan

JKKK Penaga, Kepala Batas pada 6 Julai dan diakhiri perhimpunan rakyat pada September.

"Kami juga menyeru kesemua parti pembangkang mengeneipkan segala perbezaan dan bekerjasama serta bersatu tenaga untuk membawa mereka yang terlibat di dalam skandal penyelewengan dana 1MDB ke muka pengadilan," katanya.

Saman ketiga DoJ kali ini antara lain menyatakan tentang sumbangan yang patut dipulangkan semula oleh Malaysian Official 1 (MO1) kepada putera Arab Saudi (kini "Saudi Account") telah digunakan untuk membeli barangan kemas isteri MO1 termasuk kalung berlian 22 karat berwarna merah jambu.

Kenyataan peguam negara berbaur politik

KUALA LUMPUR: Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali tidak harus mempolitikkan isu berkaitan saman sivil Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat berkaitan penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, Mohamed Apandi sebenarnya tahu isu ini, tetapi kenyataannya lebih berbaur politik.

"Kenyataan Mohamed Apandi mengatakan DoJ tidak pernah meminta maklumat 1MDB daripada pihaknya itulah politik.

"Ini kerana penghakiman dalam

rem (judgement in rem) merujuk kepada wang negara yang disonglap dan dibelanjakan di luar negara iaitu Amerika Syarikat.

"Jadi DoJ berhak untuk menyiasat tanpa meminta apa-apa daripada Peguam Negara kerana ia berlaku bukan di Malaysia sebaliknya luar negara," katanya dalam sidang media di Parlimen, 28 Jun lalu.

Dr Wan Azizah berkata, tiada keperluan untuk DoJ berbuat demikian kerana ia tidak menyalahi apa-apa kesalahan.

"Beliau (Apandi) lebih arif dalam isu ini. Dengan kenyataan seumpama itu, peguam negara dilihat

mahu politikkan isu yang membabitkan wang dana 1MDB ini. Ini bidang kuasa AS," jelasnya.

Semalam Apandi dalam kenyataannya mendakwa saman sivil terbaharu DoJ untuk merampas tambahan aset US\$540 juta yang didakwa diperoleh dengan dana yang diselewengkan dari 1MDB adalah bersifat politik.

Ini kerana dakwa Apandi, DoJ tidak pernah membuat sebarang permohonan rasmi kepada Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan sebarang keterangan atau maklumat lanjut terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh mereka.

Peluang PH kuasai Putrajaya cerah dengan PPBM

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan mempunyai peluang cerah untuk menggantikan BN di Putrajaya dengan kehadiran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) manakala Tun Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin mampu memecah kebuntuan menjelaskan isu-isu kritikal negara seperti 1MDB, kleptokrasi dan penyalahgunaan kuasa.

Dalam wawancara dengan akhbar dwimingguan The Edge, Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkifli Ahmad berkata, kehadiran PPBM dalam pakatan pembangkang menjadi 'pemutus litar' (circuit breaker) terhadap isu-isu yang dahulunya dianggap sebagai 'isu pembangkang'.

"Maklumat yang dahulunya tidak dipercayai rakyat kerana datang daripada pembangkang kini mudah dipercayai apabila Mahathir dan PPBM di dalam pasukan kami.

"1MDB sebagai contoh bukan lagi menjadi mesej pembangkang, ia

telah menjadi mesej rakyat. Mereka bukanlah memahami sangat mesej itu, tetapi apabila ianya datang daripada seseorang yang telah menerajui negara selama 22 tahun, mesej itu - termasuk kos sara hidup dan isu-isu ekonomi menjadi begitu kuat, mudah dan boleh difahami oleh semua," katanya.

Menurut Dr Dzulkifly, rakyat kini dibebani dengan kos sara hidup yang tinggi dan kluatir tentang gaji mereka berbanding tekanan inflasi.

Kejatuhan nilai ringgit sehingga 22 peratus dalam tempoh dua tahun, katanya menambah buruk keadaan apatah lagi negara banyak mengimport barangan makanan termasuk barang keperluan asas.

"Berhubung isu kaum dan agama, mengapa jurangnya semakin dalam? Mengapa ia diperbesar? Kita mesti menyelesaikannya secara berhadapan dan tidak menyapunya di bawah tikar. Adalah mengecewakan

apabila Umno dan Pas menggunakan isu kaum dan agama," ujarnya.

Mengulas tentang kedudukan AMANAH dalam Pakatan Harapan, Dr Dzulkifly berkata posisi AMANAH di atas premis Islam yang progresif dan inklusif telah menggantikan posisi yang secara tradisinya diambil Pas (dalam pakatan pembangkang).

Ini katanya, secara kebetulan menyentuh tentang keprihatinan masyarakat bukan Islam terhadap Pas dalam pakatan pembangkang apatah lagi Pas kini sudah kehilangan sokongan pengundi teras kaum Cina, India dan masyarakat Melayu bandar yang diperolehi pada PRU 2008 dan 2013.

Menurut beliau, sokongan masyarakat Cina, India dan Melayu bandar kini telah beralih kepada AMANAH dan berasaskan faktor ini, AMANAH yakin boleh memainkan peranan penting dalam Pakatan Harapan.

Abdul Hadi tidak fahami susur galur isu 1MDB

KUALA LUMPUR: Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang gagal memahami latar belakang skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan undang-undang Amerika Syarikat sehingga secara berwewenang mendakwa wujud campur tangan asing dalam tindakan saman sivil Jabatan kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) terhadap beberapa individu, kata Pengarah Komunikasi AMANAH Kedah Ridzwan Abu Bakar.

Mengulas surat terbuka Abdul Hadi, beliau menasihati ahli parlimen Marang itu supaya memahami susur galur isu 1MDB sebelum mendakwa adanya campur tangan asing dan undangan campur tangan asing ke negara ini.

"Demikian juga dakwaan Datuk Seri Abdul Hadi bahawa ada pihak yang hanya mahukan kemenangan walaupun dengan campur tangan asing juga adalah kesimpulan yang silap, ini kerana beliau telah bersangka jahat terhadap semua pihak lain, seakan-akan pihak yang berjuang untuk 'selamatkan Malaysia' hanya pelahap terhadap kemenangan," ujarnya dalam satu kenyataan.

Menurut Ridzwan, walaupun tanpa bantuan asing penentangan terhadap BN, Najib Razak dan sekutunya akan terus berlangsung di Malaysia.

"Sekarang pun pelbagai usaha telah dilakukan, saman, report SPRM, demonstrasi, penyertaan

dalam perbincangan di Parlimen telah dilaksanakan oleh parti pembangkang dan akan terus dilakukan," tegas beliau.

Abdul Hadi, katanya perlu sedar bahawa segala saluran untuk membuktikan salah guna kuasa BN telah disempitkan oleh perdana menteri dan kerajaan BN, hatta laporan berkaitan 1MDB juga telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Malah tambah beliau, Abdul Hadi sendiri pernah menyatakan bahawa OSA adalah akta yang menafikan hak rakyat untuk mengetahui perkara yang sebenar.

"Adapun penggunaan beberapa nas yang dibawa oleh Datuk Seri Abdul Hadi dalam surat terbuka tersebut ternyata hanyalah kosmetik untuk menampakkan seruan tersebut adalah Islami.

"Apabila latar belakang isu tidak difahami dengan tepat dan kesimpulan itu ternyata tempang, maka penggunaan ayat itu pun tidak kena pada tempatnya," ujarnya.

Abdul Hadi melalui surat terbukanya kepada pemimpin parti politik pembangkang mahu pihak asing tidak dijemput untuk menyelesaikan masalah dalam negara seperti BMF, Perwaja, Tabung Haji, KWSP dan terkini isu 1MDB.

Menurut beliau, kuasa asing selama-lamanya akan menjaga kepentingan mereka walaupun mengorbankan negara ini.

Bersediakah PM dan Shafee dedah akaun bank?

KUALA LUMPUR: Adakah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan peguam kanan Tan Sri Shafee Abdullah bersedia mendedahkan akaun bank masing-masing jika diarahkan mahkamah?

Apakah kesan tindakan mendedahkan akaun bank dua individu berprofil tinggi itu terhadap sabitan kes liwat II ketua pembangkang yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dan adakah pembebasan Anwar daripada pertuduhan akan memberi peluang kepada gabungan Pakatan Harapan untuk mencipta sejarah baru negara bagi menggantikan kerajaan BN di Putrajaya?

Kesemua persoalan ini akan terjawab pada prosiding mahkamah Julai dan Ogos ini.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 21 Jun lalu mengarahkan kerajaan untuk menjawab permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mengeneppikan sabitan kes Liwat II berikutan

dakwaan Najib membayar RM9.5 juta kepada Shafee sebagai khidmatnya menjadi pendakwa utama dalam kes liwat itu.

Hakim Datuk Kamaludin Md Said membuat arahan itu ketika pengurusan kes.

Beliau mengarahkan kerajaan untuk mengemukakan afidavit sebagai menjawab permohonan yang dibuat Anwar sebelum 12 Julai ini.

Peguam Anwar, Latheefa Koya ketika dihubungi media berkata, hakim itu turut memerintahkan Shafee, yang dinamakan dalam permohonan penzahiran itu untuk mengemukakan hujahnya menjelang 19 Julai.

Hakim Kamaludin kemudiannya menetapkan 3 Ogos depan, sebagai tarikh pengurusan kes berikutnya.

Kerajaan hari ini diwakili oleh peguam persekutuan kanan, Nadia Hanim Tajuddin manakala Sarah Abishegam pula mewakili Shafee. Najib pula tidak diwakili oleh sebarang

peguam.

Shafee dilantik oleh Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail untuk mengetuai pasukan pendakwa dalam rayuan terhadap pembebasan Anwar oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Beliau kemudiannya tampil sebagai pendakwa raya utama dalam kes itu di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Sarawak Report sebelum ini mendakwa Najib membayar RM9.5 juta kepada Shafee melalui dua pembayaran yang menyaksikan Anwar didapati bersalah oleh Mahkamah Rayuan pada 7 Mac 2014.

Pejabat Perdana Menteri tidak memberi sebarang jawapan berhubung soalan media mengenai dakwaan itu manakala Shafee awal Jun lalu berkata akan mengeluarkan kenyataan media mengenai perkara itu.

Setakat ini belum ada sebarang kenyataan yang dikeluarkan beliau.

Jaminan PM cuma cakap kosong

KUALA LUMPUR: Rakyat tidak harus menaruh kepercayaan kepada janji-janji perdana menteri dalam Majlis Konsultasi Bajet 2018 untuk memperhalusi dan memberi pertimbangan wajar kepada semua cadangan yang dikemukakan rakyat lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya umum, kerana ia akan dilupakan jika BN kembali ke tampuk pemerintahan.

Ahli parlimen Sungai Petani Datuk Johari Abdul berkata, majlis seumpama itu bukan pertama kali dianjurkan malahan diadakan setiap tahun, namun masalah sama masih tidak dapat diselesaikan sedangkan pelbagai masalah baru pula timbul.

Menurut beliau, janji-janji yang dibuat pihak pemerintah hanyalah menjelang pilihan raya dan pasti akan dilupakan selepas BN memperoleh kemenangan.

"Menurut (Datuk Seri) Najib Razak, majlis itu merupakan

... saya berpendapat bahawa penganjuran majlis itu hanya sekadar sesi luahan perasaan rakyat sahaja dan kemudian kerajaan tidak akan ambil pandangan atau maklum balas mengenai apa yang sudah diutarakan,"

platform penting bagi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberi pandangan dan memberi maklum balas terhadap cabaran dan isu-isu semasa serta langkah menanganinya membuktikan dasar keterbukaan dan keprihatinan kerajaan dalam mendahului kepentingan rakyat.

"Namun, saya berpendapat bahawa penganjuran majlis itu hanya sekadar sesi luahan perasaan rakyat sahaja dan kemudian kerajaan tidak akan ambil pandangan atau maklum balas mengenai apa yang sudah diutarakan," katanya

dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, BN sepatutnya mengutamakan isu-isu rakyat seperti kekurangan pekerjaan, kos sara hidup yang tinggi, bebanan GST dan seumpamanya.

Isu-isu menyentuh kepentingan rakyat ini, ujarnya memerlukan penyelesaian segera.

"Kalau hanya pandai berjanji tanpa tindakan, ianya tidak akan mendatangkan apa-apa hasil dan itu akan menambahkan tekanan kepada rakyat," katanya.

Johari menambah, walaupun Najib mengakui topik pendidikan banyak dibincangkan dengan

wakil persatuan yang berharap peruntukan pendidikan ditingkatkan terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan kurang upaya, namun peruntukan pendidikan tetap dipotong saban tahun.

Menurut beliau, negara sebaliknya banyak menghabiskan wang dengan melakukan projek mega yang tidak mendatangkan faedah daripada menjadikan pelajar sebagai aset negara pada masa akan datang.

"Rakyat dapat lihat dan nilai sendiri kerajaan di bawah pentadbiran Umno BN ini tidak peka dengan isu semasa, yang mereka tahu hanya bermain sandiwara dan memberi harapan kosong kepada rakyat.

"Oleh itu, saya berharap rakyat bijak menilai janji-janji yang ditaburkan oleh kerajaan dan dapat membuat keputusan tepat dalam PRU akan datang," ujar beliau.

Kenapa tidak tubuh RCI siasat 1MDB, FGV?

KUALA LUMPUR: Mengapa tidak ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat skandal 1MDB dan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) malah skandal melibatkan pembelian kapal selam Scorpene?

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata demikian sebagai reaksi terhadap keputusan kabinet yang bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi menyiasat skandal urus niaga mata wang asing (forex) Bank Negara Malaysia (BNM) pada sekitar 1980-an dan 1990-an.

Menurut beliau, tindakan kabinet itu dilihat seolah-olah 'menggali bangkai gajah' untuk

membalas dendam terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini lantang mengkritik kerajaan Umno-BN.

"Gajah dalam bilik yang masih bernafas seperti skandal berbilion dolar 1MDB dan skandal FGV tidak pula diendahkan, ia akan mencalarkan lagi imej negara dengan tindakan pengecut Kabinet itu," katanya dalam kenyataan, 22 Jun lalu.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu berkata, Kabinet yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan dipandang tinggi dunia jika melepaskan jawatan masing-masing bagi memulihkan semula imej negara.

"Namun kabinet memilih untuk menjadi pengecut dan bukannya menarik perhatian dunia melalui sikap berani dan berkeyakinan, sebaliknya ketidakmampuan untuk membezakan yang betul dan salah, dan tidak mengendahkan skandal terkini yang berlaku," ujarnya.

Kabinet 21 Jun lalu bersetuju menubuhkan RCI dengan syor Pasukan Petugas Khas (PPK) bagi menyiasat kerugian forex oleh BNM.

Kit Siang adalah pemimpin pembangkang utama yang lantang menggesa agar RCI ditubuhkan bagi menyiasat kerugian BNM dalam urusan forex lebih 20 tahun lalu.



Sidang parlimen Julai sanggah PRU awal

NOTIS diterima anggota parlimen tentang persidangan parlimen bermula 24 Julai hadapan menangkis tanggapan bahawa pilihan raya umum (PRU) akan diadakan seawal Julai ini.

Notis bertarikh 9 Jun itu memaklumkan tentang mesyuarat kedua, penggal kelima, parlimen ketiga belas dan dikeluarkan Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat.

Menurut notis tersebut, mesyuarat Dewan Rakyat akan berlangsung dari 24 Julai hingga 10 Ogos (12 hari) manakala Dewan Negara akan bermesyuarat dari 14 Ogos hingga 22 Ogos (enam hari).

Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin berkata, pihaknya meramalkan parlimen mungkin akan dibubarkan sebelum sidang parlimen akan datang (sesi Julai 2017) supaya Rang Undang-undang 355 (RUU 355) tidak perlu dibahas.

Beliau turut mempersoalkan sama ada sidang itu akan diteruskan mengikut jadual dan adakah RUU 355 akan dibahas pada sesi itu.

Isa tiada kuasa eksekutif di SPAD

PELANTIKAN Tan Sri Isa Samad sebagai Pemangku Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah tertakluk kepada kapasiti Pengerusi Bukan Eksekutif.

Demikian kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri memperjelaskan bidang tugas baharu Isa Samad.

Beliau berkata, portfolio tugas itu merangkumi tanggung jawab memperkerusi Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bagi memastikan hala tuju strategik seperti yang terkandung dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.

"Sepanjang pengalaman bekerja dengan SPAD, saya yakin dengan komitmen Ketua Pegawai Eksekutif (Mohd Azharuddin Mat Sah) dan barisan pasukan pengurusan yang sentiasa mengamalkan tahap tadbir urus tertinggi.

"Segala aspek pentadbiran suruhanjaya termasuk operasi, perancangan, pelesenan dan penguatkuasaan tertakluk kepada pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif serta barisan pengurusan SPAD," ujar Nancy.

KOTA BHARU:

Sambutan meriah rakyat khususnya masyarakat Kelantan di program rumah terbuka Aidilfitri peringkat nasional dekat sini memberi gambaran kepada penerimaan rakyat terhadap parti Islam generasi baru itu.

Persiapan yang melibatkan semua AMANAH kawasan di Kelantan telah bermula beberapa hari sebelumnya.

Pengarah program, Anuar Tahir dan pengerusi jawatankuasa pelaksana, Che Ibrahim Mohamed bersama pasukan kerja telah bersiap sejak awal pagi.

Gulai kawah dua ekor kerbau yang disiapkan AMANAH Kawasan Kubang Kerian tiba sekitar jam 9.30 pagi dari tempat memasak di cawangan Masjid Pulau dalam Dun Demit.

AMANAH Kawasan Pasir Puteh pula memasak nasi dan lauk pauk pelengkap lainnya di maskas pilihan raya Dun Bunut Payung.

Segalanya dikira siap sedia menjelang jam 10 pagi apabila semua kawasan yang ditugaskan menyediakan juadah raya pelbagai jenis telah tiba.

Meskipun jadual asal bermula jam 11.00 pagi namun pemimpin-pemimpin AMANAH Nasional telah siap sedia menyambut tetamu yang mula tiba.

Timbalan Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin antara yang awal menyambut tetamu bersama Setiausaha Agung Anuar Tahir, Pengarah Komunikasi Khalid Samad, Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional Saari Sungib dan staf sekretariat AMANAH Nasional.

Sebaik ketibaan Presiden Mohamad Sabu bersama rombongan, orang ramai berebut-rebut untuk bergambar dengan beliau di kawasan yang disediakan khas.

Di masa yang sama, para pemimpin AMANAH negeri bermula dengan Datuk Husam Musa dan Jawatankuasa Pimpinan Negeri tidak putus-putus menerima tetamu.

Majlis turut diserikan dengan persembahan dikir barat yang didatangkan khas oleh AMANAH Kawasan Tumpat.

Apa yang menarik Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan dan ahli jawatankuasa pimpinan

Rumah terbuka Nasional berl...



Petugas kaunter AMANAH siap sedia melayan tetamu.




Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin Diselkannya Saari Sungib.



Tepat jam 10 pagi para pemimpin AMANAH siap sedia menyambut tetamu.



Dewan dipenuhi tetamu dari pelbagai kaum.



Pengerusi jawatankuasa pelancong Setiausaha Agung AMANAH melayan kanak-kanak dengan...



AMANAH Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa dianugerahi kawasan jumlah keahlian tertinggi.



Para tetamu silih berganti menjamu selera.

Seoran...

Ka Aidilfitri AMANAH langsung meriah



lin meraikan tetamu sejak bermula majlis.



ksana, Ustaz Che Ibrahim Mohamed dan Pe-
ANAH Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus
n pemberian duit raya.



Para pemimpin parti-parti sahabat Pakatan Harapan turut sama
memeriahkan majlis.



g asnaf menerima sumbangan daripada Husam.



Mohamad Sabu yang tiba tepat jam 11 pagi disambut petugas.

Para tetamu mengambil kesempatan
bergambar bersama para pemimpin
utama Pakatan Harapan.

negeri, Khir Abdul Ghani turut sama
mengambil bahagian dalam kumpu-
lan dikir barat.

Hampir semua pemimpin utama
AMANAH diberi peluang menyampa-
paikan ucapan selamat hari raya dan
menyampaikan sepatah dua kata
bagi pihak diri dan keluarga masing-
masing.

Lebih 5,000 hadirin terdiri daripada
masyarakat Kelantan, negeri jiran
Terengganu dan negeri-negeri lain
turut sama memeriahkan sambutan
Aidilfitri tahun ini.

Hadir sama wakil parti-parti sahabat
dalam Pakatan Harapan.

Kehadiran tokoh utama DAP Lim
Kit Siang dan rombongan serta
para pemimpin Keadilan dan PPBM
menyerlahkan kemesraan yang sedia
terjalin.

Skandal 1MDB: Siar debat Pemuda AMANAH-Umno di TV

Oleh **ARIF ATAN**

KETUA Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan mencabar Pemuda Umno untuk berada sepentas berdebat atau berdiskusi tentang skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sudah sampai tahap menggegarkan antarabangsa.

"Siarkan secara langsung di stesen televisyen agar seluruh rakyat dapat menilai dan mengetahui isu yang menjadi liabiliti kepada negara ini dengan lebih mendalam," tegasnya.

Beliau berkata, tidak berlaku sebarang campur tangan asing oleh Amerika Syarikat (AS) memandangkan tindakan ke atas jenayah pengubahan wang haram yang berlaku adalah di negara berkenaan.

Terdahulu, Naib Ketua Pemuda



Umno, Khairul Azwan Harun mendakwa mengundi Pakatan Harapan dalam pilihan raya akan datang bererti menyokong campur tangan entiti

asing terhadap pentadbiran negara dan kemusnahan kepada kedaulatan negara.

Tuduhan Khairul itu ekoran sokon-

gan secara tidak langsung Pakatan Harapan terhadap tindakan Jabatan Kehakiman (DoJ) AS terhadap skandal 1MDB.

Mengulas lanjut, Sany menyifatkan Pemuda Umno sangat bacul dan takut untuk bersuara terhadap kebobrokan yang dilakukan oleh 1MDB sebaliknya sangat menjadi pengampu sehingga sanggup menipu serta mengelirukan rakyat.

"Secara dasarnya, mana-mana negara sememangnya berhak mengenai tindakan terhadap sesiapa yang telah melanggar undang-undang negara mereka seperti yang dilakukan oleh syarikat pelaburan 1MDB.

"Sebagai entiti orang muda, Pemuda Umno perlu menunjukkan 'kejantanan' mereka dengan menyuarakan bantahan terhadap skandal

terbesar negara yang telah menjejaskan dana negara serta merosakkan imej negara," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan Pemuda Umno supaya tidak membodohkan dan memperlekeh tahap pemikiran rakyat dengan memainkan sentimen serta persepsi jahat.

"Pemuda AMANAH Nasional menempelak tindakan Pemuda Umno yang cuba menakut-nakutkan rakyat kononnya Amerika telah campur tangan terhadap urusan negara Malaysia.

"Kenyataan tersebut adalah sangat tidak bertanggungjawab dan lari daripada asas sebenar fakta kes tersebut. Kami yakin rakyat tidak mudah terpedaya dengan dakyah Umno-BN yang cuba menutup isu tersebut demi terus mengekalkan kuasa mereka," tambah Sany lagi.

Pemuda AMANAH Kelantan terus gegar 'penjenayah kopiah putih'

WALAU masih dalam suasana Aidilfitri, Pemuda AMANAH Kelantan dilihat terus membongkar penyelewengan kerajaan negeri Kelantan yang diterajui Pas apabila memeterai perjanjian projek yang membabitkan sejuta ekar tanah hutan simpan kekal.

Ketuanya, Hazmi Hassan (*gambar*) turun menyiasat sendiri lokasi pejabat syarikat Climate Protectors Sdn Bhd yang dikenalpasti terbabit dengan projek kontroversi perdagangan karbon yang dikatakan mengaut keuntungan mencecah RM17 juta.

Mengejutkan carian beliau pada 4 Julai lalu di alamat B-5, Plaza Mont Kiara, Mont Kiara di ibu negara gagal menemui lokasi pejabat itu meskipun



alamat tersebut terpapar di laman web <https://climateprotector.org>.

Kerajaan negeri Kelantan pada awal tahun ini dilapor menandatangani perjanjian dengan syarikat tersebut yang membabitkan 25 peratus jumlah

keluasan negeri berkenaan.

Projek yang kononnya bagi mengurangkan pengeluaran karbon daripada aktiviti pembalakan itu melibatkan konsesi selama 30 tahun seperti disahkan Menteri Besar Kelantan, Datuk

Ahmad Yakob.

"Saya dapati, pejabat itu tidak wujud. Saya telah naik ke tingkat 5 untuk pengesahan pejabat tersebut.

"Saya tidak faham bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan boleh percaya pada syarikat yang menipu dan memberi alamat pejabat yang tidak wujud," ujar Hazmi.

Terdahulu, beliau menggesa kerajaan negeri tersebut mengemukakan penjelasan segera berhubung projek yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu.

Turut mengemukakan banyak pihak sekali gus melunturkan keyakinan rakyat terhadap integriti kerajaan negeri Pas Kelantan itu apabila syarikat

berkenaan disenaraihitam Bank Negara Malaysia kerana disyaki terbabit dalam skim penipuan matawang maya (*Crypto Currency*) melalui penggunaan EcoBit.

"Sekaligus menimbulkan kebimbangan, apakah kerajaan Kelantan bakal menjadi mangsa dalam skim penipuan matawang maya ini, apabila terlibat dalam perdagangan karbon yang diuruskan oleh syarikat tersebut.

"Apakah kerajaan Kelantan sudah menjadi Penjenayah Kopiah Putih apabila bekerjasama dengan penjenayah kolar putih ini sehingga sanggup 'mencagarkan' aset negeri Kelantan kepada sebuah syarikat yang telah disenarai hitam oleh BNM ini?" bidasnya lagi.

Mufti Kedah terima baik penjelasan AMANAH

BERTEPATAN dengan imej yang progresif dan inklusif, AMANAH Kedah menemui Mufti Kedah, Datuk Syeikh Baderudin Ahmad pada 4 Julai lalu bagi memberi penjelasan lanjut berhubung penyelewengan dana 1MDB dalam dan luar negara.

Kunjungan diketuai Pengerusi AMANAH negeri, Datuk Dr Ismail Salleh dan disertai Ketua Pemuda, Mohd Asmirul Anuar Aris pada pagi tersebut dilihat mendapat respon positif tokoh tersebut.

Menurut Asmirul, kronologi skandal raksasa 1MDB yang mulai dikesan berlaku pada 2009 itu sehingga tindakan pendakwaan di pelbagai negara telah dihurai-kan dalam pertemuan selama 45 minit itu.

Beliau berkata, Datuk Syeikh Baderudin juga dimaklumkan bahawa jenayah 1MDB diadili mengikut undang-undang negara terbabit berkaitan pengubahan wang haram dan penyelewengan dana awam rakyat Malaysia bagi tujuan yang salah.

"Kebanyakan negara maju seperti Amerika, Switzerland, Singapura akan mengambil tindakan tegas berkenaan kes berkaitan penyelewengan dan Akta Anti Pengubahan Wang Haram syarikat 1MDB kerana menjejaskan ekonomi dan memberi kesan negatif kepada inflasi negara tersebut.

"Walaupun di Malaysia ada akta tersebut tetapi tidak dikenakan tindakan kerana pemimpin negara yang terlibat salah guna kuasa untuk mempertahankan kedudukan jawatan mereka," ujarnya lagi.



Asmirul dan Pengerusi AMANAH Kedah dalam pertemuan dengan mufti negeri, 4 Julai lalu.

Kuasa autonomi universiti: Sekadar indah di kertas?

Oleh **ARIF ATAN**



STATUS

autonomi dimiliki 17 daripada 20 Univer-

siti Awam (UA) hangat diperkatakan apabila Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) membidas pandangan pihak Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas) minggu lalu.

Pihak Ideas menganggap UA yang kononnya memperoleh kuasa itu masih terikat dengan pematuhan rangka kerja tadbir urus yang sama seperti perkhidmatan awam sama ada daripada segi skala gaji, kriteria promosi mahu pun prosedur.

Hal tersebut dilontarkan Wan Chang-Da melalui pembentangan kertas kerjanya, "Sejarah Autonomi Universiti di Malaysia".

Walau bagaimanapun, Presiden MAAC,

Prof Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin menganggap autonomi yang diberi kerajaan adalah secara transisi dengan mengambil kira kedudukan UA sebagai entiti penting bagi mendidik rakyat Malaysia di peringkat tertinggi.

Beliau dalam kenyataannya berpendapat yuran pengajian pasti akan meningkat sekiranya autonomi sepenuhnya diberikan sekaligus menyekat rakyat bawahan melangkah ke UA.

Menurutnya, yuran yang rendah pada masa ini turut membuka peluang kepada ramai pelajar yang memerlukan laluan kedua iaitu melalui kolej vokasional dan institusi kemahiran untuk melanjutkan pengajian masing-masing di UA.

Bagi Ketua Eksekutif Ideas, Wan Saiful Wan Jan, kebebasan autonomi UA yang kononnya menjadi azam kerajaan menimbulkan perso-



lan ketika Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 masih wujud.

Beliau dipetik mencadangkan pemansuhan AUKU atau sekurang-kurangnya dipinda supaya institusi berkenaan boleh berpemerintahan sendiri sepenuhnya.

Wan Saiful mempersoal kemungkinan status autonomi itu sekadar retorik sekiranya tidak disusuli dengan komitmen dalam erti kata sebenar untuk memberi lebih banyak kuasa terhadap UA.

Namun, Mohd Idrus pula menganggap banyak salah laku dalam pentadbiran dan pengurusan di UA akan wujud tanpa AUKU.

Sehubungan itu, beliau berkata,

autonomi yang diberi kerajaan kepada UA masih tertakluk kepada peraturan kerajaan memandangkan peruntukan UA diberikan oleh kerajaan.

Beliau bahkan mengakui kerajaan harus mempunyai suara dalam menentukan perancangan dan penggunaan peruntukan UA tetapi pada masa sama UA diberi kepercayaan untuk mentadbir melalui Lembaga Pengarah Universiti.

Hal itu, jelasnya, penting sebagai 'governing entity' untuk mentadbir dan mengesahkan program serta memantau pelaksanaan program akademik.

"Bagaimanapun, pandangan untuk menghapuskan AUKU adalah tidak wajar kerana ia diwujudkan untuk menjadi kawalan dan rujukan kepada semua universiti di negara ini," tegas Idrus lagi.

Status autonomi mula dilaksanakan pada 2007 dengan sesebuah UA perlu melepasi penilaian tahap kesediaan autonomi melebihi skor 85 peratus dalam komponen penilaian oleh Kementerian Pendidikan.

Sepintas

Jaga tadbir urus

TADBIR urus korporat banyak bergantung kepada akauntabiliti setiap pihak yang terlibat dalam mentadbir urus syarikat dengan peranan paling utama terletak pada ahli lembaga pengarah syarikat, kata Dr Rohami Shafie.

Pensyarah Kanan Perakaunan dan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM) itu berkata, pengerusi perlu mengambil kira pandangan ahli lembaga pengarah yang lain agar situasi perbincangan dan penglibatan yang aktif wujud.

"Pengerusi perlu memiliki kebijaksanaan dalam mentadbir urus sesuatu situasi terutama yang boleh memberi kesan negatif terhadap reputasi syarikat," dipetik daripada artikelnya baru-baru ini.

Menurutnya lagi, setiap isu yang melibatkan tadbir urus korporat perlu diselesaikan dengan kadar segera agar tidak memburukkan keadaan sehingga memberi mesej yang tidak baik kepada pelabur dan bakal pelabur.

Siswa berjiwa sukarelawan

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) akan memastikan matlamat memasyarakatkan kampus tercapai dan hubungan masyarakat luar dengan UMK akan lebih terjalin erat, kata Pengarah Unit Projek Khas Program Kemasyarakatan, Prof Madya Dr Mohad Anizu Mohd Nor.

Menurutnya, UMK melalui Unit Program Kemasyarakatan universiti yang diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor memainkan peranan penting dalam menggerakkan semua aktiviti dan program membabitkan masyarakat luar kampus.

"Ada beberapa program disusun dan dirancang untuk dilaksanakan dalam lapan daerah di Kelantan iaitu Jeli, Machang, Tanah Merah, Gua Musang, Ketereh, Bachok, Pasir Putih dan Kuala Krai," jelasnya dipetik dari artikel beliau baru-baru ini.

Tambah beliau, UMK yang berjiwa Kelantan turut melandskapkan gelombang memasyarakatkan universiti atau mengakademikkan masyarakat Kelantan.

Penyelesaian harga melambung

MEDIA sosial tidak harus menjadi penyebab kita mengabaikan komunikasi dengan orang berhampiran kita pada ketika leka berhubung dengan orang jauh melalui alam maya, tegas Prof Dr Ali Salman.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, pada musim perayaan ini misalnya, penggunaan media sosial tanpa kawalan akan menjejaskan kemeriahan dan silaturahmi.

"Seseorang mungkin bertanya adakah media sosial boleh membuatkan kita menjadi antisosial? Ini kerana di mana sahaja sama ada di rumah dan tempat awam, setiap pengguna media sosial begitu asyik dengan alat peranti masing-masing sehingga mengabaikan orang lain yang berada bersebelahan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan keseronokan berlebihan terhadap alat peranti dan penggunaan media sosial menjadikan seseorang itu boleh lupa diri kerana terlalu khayal dengan kecanggihan.

Pendidikan percuma, hapus PTPTN antara tawaran



Pemuda Pakatan Harapan berazam untuk mencapai sistem pendidikan tinggi yang adil dan terbaik.

Pemuda Pakatan Harapan mengulangi pendirian tentang pelaksanaan pendidikan percuma dan penghapusan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam pembentangan tawaran menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Mereka yang disepakati AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP turut menyarankan pembinaan lebih banyak universiti, kolej pendidikan dan kolej vokasional bagi mengurangkan pergantungan kepada institusi pendidikan tinggi swasta.

"Dengan ini, IPTS yang tidak berkelayakan akan berkurangan dan memastikan hanya yang terbaik kekal berdaya saing," kata Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Nik Nazmi Nik Ahmad pada sidang media di Petaling Jaya, 4 Julai lalu.

Pemuda Pakatan Harapan juga berazam untuk menyemarakkan sistem pendidikan teknikal dan vokasional bertaraf tinggi yang berperanan penting dalam usaha negara bergerak ke arah ekonomi maju berteraskan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Mengapa perlu pentaskan lagi Uda Dan Dara?

IDEA ini timbul ketika saya memikirkan memikirkan Kuala Sedili dan kemudian hadir di sana awal tahun 2015, meninjau tempat untuk mengadakan program menghayati puisi-puisi kemanusiaan Usman Awang, yang kami namakan 'Hening Puisi'.

Waktu itulah terlintas idea dalam imaginasi saya - bagaimana kalau teater muzika Uda Dan Dara karya Usman Awang itu dipentaskan di kampung kelahirannya, secara kampung, dan secara sederhana. Tanpa merujuk kepada skripnya untuk perincian saya membayangkan teater itu dibuat di suatu halaman rumah kampung, tanpa perlukan persiapan yang banyak seperti yang diperlukan dalam pentas yang pernah dibuat sebelum ini.

Ideanya ialah serba sederhana. Lanjutan atau diperkembangkan daripada bentuk dan idea "main pondok-pondok" di kalangan anak-anak suatu waktu dulu, seperti di zaman saya masih anak-anak menjelang remaja dulu, misalnya.

Dalam tinjauan di kawasan berkenaan tahun 2015 itu saya tak menemui rumah kampung yang saya bayangkan dalam imaginasi itu. Dan kemudian, pihak yang saya jangkakan akan membiayai kerja seni itu pula kelihatannya seperti belum bersedia untuk itu; maka saya pun mulailah melupakan idea tersebut.

Tiba-tiba kira-kira setahun lalu Yassin Salleh dan kumpulan Ziarah Karyawannya merancang hendak mengadakan program Ziarah Karyawan Mengenang Usman Awang (ZKMUA), dan memilih Kuala Sedili sebagai tempatnya, dan Yassin mencadangkan saya mementaskan Uda Dan Dara sebagai sebahagian program tersebut.

Suatu hari kami pun ramai-ramai pergi ke

Sedili, untuk membuat beberapa persiapan, termasuk mengenalpasti rumah yang sesuai untuk teater UDD. Dan alhamdulillah kali ini saya berjumpa dengan rumah yang saya imajinasikan itu, bersama dengan laman yang sesuai di depannya. Maka bermulalah kerja-kerja persiapan ke arah pentas berkenaan.

Dan akhirnya saya pun berkira-kira pindah untuk tinggal sementara di Sedili, bagi menumpukan kerja-kerja latihan teater itu, mulai seminggu selepas Hari Raya. Yassin Salleh juga setuju berbuat sama seperti saya.

Beberapa hari sebelum Hari Raya pihak Yayasan Usman Awang (YUA - penganjur bersama program ini) menerima sepucuk surat daripada pihak di Johor yang berjanji menjadi penaja utama, menyatakan mereka hanya akan membiayai percetakan buku dan kenduri tahlil sahaja, manakala yang lain-lainnya seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat di pejabat mereka itu, tidak diperakui.

Yassin Salleh menyambut kekecewaan yang dibawa oleh surat itu, dengan cadangan memindahkan program ZKMUA ke Selangor. Saya pun bersetuju, dan Syed Husin Ali pun bersetuju bagi pihak YUA. Kami berbincang itu pada hari Sabtu 24 Jun. Esoknya Hari Raya Aidilfitri.

Mementaskan UDD di Selangor! Saya pun mulai berfikir: mengapa aku perlu mementaskan lagi UDD, selepas ia telah beberapa kali dipentaskan? Yang terakhir oleh Faridah Merican di KLPAc itu adalah UDD yang dibawa ke situasi urban hari ini di Kuala Lumpur. Saya sangat suka dengan semangat baru yang segar yang dibawa oleh pentas itu, (walaupun ada kawan-kawan yang tak suka, kerana katanya

telah menghilangkan keaslian nilai-nilai Melayu tradisional atau kekampungannya).

Membuatnya di kampung kelahiran Usman Awang itu adalah dengan tujuan itu - untuk melihat keaslian kekampungannya. Seolah-olah skrip itu berasal daripada suatu "mainan pondok-pondok" yang pernah berlaku pada Usman Awang sewaktu dia di zaman anak-anak dulu.

Juga untuk mengangkat Sedili sebagai sebuah kampung istimewa dan pekan kecilnya sebagai pekan kecil yang bersejarah kerana telah melahirkan seorang seniman besar dan pujangga bernama Usman Awang.

Tetapi apabila pentas ini dipindahkan daripada Sedili yang penuh signifikan itu kepada sebuah negeri lain, Selangor, apakah pula signifikannya?

Cadangannya ialah pentas itu dipindahkan sahaja daripada sebuah rumah kampung di Sedili, kepada situasi yang sama di Selangor.

Tetapi sebenarnya situasinya tidak sama. Yang utamanya di sana itu kampung kelahiran pengarangnya, seorang seniman besar negara, Usman Awang. Di sini tidak ada situasi itu. Kalau dalam suasana kampung pun, ia berbeza. Signifikannya tidak ada.

Saya perlukan signifikan itu. Saya perlukan sesuatu yang boleh menghidupkan keterujaan dalam diri, bagi menghidupkan keghairahan untuk berkarya. Saya tidak boleh dan tidak mahu berkarya tanpa ada sesuatu yang memberi alasan penting kepada diri saya untuk berkarya. Saya perlu memberi makna kepada diri sendiri.

Maka saya mencari sesuatu yang signifikan



TEKAD
BUDAYA
DINSMAN

itu. Kalau suasana kampung sudah tidak lagi sesuai, apakah lebih wajar saya mementaskannya di mana-mana saja dewan yang mempunyai kemudahan pentas? Maksudnya ia dibuat di pentas biasa di dalam dewan?

Kalau begitu apakah saya ada sesuatu sebab yang wajar mengapa saya hendak mementaskannya, selain daripada sebab hendak mementaskan sebuah teater karya Usman Awang, dan selain daripada sebab saya diminta supaya mementaskannya?

Saya perlukan kewajaran itu. Seperti disebut tadi, Faridah Merican dan Actors Studionya baru saja mementaskannya dan saya suka dengan pentas itu. Tidak ada sebab untuk saya melakukannya pula, kecuali saya akan/boleh mengemukakan sesuatu yang baru atau sesuatu kelainan.

Saya tertarik dengan perwatakan Utih dalam karya tersebut. Maka saya bercadang hendak tonjolkan perkara ini dalam pentas saya. Tetapi bagaimanakah caranya? Dan apakah itu mencukupi?

Kehadiran Utih itu paling penting ialah apabila dia tampil dengan keberanian luar biasanya menentang manusia kapitalis penindas bernama Alang Bakhil, yang merampas padi dan tanah para petani. Nah, di situ ada sesuatu. Sawah padi! Saya mahu buat ini di sawah padi. Di situlah inti dan semangat teater ini. ■

Kesaksamaan rakyat dalam hidup bernegara

Oleh **ABU FIRDAUS**

TINDAKAN Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu untuk menolak adanya meja orang amat penting (VIP) dalam satu majlis hari raya baru-baru ini perlu menjadi iktibar bukan saja kepada para pendukung parti ini tetapi juga rakyat umumnya.

Terdapat pelbagai pandangan mengenai perkara ini. Ada yang menyokong, dan ada yang membantah. Sebagai negara demokrasi, semua rakyat bebas menyuarakannya. Di kalangan parti Pakatan Harapan juga mempunyai pandangan berbeza dalam bukan saja perkara ini, tetapi juga dalam banyak hal.

Namun untuk menjaga keharmonian antara parti dalam Pakatan Harapan, maka adalah wajar untuk saling hormat-menghormati pendirian masing-masing. Begitu juga dalam parti AMANAH sendiri,

tentunya ada juga kepelbagaian pandangan. Itu adalah lumrah. Namun buat masa ini, pendirian dan sikap pemimpin utama AMANAH perlu dihormati dan diakur oleh semua ahli-ahlinya.

Dalam sejarah perjuangan politik negara, permulaannya adalah pada sisi kesaksamaan rakyat. Kesaksamaan di sini bermaksud 'equality' seperti yang diutarakan dalam demokrasi dan diluahkan dalam Revolusi Amerika dan Perancis. Maksudnya semua rakyat adalah setaraf dan mempunyai hak serupa dalam kehidupan negara demokratik. Baik dari segi isi mahupun kulit.

Perkara ini adalah juga selaras dengan ajaran Islam di mana tiada perbezaan di antara anggota ummah. Ukuran kedudukan hanya terletak pada ketakwaan, dan ukuran mengenainya hanya diketahui oleh Allah SWT. Rasulullah s.a.w.

memerintah dari Masjid Madinah tanpa istana, mahkota, takhta dan balai rong seri.

Tidak ada golongan bangsawan. Yang ada hanyalah para sahabat yang memikul tanggungjawab menurut arahan Rasulullah s.a.w. Tidak ada titah perintah, tetapi banyak syura. Mereka duduk di atas lantai masjid. Berpakaian serban dan jubah. Tidak ada pingat-pingat kebesaran yang mengiringi gelaran. Tentulah keadaan zaman itu tidak semestinya boleh dilaksanakan pada masa ini.

Perjuangan parti politik di Malaya bermula dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945 selepas tentera Maharaja Jepun mengundurkan diri. Penubuhan parti politik adalah untuk mewujudkan suatu lembaga bagi mewakili rakyat.

Ia bermakna bahawa hak terhadap Malaya hendak diberikan kepada rakyat negara itu. Pada masa

itu Britain kembali untuk menjajah Malaya. Ia mahu mengambil ke-aulatan yang ada pada raja-raja untuk diberikan pada kuasa penjajah melalui gagasan Malayan Union.

Perkataan kebangsaan pada nama PKMM itu juga menunjukkan bahawa hasrat parti itu hendak mewujudkan bangsa daripada tanah jajahan British ini. Anak tanah jajahan tidak ada bangsa. Mereka adalah manusia hamba kepada penjajah yang menjadi tuan. Maka kebangsaan itu adalah perjuangan anak-anak jajahan itu merdeka dan menubuhkan bangsa yang berdiri setaraf dengan bangsa lain. Tetapi di kalangan anggota bangsa itu, mereka adalah setaraf dalam konsep kesaksamaan.

Sementara Melayu yang disebut dalam nama PKMM itu bermaksud bangsa negeri-negeri Melayu. Mereka mahu menyatukan semua

negeri-negeri Melayu. Warga Tanah Melayu dipanggil kebangsaan Melayu tanpa mengira asal usul keturunannya.

Tetapi bangsawan Melayu yang bangkit menentang Malayan Union tetapi tidak memperjuangkan kemerdekaan mahu mengekalkan perbezaan dan feudalisme. Mereka bukan saja mahu adanya raja-raja tetapi turut mewujudkan suatu masyarakat yang berkelas-kelas. Ada bangsawannya dan pengikutnya.

Itulah Umno yang menjadikan masyarakat negara berkelas-kelas, obses pada kedudukan darjat, pangkat dan gelaran. Itulah kebangsaan Melayu Umno.

Parti Rakyat Malaya pernah mewarisi perjuangan PKMM bagi menentang kebangsawanan Umno. Selanjutnya diteruskan juga oleh Pas ketika tegas menentang asabiah Umno. Kini perjuangan menentang kebangsaan dan kebangsawanan Umno dipikul oleh Parti Amanah Negara. ■

Catatan 8 Nov 2015

TANGGAL 8 November, 2015. Tarikh ini akan kekal sebagai tarikh paling bersejarah dalam lipatan politik pasca 1988 Myanmar. Setelah berdekad rakyatnya dibisukan, 8 November 2015 rakyatnya bangun menyahut seruan demokrasi.

Perubahan yang selama ini diperjuangkan dengan darah dan air mata akhirnya mulai memacar sinar harapan. Ruang demokrasi akhirnya terbuka semula.

Tidak ada siapa pun yang menjangka bahawa Myanmar berani memanggil sebuah pilihan raya yang sedemikian. Sejak awal lagi, semua pemerhati politik bersetuju bahawa sebuah pilihan raya yang bebas dan adil adalah misi bunuh diri buat junta.

Mana mungkin mereka dapat menahan gelombang penolakan oleh rakyat yang selama ini ditindas dan diperas?

Seawal jam 5.00 pagi, saya dan teman sepasukan sudah tercegat di hadapan sekolah rendah mukim Ein-du, antara stesen mengundi paling besar dalam daerah Hpa-An.

Ein-du adalah kampung halaman Ohn Mar, jurubahasa kami. Menghormati haknya sebagai pengundi, kami bersetuju untuk memulakan pemantauan hari pilihan raya di Ein-du. Ohn Mar gembira untuk menjadi antara


pengundi paling awal sekali di kampungnya.

Pengundian hanya akan bermula jam 6.00 pagi, namun pengundi sudah pun berbaris panjang, tidak kurang 200 meter. Di wajah masing-masing terbit perasaan teruja dan ceria. Ada juga yang masih keliru; tidak tahu cara mengundi.

Padanlah, lebih dua dekad tidak mengundi, tiada siapa tahu apa dan bagaimana caranya.

Sepanjang di Ein-du pagi itu, saya tersenyum tidak kering gusi. Terhibur dengan gelagat pengundi, dan gembira melihat harapan perubahan untuk negara yang sebenarnya asing buat saya.

Kami meninggalkan Ein-du dan mula bergerak dari stesen mengundi ke stesen mengundi. Beberapa kawasan telah kami pilih secara khusus. Malam sebelumnya lagi sudah kami bahagikan kawasan pemantauan dengan semua delegasi dan pemantau negara



asing yang lain agar tak bertembung dan merugikan sumber.

Sepanjang perjalanan pemantauan hari pilihan raya itu, saya pelajari satu perkara; dua dekad yang kosong tanpa pilihan raya mungkin menumpulkan pengetahuan pengundi tentang hak dan metod, namun sama sekali tidak menumpulkan kesedaran dan semangat mereka.

Biar di celah-celah kampung tidak ber-elektrik pun, ratusan orang memenuhi pusat mengundi. Menunggu giliran untuk menyatakan protes mereka ke atas kerajaan junta.

Bagaimana saya tahu mereka menentang junta? Mudah sahaja; tidak logik jika orang beratur panjang sejak awal pagi hingga lewat petang hanya untuk mengundi kerajaan yang selama ini menindas mereka.

Meninggalkan kawasan orang awam, kami menuju ke kawasan yang berdekatan dengan kem tentera. Untung, pada hari mengundi, kami dibenarkan untuk memantau stesen mengundi mereka.

Sejak awal pagi, anggota tentera junta dan keluarga mereka sudah pun diarahkan untuk turun 100% mengundi. Tidak ada sesiapa pun dari kem berdekatan tersebut dikesualikan

selagi nama mereka ada di dalam senarai mengundi.

Hasilnya, stesen mengundi ini mencatatkan 100 peratus jumlah keluar mengundi. Ketika kami tiba, pegawai pusat mengundi sudah pun bersedia untuk mengira undi yang telah dibuang. Kami dijemput untuk memantau dan menjadi saksi kepada proses pengiraan undi.

Saya bisikkan kepada pasukan saya; berhati-hati, kalau di Malaysia inilah kotak-kotak undi yang wujud untuk memenangkan kerajaan. Ini jugalah kotak undi yang selalu menimbulkan masalah. Undi awal, undi luar kawasan, undi pos; semuanya dimanipulasi dan dialih-alihkan sesuka hati.

Masin mulut; benar pula akhirnya kotak ini menimbulkan masalah. Jumlah undi yang dikira tidak sama dengan jumlah pengundi yang disenaraikan. Jika kurang tidak menjadi masalah; silapnya adalah terlebih.

Agen-agen parti mulai berang. Pegawai-pegawai pilihan raya yang rata-ratanya adalah tenaga guru ikut pusing. Hantu mana pula yang mengundi ini?

Kualiti punca air di Johor membimbangkan

BUMI Johor tanah yang subur daripada segi ekosistemnya. Di selatannya terdapat selat yang memisahkan antara Singapura dan Malaysia. Terkadang saya memikirkan penghuni di negeri ini harus bersyukur dengan apa yang diperolehi di negeri ini.

Jika dilihat, di dada bumi negeri ini menjalar jaringan sungai. Saya mengembara di seluruh tempat di negeri ini dan apa yang saya lihat adalah suasana yang cukup majmuk serta boleh dikatakan panorama yang menarik.

Namun, pada petang Syawal yang indah pada minggu pertama bulan perayaan umat Islam itu, saya dikejutkan dengan berita pemberhentian operasi di Loji Rawatan Air Simpang Renggam membabitkan 6,000 pengguna termasuk pekedai.

Kebanyakan masyarakat kurang prihatin dengan isu air ini namun bagi saya yang melihat permasalahan ini serius dan perlu ditangani.

Pemberhentian ini berpunca daripada isu pencemaran yang mana perkara inilah yang saya katakan tadi tidak ramai masyarakat menitik beratkannya.

Pencemaran sungai atau punca air ini akan mengakibatkan saluran air asli ini tak dapat diproses dengan baik dan ia akan mengambil masa yang lama untuk memulihkan sehingga menjadi air yang mentah untuk kegunaan harian.

Malangnya, tahap kesedaran sedari awal punca air ini tidak diendahkan oleh kebanya-

Kembara Selatan
Anuni Jagat



kan masyarakat sehingga ia telah mengakibatkan terputusnya bekalan air kepada pengguna.

Saya tidak mengatakan masyarakatlah yang membuat pencemaran tetapi maksud saya di sini adalah berkaitan dengan tahap kesedaran. Saya mengambil isu di Simpang Renggam sebagai satu indikator dalam kes sungai ini kerana sejak dari awal isu air ini menjadi pemerhatian saya dan telah beberapa kali laporan berkenaan dengan masalah air ini telah saya utarakan.

Apa yang berlaku di Loji Air Rawatan Simpang Renggam adalah berkenaan kandungan ammonia yang tinggi yang menjejaskan kualiti air bersih. Dalam lawatan saya di Simpang Renggam, saya dapati punca air sungai di kawasan sekitar Simpang Renggam telah pun tercemar.

Pencemaran itu disebabkan daripada air kumbahan dari tapak pelupusan sampah yang dibina berdekatan punca air disalurkan ke dalam punca air sungai di kawasan Simpang Renggam. Air hitam tercemar itu mengalir ke sungai sekaligus sungai yang mengisi loji rawatan untuk diproses sebagai air mentah kepada pengguna.

Bila kandungan ammonia ini terlalu tinggi

maka ia akan memudaratkan bukan sahaja pengguna malah menyusahkan pemprosesan dan ini akan mengakibatkan permasalahan dalam pemprosesan di loji rawatan.

Justeru, pemberhentian operasi loji rawatan baru-baru ini adalah kesan dari kandungan ammonia yang tinggi yang terkandung di dalam punca air atau air sungai yang diambil oleh loji rawatan tersebut. Di sinilah saya ingin menyatakan perlunya ada kesedaran sivik untuk kita mengambil berat tentang permasalahan air.

Selain penghentian operasi, saya ingin menjelaskan di sini di mana tarif air juga boleh menjadi isu utama mengapa tarif air di negeri Johor antara yang tertinggi di Malaysia. Ia adalah kesan daripada kos operasi untuk merawat air yang telah tercemar tersebut. Saya melihat rungutan orang ramai juga risau tentang kos tarif air yang bakal meningkat sekiranya keadaan ini berlanjutan.

Di sungai Ulu Benut juga yang menjadi punca air untuk penduduk Simpang Renggam juga tercemar tetapi kali ini berbeza pula punca pencemarannya. Ia berkaitan dengan longgokan tahu ayam yang dibuang secara tidak sah di sisi undang-undang yang mana tahu ayam itu dibuang di tebing-tebing sungai Ulu Benut yang akan menghakis terus ke dalam sungai tersebut.

Dalam lawatan melalui sahabat saya yang berada di sana (Haji Maulana) penduduk di Simpang Renggam, beliau mendapati ikan-ikan di sungai itu mati. Persoalan yang ditimbulkan mengapa sungai sebegini tidak mendapat perhatian daripada pihak berwajib dalam menangani permasalahan ini?

Saya telah membuat laporan di akhbar perdana dan liputan itu telah saya bangkitkan secara meluas namun tidak mendatangkan sebarang maklum balas mahu pun tindakan segera yang dilakukan oleh pihak berwajib. Akhirnya perkara ini menjadi darurat sehingga operasi penghentian terpaksa dilakukan.

Selain sungai di Simpang Renggam, saya mendapat laporan terdapat sungai-sungai lain di negeri Johor ini yang mengalami masalah yang sama dan terpaksa mengadakan operasi berganda bagi merawat punca air. Ini juga mendatangkan kebimbangan kepada masyarakat atau rakyat yang sememangnya bekalan air adalah punca utama bagi kehidupan seharian mereka.

Saya telah mendapat suatu memo melalui aplikasi 'Whatsapp' yang menyatakan berkenaan penghentian sementara bekalan air di sekitar kawasan daerah Johor Bahru bermula 11 Julai sehingga 12 Julai selama 23 jam penghentian bekalan dilakukan. Sudah tiba masanya untuk seluruh masyarakat merasakan perkara ini sudah sampai tahap yang kritikal.

Bumi Johor ini indah dan ia mempunyai suatu kesempurnaan yang jitu namun bila ia disalah tadbir maka perkara yang cantik itu akan menjadi hasil yang tidak baik kepada semua.

Sayangnya sebuah pentas yang indah dengan segala kesucian ditebarkan di atasnya telah dilakonkan dan dikelolakan oleh pemain atau pelakon yang kurang bertanggungjawab.

AMANAH parti muda Islam alaf baru

SETELAH mendapat persetujuan pengambilalihan Parti Pekerja Malaysia (Workers Party Of Malaysia) pada Julai 2015, saya telah ditugaskan untuk mengadakan Kongres dan Konvensyen Luar Biasa parti tersebut untuk dijadikan wadah bagi Gerakan Harapan Baru yang muncul pada bulan Jun sebelumnya.

Sesungguhnya bukanlah sesuatu perkara

yang mudah bagi kami kerana perlembagaan parti tersebut menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya. Berbagai pindaan bermula dari nama, simbol dan cogan kata, struktur dan pentadbiran parti telah diubah sepenuhnya.

Timbalan Setiausaha Agung, Setiausaha Organisasi, Bendahari Agung, Pengerusi Selangor dan Para Peguam Kanun AMANAH telah bertungkus-lumus menyusun dan kemudiannya mengalih bahasa ke bahasa Melayu. Sebanyak 116 pindaan dalam perlembagaan Parti Amanah Negara (AMANAH) telah dibuat dan dikemukakan kepada pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Ramai dari kalangan ahli dan aktivis parti tidak sabar-sabar untuk mendapatkan perlembagaan baru Parti Amanah Negara. Rata-rata tidak berpuas hati sekadar merujuk kepada perlembagaan asal yang berbahasa Inggeris itu. Alhamdulillah setelah hampir setahun barulah Pendaftar Pertubuhan Malaysia meluluskan seluruh pindaan dan penterjemahan ke bahasa Melayu kepada Undang-undang Didaftar menurut Sijil Bil. 2200 (SEL) pada 5 Jun 2017, pada bulan Ramadan yang lalu.

Kritikan-kritikan dari berbagai pihak sama ada kawan mahupun lawan bercampur baur dengan tohmahan-tohmahan bahawa ini parti sosialis bukannya parti Islam datang menghujani dari berbagai sudut. Tidak sedikit dari kalangan para penggiat parti yang begitu tertekan dengan serangan-serangan saraf yang dibuat oleh pihak-pihak yang memusuhi yang biasanya tidak mahu memanggil nama sebenar AMANAH dan dengan segala kejengkelan dan kebencian memanggil nama parti ini sebagai 'Pan'.

Bahkan baru-baru ini seorang rakan dari DAP Johor telah mengeluarkan sepucuk surat terbuka kepada Parti Amanah Negara (AMANAH) mempersoalkan dasar, matlamat, hala tuju, dan kelainan Parti Amanah Negara daripada parti Islam lama, Pas. Apabila wartawan Berita Harian menghubungi saya untuk mendapatkan pandangan balas mengenai surat terbuka itu, saya segera memaklumkan sepatutnya sesiapa yang ingin membuat kritikan terhadap parti ini perlu terlebih dahulu merujuk kepada perlembagaan AMANAH.

Nazura Ngah menyiarkan di dalam Berita Harian 2 Julai 2017, jawapan saya tersebut di dalam sebuah artikel berita yang antara lain dipertuturkan di bawah:

Parti Amanah Negara menggesa kepimpinan pembangkang merujuk perlembagaan parti itu yang diluluskan pindaannya oleh Jabatan

Pendaftaran Pertubuhan (ROS) bulan lalu, sebelum membuat sebarang kritikan terhadap dasarnya. Gesaan itu disuarakan Setiausaha Agungnya, Anuar Tahir ketika menjawab surat terbuka ahli DAP kepada yang antaranya mendesak

Parti Amanah Negara menerangkan dasar parti secara jelas serta tidak berterusan menonjolkan mereka sebagai mangsa politik hubungan mesra Pas dan Umno.

PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

TELITI PANDANGAN

Anuar berkata, walaupun pihaknya menerima pandangan pengarah pendidikan politik DAP Johor, Mahdzir Ibrahim secara terbuka, adalah lebih wajar jika pandangan dan kritikan itu disampaikan terus kepada kepimpinan parti.

Katanya, semua pihak perlu mengutamakan perbincangan dalaman sama ada secara bersempena atau menerusi mesyuarat Pakatan Harapan (PH) bagi menyuarakan kelemahan parti sekutu terutama menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU-14).

"Pertamanya semua pihak perlu meneliti dan menyemak sepenuhnya perlembagaan parti yang sudah melalui 116 pindaan yang kini diterbitkan dalam dua versi, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang mengandungi dasar dan struktur Parti Amanah Negara.

TERBIT 10 DOKUMEN

"Keduanya, kena baca semua dokumen yang diterbitkan sejak pelancaran pada 16 September 2015 dan sehingga kini parti sudah menerbitkan 10 dokumen yang menonjolkan Parti Amanah Negara sebagai wadah politik Islam generasi kedua," katanya kepada BH, semalam.

Menerusi laporan sebuah portal berita sebelum ini, Mahdzir mendakwa belum mendengar konsep politik Parti Amanah Negara yang dikatakan Islamnya lebih progresif berbanding Pas dan beliau tidak mengambil hujah di ceramah parti itu kerana menganggap ia bersifat retorik.

"Saya tidak tahu atau tidak mampu menjawab pertanyaan rakan, mengapa kita perlu berkawan dengan Parti Amanah Negara dan mengapa ia penting."

KEGAGALAN KEPIMPINAN

"Selain jawapan dan hujah saya bahawa Parti Amanah Negara menolak Umno, GST (cukai barangan dan perkhidmatan) dan regim kleptokrasi, saya tidak mampu memberikan jawapan yang lebih jelas. Apakah 'selling point' untuk meyakinkan pengundi atas pagar dalam kalangan orang Cina dan Melayu supaya menyokong Parti Amanah Negara," katanya.

Anuar mengakui kegagalan kepimpinan tertinggi PH membantu menerangkan dasar dan struktur politik Parti Amanah Negara kepada pemimpin dan ahli akar umbi parti masing-masing antara faktor berlaku kekeliruan dalam kalangan mereka.

"Kepimpinan tinggi rakan sekutu kami

memahami dasar perjuangan parti, namun tidak berjaya disampaikan kepada pemimpin dan ahli di peringkat bawahan," katanya. (end italic)

Memang benar dasar parti, keunikannya kelainannya tidak boleh diperolehi dari ceramah-ceramah umum yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin parti ini dalam pentas-pentas ceramah yang diadakan di merata tempat, tetapi perlu dilihat dari dokumen parti seperti pidato tahunan presiden yang menjadi ucapan dasar parti, tulisan-tulisan rasmi yang tersiar dalam akhbar AMANAH dan buku-buku yang ditulis oleh pemimpin-pemimpin kanan AMANAH.

Saya mencadangkan kepada sesiapa yang ingin memahami latar belakang kehadiran parti ini di persada politik negara untuk membaca senarai dokumen dan buku-buku berikut:


1. Pidato Presiden Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara 2016.
2. Dokumen Sambutan Setahun Parti Amanah Negara (AMANAH), 24 September 2016.
3. Generasi Kedua Politik Islam, Wacana Baru Gerakan Islam Jilid 1, ilhambooks, 2016.
4. Pergelutan Demi Perubahan, Dr Dzulkefly Ahmad, ilhambooks, 2016.
5. Dari Pas ke AMANAH Berani Berprinsip II, Khalid Samad, ilhambooks, 2016.
6. Islam Bukan Agama Teroris, Mujahid Yusof Rawa PhD, ilhambooks, 2016.
7. Risalah Nahdah: Al-Muwatonah (Kewarganegaraan) Dalam Pembinaan Negara Bangsa, Panel Penyelidikan NUNJI, Parti Amanah Negara, Kuala Lumpur, 2017
8. Risalah Nahdah: Demokrasi Dan Siasah Syariyyah, Panel Penyelidikan NUNJI, Parti Amanah Negara, Kuala Lumpur, 2017.
9. Risalah Nahdah: Hudud: Pelaksanaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Keadilan Sosial di Malaysia, Panel Penyelidikan NUNJI, Parti Amanah Negara, Kuala Lumpur, 2017.
10. Islam Dan Kenegaraan: Suatu Perbahasan Dalam Konteks Fiqh Malaysia, Panel Penyelidikan NUNJI, Parti Amanah Negara, Kuala Lumpur, 2017.

Perlembagaan Parti Amanah Negara (AMANAH) yang diluluskan pada 5 Jun 2017 adalah sebuah perlembagaan parti yang kontemporari antara yang paling mutakhir di dunia.

Sebuah parti yang singkatan namanya AMANAH dan dalam bahasa Inggerisnya disebut National Integrity Party dan lambang lencana atau simbol parti adalah berbentuk huruf 'A' berwarna oren dengan perkataan 'AMANAH' berwarna hitam di atas latar belakang yang berwarna putih sementara cogan kata parti adalah "Amanah, Progresif, Peduli".

Perlembagaan Parti Amanah Negara juga memaktubkan dasar dan tujuan parti seperti berikut:

1. Memartabat dan menegakkan Islam sebagai dasar perjuangan.
2. Mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk



semua (Rahmatan lil Alamin).

3. Melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan.
4. Mendokong pendekatan berhikmah kesederhanaan, keterbukaan, dan prinsip demokrasi dalam kerangkaan Perlembagaan Malaysia.
5. Menggembleng seluruh sekmen masyarakat dalam wadah perjuangan politik inklusif, merentasi jurang kaum, budaya dan kepercayaan agama.
6. Menghormati dan mengluhuri Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta mempertahankan kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang.

Perlembagaan parti juga memperuntukkan sebuah Majlis Penasihat Pakar (MPP) terdiri dari tokoh-tokoh yang terkemuka dalam berbagai bidang keagamaan, kebudayaan, ekonomi, undang-undang, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan sebagainya.

MPP berfungsi sebagai tenaga pakar yang membincang, menganalisis, menyediakan laporan, dan mencadangkan kepada Jawatankuasa Pimpinan Nasional parti apa-apa idea pendapat dan nasihat berhubung dengan dasar perjalanan parti.

MPP juga bertanggungjawab membincang, mengkaji, menyediakan laporan dan mencadangkan kepada Jawatankuasa Pimpinan Nasional apa-apa isu khusus dan penting mengenai agama, politik, sosial, ekonomi, pendidikan, perlembagaan, budaya, hubungan antarabangsa dan lain-lain.

Tanpa membaca perlembagaan parti yang unik ini, tiada sesiapa pun yang akan dapat memahami betapa hebatnya titik jualan (selling point) sebuah parti muda Islam alaf baru ini.

Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk membuat kajian yang menyeluruh, menelusuri sejarah kelahiran dan memahami dasar mulia yang telah digubal oleh para pendiri dan pengasas Parti Amanah Negara.

Dirgahayu AMANAH!

Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Jangan bazir wang kaji MA63

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub mencabar Ketua Menteri Sarawak mendedahkan misi rombongan kerajaan negeri ke London untuk mencari dan mengkaji bahan rujukan berkaitan hak negeri itu mengikut Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Malah beliau menyifatkan tindakan itu sebagai usaha terdesak BN Sarawak untuk meraih sokongan rakyat terutama di waktu menjelang pilihan raya umum.

"Adalah lebih baik bagi Ketua Menteri Sarawak menumpukan perhatian kepada masalah yang dihadapi rakyat seperti masalah tanah, kesenjangan hak-hak suku kaum, pembangunan luar bandar dan pendidikan anak-anak Sarawak.

"Usahlah memainkan sentimen semangat anti-Malaysia dan perasaan rakyat Sarawak dengan mengheret mereka ke kancas sandiwara politik sedangkan masalah empirikal rakyat Sarawak tidak diselesaikan," ujarnya.

Salahuddin menjawab kritikan Datuk Amar Abang Johari Tun Openg yang mendakwa pemimpin AMANAH cetek pemikiran sekaligus mencerminkan kualiti kepimpinan pemimpin parti itu kerana mempersoalkan langkah kerajaan BN negeri.

Salahuddin dalam satu kenyataan sebelum ini menyifatkan tindakan Sarawak menghantar pasukan peguam bagi menentukan hak-hak sebenar negeri itu yang termaktub di bawah perjanjian Malaysia 1963 dibimbangi akan mengundang campur tangan asing.

Beliau turut mempersoalkan sama ada kerajaan negeri Sarawak akan terus menyokong BN di Semenanjung.

Tambah Salahuddin, Ketua Menteri Sarawak perlu sedar bahawa hak negeri itu di sudut kedaulatan, ekonomi, imigrasi, bidangkuasa undang-undang dan sebagainya telahpun termaktub di dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 antara Kerajaan Persekutuan Melayu, Britain dan Sarawak.

"Hampir 55 tahun Sarawak bersama Malaysia, nampaknya KM Abang Jo masih jahil berkenaan MA63.

"Seharusnya, Kerajaan Sarawak hanya perlu membaca empat sudut Perjanjian Malaysia bagi mengetahui dan mengahadami hak yang ada pada Sarawak kerana menjadi prinsip undang-undang bahawa segala terma yang dipersetujui selama ini telah termaktub di dalamnya.

"Bukankah suatu yang sangat naif apabila setelah 56 tahun terbentuknya Malaysia, Kerajaan Sarawak tiba-tiba beriya-iya benar mahu mencari sumber rujukan baru sedangkan Perjanjian Malaysia sudah lama ditandatangani dan dilaksanakan?" soalnya.

Justeru Salahuddin menyifatkan langkah mencari dan mengkaji bahan rujukan pembentukan Malaysia di London itu hanyalah satu sandiwara politik murahan Kerajaan BN Sarawak.

"Sandiwara untuk menyakinkan rakyat Sarawak kononnya Kerajaan Sarawak mahu membuat tuntutan tambahan terhadap Kerajaan Persekutuan.

"Ia adalah tindakan yang sia-sia dan membazir wang rakyat. Melainkan Abang Jo mungkin tidak percaya dengan Peguam Negara lantikan Putrajaya dalam menasihati MA63 sehingga terdesak merujuk sehingga ke London," ujarnya sinis.

Beliau juga melahirkan kehairanan dengan sikap membisu BN Sarawak terhadap isu-isu yang melibatkan kepentingan dan kebajikan rakyat seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan Cukai Pelancongan.



Salahuddin Ayub dalam sidang media di Wisma Amanah.

Malah beliau kesal kerana ahli-ahli Parlimen BN Sarawak bukan sahaja gagal menentang malahan mengundi untuk menyokong penguatkuasaan cukai yang membebaskan rakyat.

"Sebab itu dalam keadaan Sarawak diperintah oleh parti komponen yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, adalah mustahil Kerajaan Sarawak akan membuat tuntutan yang berbeza kepentingan secara konkrit," jelasnya.

Mahkamah halang SPR kemuka persempadanan baru

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengeluarkan injeksi untuk tidak membenarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengemukakan laporan persempadanan baru proses pilihan raya.

Keputusan itu dibuat Hakim Mahkamah Tinggi, Tuan Azizul Azmi Adnan selepas mengambil kira permohonan injeksi dibuat Kerajaan Selangor, sebelum ini.

Mahkamah menetapkan, SPR tidak mempunyai kuasa untuk meneruskan proses persempadanan di bawah Seksyen 8 Jadual ke 13 sehingga

semua prosiding perundangan di peringkat negeri selesai.

Ia sekali gus menyukarkan Kerajaan Persekutuan menerima sebarang laporan berhubung proses persempadanan semula di peringkat Nasional, menjelang pilihan raya umum ke-14.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika ditemui berkata, keputusan itu membuktikan hak rakyat Malaysia kekal dipertahankan.

"Ini kejayaan besar rakyat Selangor kerana kerajaan negeri mempertahankan hak mereka dan rakyat Malaysia kerana SPR tidak boleh

mengemukakan sebarang laporan sehingga proses di Selangor ini selesai.

"Kerajaan negeri mengambil tindakan untuk melindungi hak seluruh rakyat dalam konteks menjaga kepentingan mereka sebagai pengundi," katanya di perkarangan mahkamah, 5 Julai lalu.

Terdahulu, Kerajaan Selangor memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran mencabar cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri di Selangor oleh SPR.

Permohonan dibuat untuk mendapatkan perisytiharan bahawa notis disiarkan SPR tidak mempunyai butiran terperinci menyebabkan pemilih biasa, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri tidak boleh melaksanakan hak mereka untuk membuat representasi.

Permohonan difailkan selepas SPR didapati bertindak tidak mengikut Perlembagaan, tidak wajar dan tidak rasional berlandaskan Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Imigresen perlu kenal pasti sendiket bawa masuk Pati

BATU PAHAT: AMANAH Negeri Johor menyarankan Jabatan Imigresen mengenal pasti sindiket yang membawa masuk pendatang asing tanpa izin (Pati) ke negara ini dan membanteras aktiviti itu hingga ke akar umbi.

Sambil merakamkan tahniah kepada Jabatan Imigresen Negeri Johor yang berjaya menahan seramai 315 Pati dalam Ops Mega yang dijalankan bermula 1 Julai lalu, Pengerusinya Aminolhuda Hassan berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen anggota Jabatan Imigresen yang bertungkus lumus menjayakan Ops Mega sekali gus menyelamatkan negara dari dibanjiri Pati.

"Pihak kami juga kluatir terhadap Pati yang tidak tahu apa niat mereka hadir ke negara ini dan atas tujuan apa kerana rekod mengenai diri mereka tidak diketahui oleh pihak keselamatan negara," katanya dalam satu kenyataan 2 Julai lalu.

Seramai 315 Pati termasuk 20 wanita ditahan Jabatan Imigresen Johor dalam Ops Mega selepas tamat tempoh pendaftaran E-Kad yang berakhir 30 Jun lalu.

Pengarah imigresen negeri, Datuk Rohaizi Bahari berkata, mereka ditahan selepas pemeriksaan dijalankan terhadap 680 pekerja asing di tiga premis kilang plastik di Kawasan Perindustrian Taman Gembira, dekat Tampoi.

Aminolhuda yang juga Adun Parit Yaani juga mencadangkan mana-mana Pati yang ditahan direkodkan butiran diri mereka dan dipantau serta pihak berkuasa mesti memastikan mereka tidak memasuki semula negara ini selepas dihantar pulang.

"Pihak kami juga mencadangkan agar Jabatan Imigresen mengenal pasti 'kepala sindiket' yang membawa masuk Pati serta membanteras kumpulan sindiket ini," katanya.

Sikap sambil lewa kerajaan negeri undang padah

SIMPANG RENGAM: Kelalaian kerajaan BN negeri menyelesaikan masalah pencemaran sungai di daerah ini mengakibatkan operasi Loji Rawatan Air Simpang Renggam terpaksa dihentikan ekoran pencemaran sumber air sekaligus menyukarkan penduduk mendapat bekalan air bersih bagi aktiviti harian.

Malah AMANAH Kawasan Simpang Renggam kesal kerana tiada tindakan diambil pihak berwajib bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan punca air di daerah ini walaupun sudah banyak kali dilaporkan media massa.

Ketua AMANAH Kawasan Simpang Renggam Mohd Said Jonit berkata, pihaknya telah membangkitkan isu kandungan amonia yang tinggi di punca sungai serta

sungai-sungai lain yang menjadi sumber utama air di kawasan sekitar Simpang Renggam.

Namun sikap sambil lewa kerajaan negeri yang tidak mengendahkan aduan penduduk akhirnya mengundang padah.

Penutupan loji rawatan air akibat kandungan amonia yang tinggi di sungai-sungai sekitar Simpang Renggam, ujarnya menjejaskan 6000 pemegang akaun termasuk restoran atau kedai makan yang terpaksa menanggung risiko kerugian.

"Lawatan Ahli Parlimen Simpang Renggam sebelum ini hanya sekadar gimik 'turun padang'.

"Oleh itu kami sekali lagi mendesak kerajaan negeri mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah pencemaran sungai dan sumber air ini," kata Mohd Said.

Jika Keadilan masih bersama Pas PH Selangor berisiko tumbang

Oleh **ARIF ATAN**

SHAH ALAM: Keadilan Selangor boleh berkongsi kerusi dengan Pas dalam pilihan raya umum akan datang jika berminat untuk terus bekerjasama dengan parti itu di luar kerangka Pakatan Harapan, tegas Pengerusi AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim.

Bagaimanapun Izham mengingatkan bahawa komposisi majmuk pengundi di negeri itu dijangka mengundang kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan pada pilihan raya umum akan datang sekiranya Keadilan tetap bekerjasama dengan Pas yang kini dilihat mesra Umno-BN.

"Sekiranya, pengundi bukan Melayu menolak Pakatan Harapan kerana masih bersama Pas maka kerajaan Pakatan Harapan Selangor akan tumbang dalam pilihan raya umum akan datang," ramalnya.

Timbalan Pengarah Strategi AMANAH Nasional itu berkata, sebarang keputusan untuk bertanding mana-mana kerusi akan diputuskan dalam mesyuarat tertinggi Pakatan Harapan.

"Pas bukan komponen dalam Pakatan

Harapan. AMANAH tidak bersedia untuk berkongsi kerusi dengan parti yang bukan daripada Pakatan Harapan," tegasnya ketika dihubungi Malaysia Dateline.

Kedudukan semasa Dun di Selangor menyaksikan Pakatan Harapan (Keadilan-AMANAH-DAP) menguasai 30 kerusi, Pas (13), BN (12) dan Bebas (1 kerusi).

Mengulas sikap pengundi bukan Melayu, Izham berkata keputusan pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar pada 18 Jun tahun lalu membuktikan segmen pengundi terbabit menolak Pas.

"Kemungkinan tinggi mereka menolak parti lain yang masih mahu bekerjasama dengan Pas seperti kata Datuk Husam Musa, jangan kita anggap bahawa pengundi bukan Melayu akan sentiasa berpihak dengan kita," ujarnya.

Husam yang juga Naib Presiden AMANAH berpendapat Pakatan Harapan di Selangor terancam jika Keadilan masih mahu bekerjasama untuk memberi laluan kepada Pas bertanding di 15 Dun yang dimenangi pada pilihan raya umum lalu.


Beliau dalam program Dialog Isu Semasa Perantau Bersama Pakatan Harapan di

Kota Bharu berkata, risiko kerajaan Pakatan Harapan di negeri berkenaan tumbang tidak dapat dielak memandangkan Pas hampir pasti kalah di semua kerusi yang mempunyai kira-kira 20 peratus pengundi Cina.

Mengulas lanjut, Izham melanjutkan pengundi bukan Melayu mungkin mengambil keputusan untuk tidak keluar mengundi jika sudah sampai tahap "menyampah" dengan BN dan Pakatan Harapan. "Mungkin juga mereka (pengundi bukan Melayu) akan pilih calon-calon yang dirasakan berakhlak dan membawa mesej perubahan sahaja daripada Pakatan Harapan dan bukan semua calon Pakatan Harapan," ujarnya.

Pada masa sama, beliau menegur penggunaan kata "kerajaan PKR" di Selangor memandangkan jelasnya, tanpa DAP dan AMANAH, PKR tidak akan mempunyai cukup kerusi untuk membentuk kerajaan negeri.

"Saya kurang bersetuju bahawa kerajaan Selangor adalah kerajaan PKR. Namun, tan-



Ir Izham Hashim

pa Pas masih cukup kerusi untuk membentuk kerajaan Pakatan Harapan Selangor. Mesti sebut kerajaan Pakatan Harapan Selangor," tegasnya lagi.

Untuk rekod, purata peningkatan undi Cina untuk Pas di Selangor naik daripada 42.9 peratus pada PRU-12 (2008) kepada 70.3 peratus pada PRU-13 ketika Pas masih bersama Pakatan Rakyat sekaligus menyumbang pertambahan daripada lapan kepada 15 kerusi Dun.

Bagaimanapun, perpecahan Pas menyebabkan dua daripada Adun Pas iaitu Saari Sungib (Hulu Klang) dan Hasnul Baharudin (Morib) mengambil keputusan untuk menyertai AMANAH.

Khalid rayu kes mengajar tanpa tauliah



Dr Zulqarnain berbincang sesuatu dengan Khalid sebelum menyerahkan dokumen rayuan.

SHAH ALAM: Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor 4 Julai lalu berhubung hukuman denda RM2,900 oleh Mahkamah Rendah Syariah Klang atas kesalahan mengajar agama tanpa tauliah.

Peguam beliau Dr Zulqarnain Luqman berkata, pihaknya membuat tuntutan untuk menyampaikan hujahan dan juga rekod hujahan rayuan tambahan.

"Hari ini untuk tuntutan bagi pihak perayu menyampaikan

hujahan dan juga rekod hujahan rayuan tambahan dan kemudian mahkamah tentukan tarikh," katanya kepada Malaysia Dateline.

Sebelum ini, Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH didakwa melakukan kesalahan itu di Surau Taman Seri Sementa, Klang, pada 16 Ogos 2011.

Sekiranya gagal membayar denda itu, beliau boleh dipenjarakan selama tiga bulan.

Khalid, yang ketika itu Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor didakwa mengikut Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman denda sehingga RM3,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit

kesalahan.

Denda RM2,900 ini tidak menjejaskan kedudukan Khalid sebagai ahli parlimen.

Menurut Khalid, kejadian itu berlaku ketika beliau baru pulang dari Gaza.

"Saya balik dari Gaza, Palestin pada tahun 2011 dan saya telah dijemput ke surau untuk memberi ceramah mengenai perjalanan saya ke Gaza.

"Ceramah itu diberikan di surau dan ketika itu orang Jais menunggu saya, mereka mengambil video ucapan saya dan mendakwa saya mengajar tanpa tauliah.

"Saya memberitahu mereka bahawa saya bercakap tentang perjalanan saya, tetapi mereka masih berkata ia merupakan kesalahan," katanya.

Kerajaan Pahang digesa beku permit eksport bauksit

KUANTAN: Ahli Parlimen Kuantan Fuziah Salleh mendesak kerajaan Pahang membekukan permit eksport bauksit sehingga dalang yang terlibat dalam aktiviti perlombongan haram dapat dikenal pasti.

Beliau berkata, melanjutkan tempoh moratorium (penangguhan) hanya akan menyebabkan perlombongan bauksit secara haram semakin berleluasa.

"Berlaku peningkatan jumlah 'stokpile' tatkala sudah diumumkan moratorium. Maksudnya berlaku aktiviti mengorek bauksit haram (semasa tempoh moratorium).

"Saya gesa selain dari moratorium, bekukan

dahulu permit eksport bauksit sehingga dalang yang terlibat dalam aktiviti perlombongan haram dapat dikenal pasti dan di bendung," katanya dalam satu kenyataan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob baru-baru ini berkata tempoh moratorium aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan, yang sepatutnya berakhir pada 30 Jun ini, akan dilanjutkan sehingga selesai pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Adnan menegaskan bahawa tindakan melanjutkan tempoh moratorium itu bukan 'permainan politik'.

Fuziah, bagaimanapun tidak yakin dengan

kenyataan itu.

"Cadangan kerajaan negeri Pahang untuk melanjutkan moratorium sehingga PRU14 dilihat sebagai usaha bermuka-muka dengan rakyat.

"Mengatakan ya kepada moratorium di samping mengatakan ya juga kepada perlombongan haram," katanya.

Bermula pada Januari 2016 berikutan pendedahan pencemaran alam sekitar, moratorium empat bulan telah dilanjutkan sekurang-kurangnya lima kali.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar sebelum ini

berkata kerajaan menyedari aktiviti perlombongan bauksit secara haram dan akan mengambil tindakan susulan.



Fuziah Salleh

Pulau Pinang ke arah bandar raya pintar

GEORGE TOWN: Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Datuk Maimunah Mohd. Sharif berikrar akan terus menerajui MBPP ke arah menjadikan negeri ini sebuah bandar yang lebih bersih dan pintar.

Maimunah yang ditemui selepas majlis rasmi pelantikannya memberitahu, bagi menjayakan hasrat tersebut, beliau perlu melakukan penambahbaikan terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Untuk menjalankan tugas ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar yang bersih, hijau, sihat dan selamat, saya perlu melihat kepada penyampaian perkhidmatan yang terdapat di MBPP, proses-proses untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta (melihat) kepada tatacara operasi standard (SOP) sedia ada.

"Malah bagaimana proses menjalankan perkhidmatan dan pembuatan keputusan juga perlu diteliti.

"Juga impian kerajaan negeri dan ketua menteri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar memerlukan kerjasama semua pihak sebagai satu pasukan," jelasnya.

Penyerahan watak pelantikan Maimunah disempurnakan Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, anggota Exco, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus dan Yang Dipertua (YDP) Dewan Undangan Negeri (Dun), Datuk Law Choo Kiang.

Maimunah yang sebelum ini menyandang YDP Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bukanlah seorang yang asing di dalam pentadbiran MBPP kerana pernah menjawat Pegawai Perancangan Bandar dan Desa MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) pada 1985 hingga 2003 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah

Perancangan Pembangunan MPPP (2003) dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).

Dalam pada itu, Guan Eng yakin pengalaman luas, pencapaian dan pengiktirafan dimenangi MPSP dibawah kepimpinan Maimunah mampu membawa kecemerlangan kepada MBPP.

"Pulau Pinang kini merupakan negeri ketiga bersih di Malaysia selepas Terengganu dan Perak.

"Tetapi kita yakin mampu jadi lebih bersih sekiranya setiap isi rumah dan warga negeri menjalankan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.



Maimunah (dua dari kanan) bergambar bersama isteri Ketua Menteri Betty Chew dan para tetamu di majlis sambutan Aidilfitri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

"Ini merupakan KPI (petunjuk prestasi utama) kepada beliau untuk menjadikan Pulau Pinang lebih bersih selepas ini, selain memastikan ekonomi Pulau Pinang terus rancak," ujarnya. - Buletin Mutiara

Gabungan Pas, Umno tak mampu menang di Tasek Gelugor

TASEK GELUGOR: Keputusan pilihan raya umum lalu membuktikan Umno hanya mampu meraih majoriti 3042 undi sahaja bagi kerusi Parlimen Tasek Gelugor dalam pertandingan tiga penjur.

Sehubungan itu, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Dua Datuk Jasmin Mohamed yakin Tasek Gelugor bukan lagi menjadi kubu tradisi BN.

Bekas Adun BN dari 1995 hingga 2013 berkata, majoriti undi yang diperolehi Adun BN bagi kerusi Dun Sungai Dua merosot kepada 357 pada pilihan raya umum lalu manakala bagi kerusi Dun Teluk Air Tawar, majoriti undi diraih ketua pembangkang Dun Pulau Pinang Datuk Jahara Hamid hanyalah 840.

Pengaruh Umno di kawasan itu juga merosot apabila lebih 3000 ahli parti itu bertindak menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

"Lebih parah ramai dari ahli Pas juga telah menyertai Parti Amanah Negara yang turut mendapat sokongan yang begitu menggalakkan di parlimen ini.

"Apa lagi dengan sokongan yang bertambah kepada Keadilan dan juga penyertaan orang Melayu bersama DAP di Pulau Pinang.

"Kemenangan tipis yang diperolehi Umno dan BN dalam pilihan raya umum yang lalu tidak lagi menjamin kemenangan mereka pada kali ini," tegasnya lagi.

Tambah beliau, Pas akan turut kehilangan sokongan di Tasek Gelugor kerana ramai akar umbi yang semakin meragui hala tuju pemimpin tertinggi mereka.

"Jika sebelum ini Pas mendapat sokongan hasil dari kerjasama dalam Pakatan Rakyat kini mereka telah pun mendokong polisi Umno menyebabkan sokongan yang pernah mereka raih dari penyokong Keadilan dan DAP tidak mampu diperolehi lagi.

"Apa lagi dengan sokongan yang semakin rancak diterima AMANAH dan PPBM sudah pasti akan melenyapkan impian mengungguli Pas untuk bersama Umno dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau turut mengulas tindakan Umno dan Pas yang memainkan sentimen agama dan kaum bagi meraih sokongan antaranya mendakwa Pulau Pinang akan dijadikan 'bandar Kristian'.

"Mana mungkin kewujudan bandar tersebut akan menjadi realiti seperti mana yang dipropagandakan oleh Umno dan Pas.

"Dakwaan ini lahir setelah Umno dan Pas merasa terancam dengan sokongan yang semakin rancak diterima parti-parti Pakatan Harapan di Pulau Pinang," ujarnya lagi.

Majlis Aidilfitri Yang Dipertua Negeri meriah

GEORGETOWN: Lebih 5,000 tetamu pelbagai kaum hadir memeriahkan majlis rumah terbuka Aidilfitri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Abdul Rahman Abbas di sebuah pusat konvensyen, dekat sini, 4 Julai lalu.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Menteri Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Dr. P. Ramasamy; anggota Exco Kerajaan Negeri; ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan ahli Parlimen.

Turut hadir Speaker Dun Datuk Law Choo Kiang, Timbalan Speaker Datuk Maktar Shapee, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Farizan Darus, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Datuk Maimunah Mohd. Sharif, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Sr. Rozali Mohamud, ahli-ahli majlis MBPP dan MPSP, ketua jabatan kerajaan;



Tun Dr Abdul Rahman berbual mesra dengan Guan Eng dan para tetamu yang hadir.

kakitangan awam serta pemimpin masyarakat.

Pelbagai juadah istimewa dihidangkan pada majlis itu.

Tetamu turut dihiburkan oleh kugiran MPSP serta artis dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pulau Pinang dengan lagu-lagu raya.

Maimunah dilantik Datuk Bandar MBPP

GEORGETOWN: Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Datuk Maimunah Mohd Sharif dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkuat kuasa 1 Julai ini hingga 30 Jun 2019.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri Chow Kon Yeow berkata pelantikan Maimunah bagi menggantikan Datuk Patahiyah Ismail yang tamat penggal perkhidmatan 30 Jun lalu diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kita ucapkan ribuan terima kasih atas perkhidmatan beliau (Patahiyah) sebagai Datuk Bandar dan sebelum ini sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang serta jawatan-jawatan lain sejak beliau menyertai perkhidmatan di MBPP," katanya pada sidang media di Bangunan Komtar.

Chow berkata, kerajaan negeri turut meluluskan pelantikan Setiausaha MPSP Rozali Mohamud sebagai Yang Dipertua MPSP yang baharu manakala Pengarah Kejuruteraan MPSP Rosnani Mahmod dilantik sebagai Setiausaha MPSP berkuat kuasa 1 Julai.

Tiada perancangan menyeluruh majukan negeri Pemimpin Kelantan lebih suka melancong

Oleh **ARIF ATAN**

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan di dakwa tidak mempunyai perancangan dalam memajukan bidang pelancongan dengan memanfaatkan kekayaan alam semula jadi dan warisan budaya di negeri itu.

Penasihat AMANAH Kelantan, Datuk Husam Musa berkata, kerajaan negeri lebih tertumpu kepada sektor perlombongan dan pembalakan yang bersifat tidak mampan.

"Aset pelancongan kita di Kelantan terlalu banyak berbanding sumber lombong dan balak yang tidak boleh diteruskan secara berpanjangan.

"Sungai kita dari hulu sampai ke kuala segala cabangnya, pulau, tinggalan sejarah, warisan budaya, kedudukan strategik kita semuanya aset pelancongan yang dibazir-kan kerajaan Pas Kelantan hari ini," bidasnya.

Menurut beliau, hal tersebut terjadi akibat Exco Pelancongan tidak fokus sebaliknya lebih banyak melancong ke luar negara.

"Exco Pelancongan dulu Datuk Takiyudin (Setiausaha Agung Pas). Saya minta maaf. Saya kena buat satu penilaian. Anda sendiri boleh buat penilaian.

"Apa yang dibuat oleh Datuk Taki sebagai Exco Pelancongan? Apakah yang dibuat oleh Datuk Mejar Anizam sekarang sebagai Exco Pelancongan?

"Bolehkah kerajaan Kelantan bentang-bentangkan apakah perancangan lima tahun akan datang? Jawabnya tidak ada. Yang ada adalah kerajaan melancong," tempelaknya pada program Dialog Isu Semasa Perantau Bersama Pakatan Harapan dekat sini, 29 Jun lalu.

Untuk rekod, Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Kelantan pada masa ini dipengerusikan Datuk Mejar (B) Mohd Anizam Abdul Rahman.

Husam yang juga Naib Presiden AMANAH turut mendakwa pemimpin kerajaan negeri Kelantan memiliki ejen pelancongan dan pada masa sama kerap melancong ke luar negara dan bukannya merangka usaha menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

"Semua pesanan untuk melancong me-

lalui ejen pelancongan yang dimiliki pemimpin kerajaan negeri Kelantan. Pergi ke Sepanyol lebih 30 orang. Balik dari Sepanyol, pergi ke China.

"Sampai hari ini, soalan saya mengenai jadual pelancongan kerajaan negeri Kelantan ke luar negara tidak boleh dijawab. Kita ini melancong lebih daripada membawa pelancong," ujarnya.

Sehubungan itu, Husam berhasrat untuk AMANAH Kelantan membentangkan Pelan Pembangunan Pelancongan Negeri Kelantan yang berpatutan, mampan tetapi menarik.

Mengulas lanjut, beliau menceritakan pengalaman negara seperti China dan Vietnam membangunkan sektor pelancongan yang pada masa sama menyumbang kepada pertambahan pendapatan masyarakat setempat.

"Di China, mereka buat pelancongan yang mudah. Ada satu orang anak kampung dengan latar kampungnya gunung dan sungai terfikir untuk buat satu pentas terapung atas sungai.

"Letak unsur pencahayaan dan bunyi.

Speaker yang baik, cahaya lampu yang cantik. Sinar yang mengenai pentas terapung itu bila orang buat persembahan macam lari atas air.

"Sebelum itu kerja orang kampung hanya sebagai nelayan sungai. Pendapatan rendah, pelancong tidak datang. Akhirnya bila ada pentas terapung itu, setiap malam 300 nelayan ada kerja sampingan buat persembahan budaya," jelasnya.

Menurut Husam, Kelantan mempunyai dikir barat, wayang kulit, mak yong, menora yang telah disesuaikan dengan kehendak syarak malah ramai artis yang boleh berperanan.

Malah beliau menyebut beberapa pulau seperti pulau Gagak, pulau Pok Nik Mat, pulau Seratus dan Tumpat yang salah satu kawasan Dunnya diwakili menteri besar mempunyai banyak pulau yang boleh dimajukan sebagai destinasi pelancongan.

"Kita ada terowong nipah yang besar lebih cantik di Tumpat. Sangat cantik dengan airnya jernih tapi tiada siapa bangunkan. Kalau AMANAH memerintah, benda-benda ini kita bangunkan dahulu," tambah Husam lagi.

Fokus pengundi wanita, saran bekas senator

SALOR: Jentera pilihan raya Pakatan Harapan (PH) perlu menjalankan operasi khas terhadap pengundi wanita yang kini melebihi 50 peratus dalam daftar pemilih bagi menghadapi PRU ke 14.

Bekas senator, Ustazah Jamilah Ibrahim berkata kumpulan ini memerlukan perhatian khas untuk bersemuka dengan mereka bagi menyampaikan maklumat.

"Bagi wanita tiada jalan pintas, kita perlu datang kepada mereka dan tidak boleh berharap mereka mencari kita," katanya ketika meraikan rumah terbuka Aidilfitri Angkatan

Wanita Amanah (Awan) Kelantan di Wisma Tok Guru, dekat sini, baru-baru ini.

Ustazah Jamilah yang menghadiri rumah terbuka Aidilfitri AMANAH Nasional yang berlangsung sebelum itu melanjutkan kehadiran di Kelantan bagi menghadiri beberapa majlis sambutan Aidilfitri.

Golongan wanita menurutnya, amat terdedah dengan dakyah BN melalui propaganda media dan pelbagai pemberian menjelang musim pilihan raya.

"Pihak PH perlu mengatur program berterusan dengan ziarah dari rumah ke rumah dan

program kecil di semua lokaliti bagi memberi penerangan bersemuka dengan pengundi wanita.

"Latihan perlu diadakan lebih kerap kepada perayu-perayu undi supaya mereka memiliki kemahiran untuk memahami cara kempen yang berkesan kepada kelompok ini," katanya.

Beliau yang berpengalaman lebih 25 tahun memimpin gerakan wanita yakin kemenangan seseorang calon dalam pilihan raya amat bergantung kepada sokongan wanita.

"Jangan pandang remeh undi kaum hawa jadi pastikan peringatan diberi kepada para suami

untuk membawa bersama isteri dan anak-anak perempuan masing-masing dalam majlis penerangan PH.

"Jangan jadi suami pangkah PH dalam pilihan raya tapi isteri pangkah parti lawan," katanya.

Ustazah Jamilah adalah bekas Ketua Muslimat Pas Pusat yang memegang jawatan itu selama 18 tahun.

Beliau dilantik Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai anggota Dewan Negara selama dua penggal semasa Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menjawat Menteri Besar.

Husam mampu ikut jejak Tuan Guru Nik Aziz

KOTA BHARU: Datuk Husam Musa yang dianggap tokoh paling sesuai mengetuai kerajaan Kelantan mampu menjadi pengganti Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pemimpin contoh.

Ketua parlimen DAP, Lim Kit Siang berkata di negara ini amat sukar ditemui pemimpin yang boleh jadi ikutan rakyat dari segi ketulusan dan sifat sederhana.

"Rakyat bukan sahaja di Kelantan, malah seluruh negara akan mendapat tokoh disegani bila beliau (Husam) menjadi menteri besar Kelantan selepas pilihan raya umum nanti," katanya di majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran bersama DAP Cawangan Kebun Sultan dan Gajah Mati di Kelab Suara Muda, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau yakin pilihan raya kali ini akan menyaksikan perubahan menyeluruh di peringkat negeri dan persekutuan.

"Harapan saya, rakyat Kelantan akan memilih (Datuk) Husam (Musa) sebagai menteri besar.

"Dan tahun depan saya akan datang lagi untuk menghadiri rumah terbuka Pakatan Harapan bersama menteri besar yang baru," katanya.

Mengenang Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Kit Siang menyifatkan Almarhum sebagai pem-



Pemimpin AMANAH Kelantan yang juga mudir pondok, Baba Zulkarnain makan bersama Kit Siang di rumah terbuka AMANAH Nasional di Kota Bharu, baru-baru ini.

impin contoh yang menjadi inspirasi kepada rakyat.

"Bukan sekadar di Kelantan, seluruh Malaysia mengkagumi dan mahu mencontohinya," katanya.

Kit Siang yang dalam aturcara jelajah raya Pantai Timur sebelum itu menghadiri rumah terbuka Aidilfitri AMANAH Nasional di Dewan Perniagaan Cina Kota Bharu.

"Hari ini masuk hari ketiga saya di Pahang dan Kelantan meraikan hari raya," katanya.

Husam mahu calon sesuai dilantik MB

KUALA LUMPUR: Datuk Husam Musa menerima penamaan beliau sebagai calon Menteri Besar Kelantan namun mahu calon yang lebih layak dinamakan bagi jawatan itu.

Beliau berkata, amat penting bagi sesebuah gabungan politik menamakan calon menteri besar yang boleh diterima rakyat bagi memberikan keyakinan kepada mereka untuk membuat perubahan.

"Buat sementara ini saya terimalah saya dinamakan calon menteri besar sementara ada orang lain yang lebih berkelayakan supaya rakyat Kelantan nampak siapa nak pimpin mereka dan Pakatan Harapan boleh bersatu tenaga," katanya pada sidang media di Wisma Amanah Negara di ibu negara, 4 Julai lalu.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang menamakan Husam sebagai menteri besar jika pakatan itu menang dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Kit Siang menyifatkan Husam sebagai calon sesuai dengan ketokohnya untuk mengetuai Kelantan setelah ketiadaan Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Semasa Tok Guru Nik Aziz dulu, dia tak pernah calonkan diri sendiri (menjadi menteri besar) dan Pas tak pernah uar-uarkan calon menteri besar tapi telah diuar-uarkan dalam ceramah parti Semangat 46.

"Kenapa Semangat 46 namakan tok guru? Pada pendapat saya untuk menjelaskan kepada rakyat Kelantan bahawa kerjasama Pas dan Semangat 46 erat ataupun Angkatan Perpaduan Ummah pada ketika itu ada satu tokoh yang boleh diterima awam, yang boleh membawa perubahan.

"Kalau langsung tak ada tokoh dinamakan akan menimbulkan ketidakjelasan dalam pemikiran rakyat dalam gerakan perubahan," kata Husam yang juga Penasihat AMANAH Kelantan.

Bagaimanapun Husam yang juga Naib Presiden AMANAH mahu perkara itu dipersetujui oleh rakan-rakan dalam Pakatan Harapan.

Mengulas mengenai Pas yang mengkritik hebat cadangan Kit Siang itu, Husam menganggap Pas yakin akan jatuh di Kelantan sehingga begitu prihatin terhadap calon menteri besar daripada Pakatan Harapan.

Rahsia Bang Mat bercuti di UK

“Pernah sekali Bang Mat minum di restoran agak agak standard. Minumlah secawan kopi sambil merasa hidup seperti orang putih. Tetapi harganya 'mahal gila' sampai menyumpah-nyumpah Bang Mat. Depa pun bukan tahu, kita orang menyumpah guna bahasa Melayu!”

Oleh **DR MUHAIMIN SULAM**

ORANG politik tiada istilah bercuti kalau tinggal di tanahairnya sendiri. Sepanjang hidupnya adalah berkerja sebagai ahli politik. Makan, minum, tidur, bermain, shopping dan segala apa jua aktiviti adalah kerja politik. Antara cara untuk bercuti bagi ahli politik adalah masuk hospital atau pergi keluar negeri.

Aku pernah jumpa Almarhum Ustaz Azizan

Razak sewaktu menjadi Menteri Besar Kedah. Aku jumpa almarhum di hospital tetapi di dalam wad itu, aku tengok almarhum biasa saja. YB Nasir Mustafa, Adun Kubang Rotan kata Ustaz Azizan Razak masuk hospital untuk rehat.

Satu cara lain adalah pergi keluar negeri. Ada bajet sikit, pergilah ke Indonesia atau negara-negara Asia Tenggara. Ada modal lebih sikit, pergi Eropah atau Australia. Ada juga pergi buat umrah. Bertaubat kerana dah kelepet duit rakyat, menipu, sombong dan ssebagainya. Ibadat di tanah suci gajarannya seribu kali ganda. Pakai kopiah dan jubah putih berselfie untuk pikat pengundi. Sharelah ramai-ramai. Itulah cara orang politik bercuti. Itupun ada ramai orang kenal dan terpaksa melayan juga. Kerja ahli politik di Malaysia ialah melayan kehendak orang ramai. Mampus!

Sepanjang empat tahun aku duduk kat UK, ramailah pemimpin politik pembangkang dan kerajaan yang kutemui. Dari Tun Mahathir, Zahid Hamidi, Ustaz Hadi Awang, Dr. Hasan Ali, Ustaz Solehin Mukhyi, Salahudin Ayub, Nizar Jamaluddin, Zambry Kadir, Hanifa Maidin, Nasaruddin Tantai, Dr. Rani, Dr. Maria Mahmud, Mahfuz Omar, Kamaruddin Jaafar, Dr Syed Azman, Ustaz Mat Hussein dan ramai lagi yang aku tak ingat. Sebenarnya kebanyakan mereka ke UK hendak bercuti. Sebut pada orang kampung, hendak membuat lawatan bertemu para pelajar. Betullah tetapi sebenarnya lebih kepada hendak bercuti.

Biasanya masa bercuti diambil sewaktu sebelum atau selepas muktamar atau pilihan raya umum. Kalau kalah dalam PRU, bercutilah seminggu dua ke UK. Bawa hati luka. Memujuk jiwa.

Sepanjang tempoh aku di UK, ada dua kali Bang Mat (Presiden AMANAH Mohamad Sabu) ke rumah aku di Swansea.

Rumah aku ada tiga bilik. Sewanya 500 pound sebulan. Terletak di Alexandra Road berhampiran dengan Universiti Swansea. Landlordnya ialah Brother Manan, seorang British keturunan Maldives. Dia juga imam di Swansea University Mosque. Sebelum itu, aku tinggal di Hanover Street berhampiran dengan Swansea City tapi jauh dari

sekolah anak-anak aku. Rumah itu milik Bro. Kudus, peniaga restoran masakan Asia. Beliau seorang British yang berketurunan Bangladesh.

Sekali Bang Mat pergi ke rumah aku bersama seorang kawannya, Roslan Temerloh. Sekali dengan Kak Normah, arwah Aziz dengan isterinya. Setiap kali ke London, pasti Bang Mat call aku. Seingat aku sekali lagi kami jumpa di London. Jarak Swansea ke London jauh. Kira-kira 340 km atau 5 jam perjalanan berkereta. Jarang orang pergi ke Swansea. Swansea ini kira-kira macam Ulu Benut (ini istilah Prof. Dr. Hamirthin Ithnin semasa mengajar aku di UM dulu).

Bang Mat tumpang tidur kat rumah kami. Kat rumah kami, Bang Mat masak nasi Arab dengan kambing. Bang Mat akan ajak aku pergi kedai halal untuk cari daging kambing atau biri-biri serta barang keperluan memasak. Bang Mat tak kasi aku bayar. Bang Mat kata, "Hiss tak payah, biar Bang Mat yang bayar. Hang pun bukan ada duit sangat pun". Memanglah masa tu memang marhaen sungguh aku.

Bang Mat masak sendiri. Aku, isteri dan anak-anak aku hanya tolong sikit-sikit. Bang Mat suruh aku panggil budak-budak Malaysia yang ada di Swansea dan Lampeter untuk makan sekali. Akupun call, ramailah yang datang nak jumpa Bang Mat. Bang Mat bersembang dengan kami semasa makan-makan secara santai. Tentulah cerita politik. Bang Mat pesan agar kami pulang nanti bawalah nilai-nilai Barat yang baik untuk dipraktikkan di tanah air. Dia tak cakap pun agar mereka sokong pembangkang.

Semasa Bang Mat sampai di rumah aku pada waktu malam, Bang Mat tidak tidur. Dia (alami) 'jet leg'. Malam itu dia masak sendiri kat dapur rumah. Sebelum kami tidur, dia kata nak masak air. Akupun tidak kisah. Esok pagi, Bang Mat dah siapkan sarapan pagi kami! Bang Mat tahu di mana kami letakkan kopi, teh, gula, roti, rempah ratus. Bang Mat buat macam rumah sendiri. Memang power! Selepas kami balik 'for good', Bang Mat janji nak masak di rumah

aku di Teluk Intan. Memang dia tunaikan janji itu beberapa tahun lalu.

Di Swansea, aku bawa pergi jalan-jalan naik kereta Renault Magane aku. Kawan aku dari Sabah, bermurah hati bawa satu kereta untuk bawa Aziz dan isterinya. Di UK, sebuah kereta tidak boleh lebih muatan. Jika untuk empat orang, jangan lebih empat orang. Bang Mat bayarkan petrol kami. Sepanjang jalan, Bang Mat sembang impiannya nak jadi nelayan cari ikan di laut

Inggeris. Macam dia dah 'give up' jadi ahli politik. Ramai ahli politik asyik jaga kepentingan diri sendiri saja. Kuatkan pengaruh, tambah harta, tambah bini dan sebagainya.

Mula-mula aku ajak Bang Mat, arwah Aziz, Kak Normah dan isteri arwah Aziz ke Outlet Bridgend, iaitu kira-kira 30 minit daripada rumah aku. Aku ajak shopping kedai Clark, Mark & Spencer, Next, Primark, Sportworld dan sebagainya. Outlet Bridgend memang menawarkan harga yang 'reasonable' untuk kami boleh beli. Diskaunnya banyak. Itupun Kak Normah merungut mahal. Memanglah mahal kalau pakai duit Malaysia. Sebenarnya harganya sangat murah jika berbanding harga di Malaysia.

Aku tengok Bang Mat tak beli apa-apa pun. Bang Mat temankan Kak Normah shopping. Kalau kat Malaysia, mereka tidak sempat berdua-duaan begini. Sekali aku biarkan mereka jadi seperti belangkas.

Aku juga ajak pergi ke pelabuhan Swansea dan bawa sekitar kedai-kedai jual ikan segar. Jarang aku beli ikan segar. Mahal. Aku bawa tengok kapal layar yang diparking di situ. Memang tidak mampu beli. Tetapi sekurang-kurangnya mampu melihat kemewahan dengan mata sendiri.

Bang Mat minta aku bawa ke kedai untuk minum-minum kopi. Aku bawa Bang Mat ke Mumbles, sebuah pekan kecil 10 minit daripada rumah aku. Di situ ada restoran Itali. Dia order kopi. Aku order coklat. Sembang-sembang. Sepanjang aku di UK, tidak pernah sekali-pun Bang Mat buat pengisian kepada para pelajar dalam program tarbiyah Hizbi walaupun pada masa itu Bang Mat adalah pimpinan atasan Pas. Sekarang baru aku faham mengapa hal ini berlaku. Ia bukan secara kebetulan tetapi satu perancangan yang panjang dan cukup teliti.

Pimpinan yang datang atas jemputan Hizbi (nama lama) akan diurus semua perbelanjaan. Kami para pelajarlah yang menampung sebahagian daripada per-



Rumah sewa penulis di Alexandra Street, Swansea yang pernah ditumpang Bang Mat.

belanjaan mereka sepanjang di UK. Bagi golongan yang sudah bekerja, mereka lebih berkemampuan memberi sumbangan yang lebih. Begitulah jihad kami ketika itu.

Aku pernah ditugaskan mengiringi beberapa pimpinan Pas termasuklah Ustaz Hadi sendiri. Pada aku itupun satu pengiktirafan dan penghormatan buat aku. Aku bawa Ustaz Hadi cari kedai pancing. Nasib baik, tidak jauh kami berjalan kami jumpa kedai tersebut. Dibeleg-beleg peralatan memancing, jaket, khemah dan sebagainya. Ustaz Hadi kata, semua barangan Cina. Dalam otak aku, barangan Cina mesti tak bagus punya. Memang dasar Cina hmmm... Kekok berjalan dengan Ustaz Hadi. Kena sopan dan skema sepanjang berjalan dengannya. Tak boleh loklak. Sepatah Ustaz Hadi tanya, sepatah aku jawab. Begitulah adabnya aku bersama ulama.

Bang Mat Sabu datang ke UK, tiada pelajar yang akan menanggung perbelanjaannya di UK. Bang Mat lebih suka bersembang santai daripada memberi ceramah walaupun pidatonya hebat. Bang Mat ajak jumpa Raja Petra di Manchester tetapi aku tidak dapat nak datang ke situ. Aku tunggu Bang Mat di London saja. Di London, Bang Mat duduk di hotel bajet dekat stesyen keretapi St. Pancras. Beli kebab dan burger orang Turki di tepi di tepi jalan. Pernah sekali Bang Mat minum di restoran agak standard. Minumlah secawan kopi sambil merasa hidup seperti orang putih. Tetapi harganya 'mahal gila' sampai menyumpah-nyumpah Bang Mat. Depa pun bukan tahu, kita orang menyumpah guna bahasa Melayu!

Aku sedang menagih janji dengan Bang Mat Sabu untuk pergi 'round' ke Cuba suatu hari nanti. Tunggulah nanti PRU ke-14 kalau PH bungkus, kami akan bercuti ke Cuba, ziarah kubur Che Guevara!

Aku cuba cari gambar aku bersama Bang Mat Sabu semasa di sana. Sayangnya aku tak jumpa. Aku hanya ada simpan gambar rumah kami di Alexandra Street. Itulah rumah Bang Mat dan Kak Normah menginap.

Stumbling block to debunking kleptocracy

By DR DZULKEFLY AHMAD

THE latest AG's statement was simply outlandish. The 'open letter' of the Pas President was surely another, purporting foreign interference in 1MDB expose' aided by locals. I've been particularly restrained especially during Ramadan.

But in the best interest of the nation that we all loved and of Islam, whose ultimate objective of Justice many claimed to fight for but later 'hijacked', I felt compelled to write this piece after my last one sooner ('Scandalous that AG not acting on DoJ's 1MDB revelation', 20 June 2017).

The former has very early on exonerated the PM of all wrongdoings in 1MDB fiasco. He seems to 'up the ante' of sort. The latter, in the same vein, put 4 witnesses as prerequisites if the premier is ever to be convicted. He now seems to outdo the AG in his 'open letter', lending a backhanded credence to the premier.

This writer is of the opinion that they both represent the greatest stumbling block in the initiation of an effective legal proceeding that could get to the bottom of the 1MDB's 'heist of the century'.

Last Tuesday (27 June), Bernama reported that the AG said that the DoJ's civil suit is 'politically motivated'. This was because 'the DoJ had never made any official request to the Attorney-General Chamber to obtain clarification or information on the claim they made'.

It is in the writer's opinion that Tan Sri Apandi's argument is arguably both flawed, much as it borders on dishonesty or half-truth. Apandi also alluded that "the actions of DoJ's are also believed to be based on information given by certain individuals from Malaysia". That is even more despicable.

Apandi could be accused of deliberately misleading the Malaysian public or is he truly oblivious of the fact of the matter. Yes, he could very well have not read the 251 page complaint of the DoJ!

On page 7 of the complaint, it is categorically stated under the heading of the 'Nature of the Action' that... "This is a civil action 'in rem' to forfeit assets involved in and traceable to an international conspiracy to launder money misappropriated from 1Malaysia Development Berhad (1-MDB)..".

The word 'in rem' is repeated in many places in this third 'complaint' of the DoJ as it was also stated in the earlier complaints, as to make this writer to question its significance. Admittedly, not much have been said it.

Simply put, 'judgement in rem' means that the court action is meant to make judgement on the 'category of things' and not based on persons (judgement in personam).

The 'category of things or property' here are all those long list of items or assets identified, to be forfeited by the court, purchased through the ill-gotten or embezzled money from 1MDB, that have been brought (laundered) into the

financial systems of the United States, United Kingdom and Switzerland.

An action 'in rem' takes no notice of the (original) owner of the property. The object of the lawsuit is to determine the disposition of the assets (properties), regardless of who the owner is or who else might have an interest in it.

Hence, the AG should know full well that they may very well not be consulted or referred! It was extremely regrettable that the AG accuses DoJ as 'politically motivated', when he wasn't consulted or referred to.

On the contrary, many would concur that it is in fact the AG that has unmistakably 'politicised' this legal proceeding of forfeiture of assets. Never mind the AG giving the Swiss AG Chamber a 'cold shoulder' for a Mutual Legal Assistance (MLA) on two occasions before! So why whining now?

As to the Pas President's open letter, it smacks of ignorance of the actual legal proceedings and grossly misguided.

That the DoJ is using their jurisdiction on kleptocracy procedures (esp assets recovery procedures), to get back as much money stolen from 1MDB that were spent in the US, should augur well for Malaysians, as the ultimate beneficiaries. Hadi's revulsion is evidently misplaced. With all due respect, he is apparently at lost on this. The open letter admonishes Malaysians to remain steadfast while never to allow for foreign meddling. But whoever wants foreign intervention Sir?

That Malaysia has unfortunately become an epicentre for global kleptocracy, involving foreign and international conspirators, matters least to him. That global kleptocracy demands a global solution is well beyond his comprehension.

To the more discerning public, Hadi has become a relentless defender of Najib's Government Kleptocracy. On the flip-side though, Hadi's emotive anti-western rhetoric couple with Anuar Musa's narrative of a subversion of a Muslim-led government, regardless of its kleptocratic and corrupt nature, finds a natural traction in many gullible Malay-Muslim constituencies.

That this Muslim-majority nation is dangerously slipping into a 'Malay-Muslim nationalism', very wary of the 'invented other enemies', is scary and grim. The Malays particularly are in dire need of a new narrative on leadership!

That the Attorney General and religious leaders like the Pas President pose a stumbling block to debunking kleptocracy is surely an understatement.

The rakyat must wait for the 'Apex Court of the People' ie the 14th General Election, as to conclusively defeat the defenders and practitioners of Kleptocracy. Only then will Malaysia be on the trajectory of genuine Change and Reform that we all aspire and strive for.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is the Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

Foreign interference in 1MDB and Malaysia? Nonsense

By RAIS HUSSIN

NOT everyone in Umno or Pas is a bad apple. Only the top layer of leaders who have sold their souls to money politics, where cash is king, can be defined as the rotten elements.

Of course, those who maintain that the fish hasn't rotted at the head are living in their warped reality. RTM1, RTM2 and TV3 are, of course, there to help. Their discourses and narratives try to maintain the innocence of the government of Prime Minister Najib Razak.

This leads us to the argument peddled by Umno and Pas bloggers in the pay of the government that the opposition is inviting foreign intervention over 1MDB, and by extension, Malaysia. This is sheer nonsense. Absolute nonsense.

Foreign intervention, as defined by member states of Asean since its founding on August 8, 1967, implies that no member state can support the opposition of another member state in cash or in kind. In other words, the Thai government, for example, cannot support the opposition of Cambodia. And Malaysia cannot support the opposition in Indonesia. Other than this proviso, Malaysia is free to criticise other member states, just as other member states can criticise Malaysia.

When there is a forest fire in Indonesia, Malaysia does not intervene in the haze coming from Sumatera. But, together with Singapore, Malaysia can exert peer pressure to prevent the fire

from spreading. In the case of 1MDB, the proverbial fire has refused to stop since 2009. This is because foreign countries have kept discovering evidence about MO1, spouse of MO1, stepson of MO1, and Jho Low and gang.

Going by Asean standards of foreign intervention, since when did the opposition receive a single dollar from any one of the foreign investigations into 1MDB? There are currently six ongoing investigations with various indictments and fines.

All six plan to return the stolen funds back to the treasury of Malaysia — not the coffers of the opposition.

Thus, the argument that the Malaysian opposition is in cahoots with foreign powers is loose, lame and lax. The opposition is spending money to expose this mega corruption, not receiving any money.

If anything, it is Umno that has confessed to getting various forms of financial support from 1MDB.

When the left hand does not know what the right is doing, on more than one occasion, you have the key members of their leaderships being at cross purposes, too.

While Pas president Hadi Awang is against Pakatan Harapan, its deputy president Tuan Ibrahim Tuan Man is quietly supporting it. The latter knows Pakatan Harapan is right.

Corruption that stinks to the high heavens has taken place under the watch of the Malaysian prime minister since 2009.

While Najib feigns ignorance, he has been generally silent on the whereabouts and sources of the 1MDB funds, which were spent and splurged in New York, leading to a trail of investigative reports by the New York Times, the Wall Street Journal and The Financial Times.

Since the prime minister cum finance minister has been silent, those who want to ingratiate themselves to him have taken to speaking on his behalf.

Invariably, minions such as Mohd Puad Zakarshi, Rahman Dahlan, Salleh Keruak, backed by bloggers such as Raja Petra and Tunku Aziz, have jumped to defend the prime minister.

Little do they realise that the prime minister is actually throwing all of them under the bus. Well, if the opposition wins the next general election, all these liars and purveyors of untruths will be stripped bare.

Not only will they lose their positions in or out of the party, they will be asked to explain the very sources of the wealth that have maintained their operations of spin.

Nazri Aziz, the minister of tourism, has affirmed that each branch in Umno was entitled to RM50,000 each from Umno. If an Umno division has 200 branches, each division would be entitled to RM10 million. In the case of Nazri Aziz, he confessed that since his division only had 60 branches, he received RM3 million.

All this is fodder for investigations by various jurisdictions and countries. They are not foreign interventions. These are domestic prima facie

evidence of serious misdoings, starting from the very top of Umno.

To be sure, key members of Umno and Pas are arguing that the opposition is treasonous. But isn't Pas still in the opposition, too? By accusing the opposition of treason, isn't it inflicting a gun shot on itself?

Besides, the popular vote of the people from 2008 and 2013 belong to the opposition. At more than 51%, the opposition would be in arrears if it did not pursue the 1MDB issue more vigorously.

The irony is, the foreign powers are investigating 1MDB with even more gusto, as 1MDB-related transactions corrupted the banking systems and financial laws.

Under the policy of "know thy customer," the best private banking system does not allow anyone to waltz in with dollars of cash without questions being raised.

Thus the "Low" standards do not apply, period. Jho Low cannot, under any pretense, park billions of dollars in another banking system, either in the form of cash or assets or even paintings — for that matter, super expensive gems — with the aim of laundering them.

He has to explain the sources. The Malaysian government has to do the same and more since these are Malaysian funds.

■ **Rais Hussin is a Supreme Council Member of Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM). He also heads the Policy and Strategy Bureau of PPBM.**

Kecejaruan memahami isu 1MDB dan calon MB Kelantan

SESI Parlimen kedua untuk tahun ini akan bermula pada Isnin 24 Julai ini. Parlimen akan bersidang selama 12 hari iaitu setiap Isnin hingga Khamis sehingga 10hb Ogos. Sudah pasti isu 1MDB serta Felda dan FGV antara isu-isu menarik yang akan ditimbulkan.

Namun demikian, pasti ada juga yang akan bertanya bagaimana dengan Usul Persendirian YB Marang mengenai RUU355. Adakah ianya akan terus digunakan BN untuk memindahkan pandangan rakyat dari isu-isu yang benar-benar menuntut satu tindakan penyelesaian, atau ianya akan dibenarkan mati secara senyap dengan begitu sahaja?

Sebaliknya sekiranya ianya ingin dihidupkan kembali, maka bagaimanakah skrip dramanya kali ini? Ianya bagaikan kisah lama yang diputar kembali ke tahap maksimum. Tidak mungkin adanya ruang untuk menengahkan perbahasan sekiranya ianya dibenarkan untuk dibentang kembali. Namun begitu, dengan adanya epelakon pak sanggupi tidak mustahil ianya dibaca dan ditangguhkan, atau dipinda dan ditangguhkan, atau disyarahkan dan ditangguhkan sekali lagi buat kali keempatnya. Ianya dikatakan sifat ekesabarani yang dituntut perjuangan. Sabar dengan sanggup menjadikan diri bagaikan badut politik dan diperbodohkan di khalayak ramai. Usul dan fiqh dakwah apakah ini?

Walau apa pun, hakikatnya Pas telah berjaya membingungkan ramai dengan kepelikan sikapnya khusus terhadap usul-usul yang dibawanya. Ada usul yang diluluskannya tetapi terus bertindak seolah-olah usul berkenaan tidak lagi diluluskan. Ada pula usul yang belum lagi diluluskan tetapi berpesta dan bergembira seolah-olah ianya diluluskan dengan penuh jayanya!

Usul yang diluluskan tetapi bagaikan tidak lagi

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



diluluskan adalah usul memutuskan hubungan dengan Keadilan. Usul diluluskan tetapi Pas terus berhubung dengan Keadilan sama ada di Selangor mahupun di Kelantan. Adakah ianya 'usul main-main' dalaman?

Usul yang tak ke mana tetapi berlagak seolah-olah telah diluluskan adalah usul persendirian YB Marang berhubung pindaan terhadap RUU 355. Tak ke mana dan tiada kemajuan walaupun setapak, selain adegan-adegan melucukan dalam Dewan, namun diraikan seolah-olah telah diluluskan.

Kepelikan sikap ini yang membingungkan ramai. Dan mungkin itulah kehendak Pas supaya dilihat 'lain dari yang lain' dengan hujah kononnya 'mementingkan akhirat'. Peningkatan akhirat atau sememangnya tak faham apa yang dimaksudkan dengan membawa dan meluluskan usul?

Maka begitu jugalah dengan isu 1MDB. Ada yang kata ianya "campur tangan asing". Ada pula yang kata "negara lain siasat kerana kerajaan Malaysia tak siasat"! Kedua-duanya salah dan hanya menambahkan kepelikan sikap Pas di mata rakyat yang semakin bermaklumat.

Susah sangat hendak difahamkan bahawa negara lain siasat kerana tindakan pihak yang terlibat dengan 1MDB telah melanggar undang-undang di negara mereka masing-

masing! Itulah sebabnya bank-bank di Singapura ditutupkan dan pegawai-pegawai bank didakwa dan dihukum. Kerana melanggar undang-undang perbankan di Singapura. Itu juga sebabnya mengapa DOJ menyita harta yang dibeli dengan duit dari 1MDB kerana ianya dilihat sebagai kegiatan 'money-laundering' atau pengubahan wang haram.

Pengubahan wang haram membawa erti menggunakan wang 'kotor' yang diperolehi melalui kegiatan mencuri, merompak, khianat atau sebagainya dalam perniagaan dan urusan hartanah yang dibenarkan di sisi undang-undang sehingga wang tersebut dilihat 'bersih'.

Apabila undang-undang di negara asing dilanggar oleh rakyat Malaysia, dan pihak mereka bertindak terhadapnya, adakah itu yang dianggap 'campur tangan asing'?

Pada masa sama kami masih menunggu kritikan dan teguran dari pimpinan Pas terhadap Najib sendiri berhubung isu skandal 1MDB. Setakat ini serangan dan teguran dibuat terhadap pengurusan 1MDB dan bukan terhadap Najib. Seolah-olah kesilapan hanya dilakukan oleh pengurusan 1MDB dan bukan Najib! Begitu juga dengan desakan terhadap isteri MO1 untuk memulangkan barang kemas berlian yang telah diterimanya.

Seperti biasa, tiada yang mampu dilakukan Umno selain membodohkan Melayu demi menjaga kepentingan pemimpin mereka. Sekarang, malangnya mereka dibantu pula oleh Pas. Satu membodohkan Melayu dengan memeralatkan bangsa. Satu lagi dengan memeralatkan agama.

Ada yang kecoh apabila Kit Siang menyebut bahawa sekiranya Pakatan Harapan (PH) menang di Kelantan, maka Husam akan dilantik sebagai Menteri Besar baharu Kelantan. Pada hakikatnya

Kit Siang hanya menyebut apa yang diketahui umum selama ini.

Kelantan sememangnya merupakan negeri tumpuan AMANAH dari awal lagi. Ianya menjadi sesuatu yang semakin jelas apabila Husam telah dipecat Pas dan bersama AMANAH. Semenjak Husam bersama AMANAH, kegiatan dan program AMANAH menerima sambutan yang semakin memberangsangkan di Kelantan. Mungkin Kit Siang begitu teruja dengan sambutan baik yang dilihatnya semasa sambutan Hari Raya AMANAH di Kota Bharu sehingga mengistiharkan Husam sebagai bakal MB sekiranya PH menang.

Dalam keadaan ketiadaan hujah untuk menyerang sama ada AMANAH atau Husam, maka kenyataan Kit Siang diguna untuk mendakwa AMANAH dikuasai DAP! Sedangkan dari awal diketahui Husam adalah calon MB bagi AMANAH. Kenyataan Kit Siang hanya menzahirkan keyakinan beliau terhadap kekuatan AMANAH di Kelantan. Ianya juga merupakan pengisytiharan persetujuan DAP terhadap matlamat AMANAH untuk menggantikan Pas sebagai parti pemerintah di Kelantan. Matlamat ini telah ditetapkan pimpinan dan disokong ahli AMANAH sejak awal-awal lagi.

Sepatutnya ditumpu pada persoalan mengapa Husam dan AMANAH tidak mampu mengambil alih Kelantan. Persoalan kelemahan dan ketidakmampuan Husam dan AMANAH sepatutnya didedahkan. Sebaliknya yang ditonjolkan adalah persoalan Kit Siang menamakan Husam sebagai calon MB PH. Mungkin ini adalah bukti kerisauan yang timbul di kalangan pimpinan Pas Kelantan hasil dari pengumuman tersebut.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Rakyat tidak merasai kejayaan ekonomi dijaja Najib

SAYA menulis satu rencana membentangkan fakta-fakta yang membuktikan nilai Ringgit telah jatuh teruk sejak Datuk Seri Najib Razak menjadi Menteri Kewangan dan prestasi Ringgit berbanding matawang serantau lain adalah yang paling corot. Saya juga mengingatkan

rakyat bahawa lemahnya nilai Ringgit adalah salah satu punca utama kenaikan harga barang kerana kita masih bergantung kepada import untuk barangan utama termasuklah makanan.

Pada hari yang sama selepas itu, Najib memuat naik kemas kini terbaru di blog beliau menyenaraikan kejayaan-kejayaan ekonomi yang telah dicapai oleh pentadbiran beliau sejak setengah tahun lalu. Nukilan blog beliau itu boleh dibaca di <https://www.najibrazak.com/bm/blog/kejayaan-malaysia-di-pertengahan-tahun/>

Najib mengambil kesempatan mengkritik orang-orang seperti saya yang sering mempersoalkan prestasi pentadbiran



ekonomi beliau sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Kata beliau (di dalam blog itu):

"Tetapi malangnya, walaupun ekonomi Malaysia menerima pengiktirafan badan penarafan antarabangsa, keyakinan pelabur luar, ada 'pakar ekonomi' pembangkang yang masih beria-ia

memburukkan ekonomi negara hanya untuk kepentingan politik peribadi.

"Hakikatnya, meskipun pihak pembangkang tidak habis-habis menyebarkan fitnah dan khabar angin keburukan negara dan keadaan ekonomi Malaysia, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan terus mengusahakan yang terbaik buat semua rakyat Malaysia, dan dalam hal ini bermakna kita akan terus mengalu-alukan pelaburan asing selagi mana ia memberi tambah nilai kepada ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan buat rakyat."

Walaupun berdepan dengan pelbagai skandal dan krisis keyakinan, Najib tahu bahawa cabaran sebenar beliau adalah mengatasi

kesusahan hidup rakyat yang terbeban dengan kenaikan harga barang, kenaikan gaji yang rendah serta kebanjiran pekerja asing yang menyempitkan lagi peluang pekerjaan.

Beliau tahu golongan pengundi atas pagar tidak begitu terpengaruh dengan skandal kewangan 1MDB atau tindakan undang-undang Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) berhubung penyelewengan 1MDB. Sebaliknya, golongan pengundi atas pagar yang bakal menentukan keputusan PRU14 lebih cenderung mengikuti isu GST, kenaikan harga barang, bagaimana menaikkan gaji dan kebimbangan mengenai pekerja asing.

Sebab itu Najib cukup sensitif apabila prestasi ekonomi negara semasa pentadbiran beliau dipersoalkan. Beliau tahu jika rakyat tidak yakin kemampuannya memperbaiki kedudukan ekonomi, beliau akan kalah PRU14 nanti.

Lalu di dalam blog terkini, beliau menyenaraikan kesemua (kononnya) kejayaan ekonomi yang telah dicapai: pertumbuhan ekonomi yang makin rancak, nilai Ringgit yang makin mengukuh, pelaburan asing yang tinggi, projek mega seperti MRT, Jaringan Keretapi Pantai Timur (ECRL), Keretapi Laju KL-Singapura (HSRL) dan lain-lain.

Malangnya, semua angka-angka besar (selalu dirujuk sebagai "headline economic data") yang sering dijaja oleh Najib kebelakangan ini tidak diterjemahkan kepada peningkatan mutu hidup rakyat. Lebih ringkasnya, rakyat tidak merasa pun kejayaan-kejayaan ekonomi yang diuar-uarkan itu kerana ia tertumpu di kalangan beberapa kelompok sahaja.

Ukuran sebenar peningkatan mutu ekonomi rakyat dilihat dari 3 perkara besar: berapa gaji yang diperolehi dan peningkatan gaji, berapa kos menyara keluarga yang perlu ditanggung (kedua-dua ini boleh diukur dari "pendapatan boleh belanja" atau "disposable income") dan berapa banyak peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran dan kelulusan mereka. Kejayaan-kejayaan ekonomi yang dijaja oleh Najib itu dilihat menguntungkan golongan tertentu sahaja. Projek-projek besar yang disebut rata-ratanya menggunakan pekerja asing dan kepakaran asing, pertumbuhan ekonomi yang dibanggakan tidak pula diterjemahkan kepada gaji yang lebih tinggi kepada rakyat dan nilai Ringgit yang mengukuh tidak pun menurunkan harga barang.



Datuk Husam Musa menyantuni seorang kanak-kanak ketika bersama AMANAH Rantau Panjang bertemu masyarakat.

AMANAH Rantau Panjang ikrar rawat derita rakyat

RANTAU PANJANG: "Nama Rantau Panjang terpahat dalam destinasi utama pelancongan negara, namun di sini rakyat berhadapan pelbagai derita akibat kurang perhatian dari kerajaan negeri dan persekutuan," kata Ketua AMANAH Kawasan Rantau Panjang Dr Shahjihan Din.



Dr Shahjihan Din

Sejak tertubuh AMANAH kawasan itu, kata beliau anggota parti terus menerus terlibat dengan kerja-kerja membantu masyarakat yang menghadapi pelbagai kesusahan dan kesukaran.

"Setiap hujung tahun banjir hampir pasti berlaku di kawasan ini.

"Selepas banjir besar 2014 banjir 2017 tidak kurang saiznya bagi penduduk di sini.

"AMANAH dan NGO penyokongnya Skuad Peduli mengambil peranan besar dalam membantu mangsa banjir itu," katanya.

Sebuah pangkalan hadapan, katanya ditubuhkan berhampiran rumah Timbalan Ketua kawasan, Mohd Ridzuan Mohamed.

"Bayangkan, dari sejumlah 300 kampung dalam Parlimen Rantau Panjang hanya boleh dibilang dengan jari kampung-kampung yang tidak terkesan oleh banjir.

"Fenomena ini akan berterusan setiap tahun jika kerajaan Malaysia tidak membina benteng tebatan banjir di sepanjang tebing Sungai Golok," katanya.

Gerakan bantuan banjir awal tahun baru-baru ini kaktanya dikendalikan sendiri oleh AMANAH peringkat negeri dengan Naib Pengerusi AMANAH Negeri Ustaz Che Ibrahim Mohamed sendiri menjadi pengarahnya.

"Kami amat berterima kasih kepada rakan-rakan seluruh negara yang bertali arus mengirih bantuan bagi membolehkan kami

Fokus Kawasan Rantau Panjang

menyumbang kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

"Kepada rakan-rakan yang turun padang termasuk pimpinan-pimpinan peringkat negeri dan pusat, AMANAH Rantau Panjang merasa amat terutang budi," katanya.

Kesan berlaku banjir setiap tahun, jelas beliau menyebabkan kesukaran besar kepada penduduk.

"Bagi yang tanam padi, hanya satu musim boleh diusahakan kerana padi tidak boleh dituai jika masak pada musim banjir.

"Begitu juga mereka yang menjalankan usaha pertanian lain termasuk perternakan lembu atau kambing terpaksa mengambil kira keadaan musim tengkujuh," katanya.

Skuad peduli dan pimpinan AMANAH kini terus-menerus mengenal pasti golongan asnaf yang terpinggir.

"Dengan usaha turun padang dan berzarah rumah ke rumah, kami kini mengenal pasti golongan yang amat memerlukan bantuan.

"Kebanyakan mereka tidak memiliki rumah sendiri, tinggal di rumah sewa atau menumpang rumah orang secara ihsan.

"Bila anak-anak ramai perbelanjaan untuk belajar terus tertekan," katanya.

Untuk membantu katanya, AMANAH Rantau Panjang mewujudkan gabungan dengan



Dr Shahjihan Din menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.



Mohd Ridzuan Mohamad melawat seorang pesakit yang terlanjar.

NGO tempatan dan peringkat nasional.

"Alhamdulillah kini kita dapat kerjasama banyak pihak termasuk syarikat-syarikat korporat dari luar Kelantan," katanya.

Sokongan pimpinan peringkat negeri dan pusat katanya turut memberi semangat kepada para petugas untuk terus menabur bakti.

"Misalnya Ramadan lalu, pimpinan negeri termasuk Datuk Husam Musa turut bersama-sama kami untuk menziarahi dan menyantuni golongan asnaf.

"Orang ramai begitu teruja menyambut kedatangan pemimpin-pemimpin hingga ada yang menitikkan air mata," katanya.

Pentadbiran kerajaan tempatan, kata Dr Shahjihan agak tidak telus di Rantau Panjang.

"Walaupun di sini kawasan parlimen Rantau Panjang, pusat pentadbiran majlis daerah masih di Pasir Mas.

"Memang jelas banyak kemudahan asas di sini amat menyedihkan.

"Misalnya masalah longkang di beberapa kampung sekitar bandar tidak terurus dan tersumbat sejak begitu lama tidak diambil endah oleh pihak pentadbiran," katanya.

Pihak AMANAH katanya mengambil inisiatif sekadar termampu untuk menangani masalah ini.



Skuad Peduli AMANAH Rantau Panjang menyantuni asnaf di bulan Ramadan lalu.

“... Dengan usaha turun padang dan berziarah rumah ke rumah, kami kini mengenal pasti golongan yang amat memerlukan bantuan. Kebanyakan mereka tidak memiliki rumah sendiri, tinggal di rumah sewa atau menumpang rumah orang secara ihsan.

"Pertama merombak sistem pentadbiran kerajaan tempatan supaya lebih peka kepada masalah rakyat dan memberi fokus kepada penyediaan kemudahan-kemudahan utama.

"Kedua menyelesaikan masalah pentadbiran tanah dan perumahan dengan memberi fokus supaya setiap keluarga dapat tinggal di rumah sendiri.

"Ketiga memberi bantuan dalam bentuk kaunseling dan kemudahan kepada keluarga-keluarga yang menghadapi masalah perkahwinan antara pasangan Malaysia dan Thailand," katanya.

Fenomena ini, tambah beliau menyebabkan kesukaran kepada anak-anak yang akhirnya menimbulkan pelbagai gejala sosial.



MOHD RIDZUAN MOHAMAD
Timbalan Ketua AMANAH Rantau Panjang merangkap Pengerusi Dun Gual Perik



MOHD ROMIZU ALI
Pengerusi Dun Meranti merangkap Ketua Pemuda AMANAH Rantau Panjang



RAZMI GHAZALI
Pengerusi Dun Bukit Tuku merangkap Pengarah Pilihan Raya Amanah Kawasan

"Di Banggol Kulim kita sudah dua kali mengadakan gotong royong membaik pulih longkang tersumbat yang menjadi masalah

kepada orang ramai.

"Alhamdulillah keadaan pengaliran air di kawasan itu kini selesai.

"Beberapa buah rumah dan padang bola yang dulu digenangi air kini telah kering dan boleh digunakan dengan selesa," katanya.

Bagi Dr Shahjihan, sekiranya AMANAH diberi peluang mentadbir negeri, tiga perkara utama perlu diberi perhatian.



JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN RANTAU PANJANG

SESI 2016 - 2018

Ketua: : DR WAN SHAH JIHAN WAN DIN
Timbalan: : MOHD RIDZUAN MUHAMAD
Naib 1: : WAN BALIYA WAN JAAFAR
Naib 2: : MAHMUD SABRI NUH
Setiausaha: : MOHD NUR SYAZWAN MOHD TAUFEK
Penolong Setiausaha: : AZIZI DAUD
Bendahari: : MOHD SALAHUDDIN MOHD LOTPY
Pengarah Komunikasi: : ABDUL AZIZ
Pengarah Pilihanraya: : RAZMI GHAZALI
Ketua Pemuda: : ROMIZU ALI
Ketua Awan: : ROMLAH TAIB

Ahli Jawatankuasa

- ZAMRI HARUN
- AZIZ HARUN
- NIK AZAMI NIK ABDUL RAHMAN
- SUKUR CHE WIL
- ZULHAIRI ZAKARIA
- MOHD ROZI NUH
- MOHD NASRI MOHD NASIR
- HARIS MAHMUD

DARI MUKA 29

Rakyat tidak merasai kejayaan ekonomi dijaja Najib

Saya berani menyebut semua perkara ini kerana Invoke sedang menyiapkan dua kaji selidik besar mengenai sentimen rakyat terhadap prestasi ekonomi di bawah pentadbiran Najib. Setakat ini kami sudah menyiapkan 50% dari kaji selidik dan dijangka akan dapat dibentangkan kepada rakyat dalam tempoh sebulan.

Dapatan kaji selidik sentimen rakyat setakat ini dengan jelas menunjukkan tahap ketidakpuasan hati terhadap keadaan ekonomi yang sangat tinggi dan bertentangan dengan "berita-berita kejayaan ekonomi" yang cuba diuar-uarkan Najib.

Saya yakin apabila keputusan kaji selidik itu

diumumkan dalam masa beberapa minggu lagi, Najib perlu mengambil kira sama ada beliau berani memanggil PRU14 dalam tahun ini ketika rata-rata rakyat Malaysia tidak berpuas hati dengan prestasi pentadbiran ekonomi beliau.


Kepada Pakatan Harapan pula, masanya sudah tiba untuk mengimbangi tumpuan yang (kadang-kadang) terlampau ke atas isu 1MDB dan mula memberi tumpuan yang sewajarnya kepada cara-cara membantu rakyat.

Rafizi Ramli ialah Naib Presiden Keadilan.



Husam bersama skuad peduli AMANAH Rantau Panjang menziarahi penduduk daif di sempadan.

6 Akhbar milik Umno tabik Presiden Pas 10 DoJ hanya sita aset penjenayah 15 Bersediakah PM & Shafee dedah akaun bank? 22 AMANAH parti muda Islam alaf baru



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 58 | 9 - 15 JULAI 2017

WAKTU SOLAT
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.
SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9.7.2017	5:36	5:46	7:09	13:21	16:46	19:30	20:45
10.7.2017	5:37	5:47	7:09	13:21	16:46	19:30	20:45
11.7.2017	5:37	5:47	7:09	13:22	16:46	19:30	20:45
12.7.2017	5:37	5:47	7:09	13:22	16:46	19:30	20:45
13.7.2017	5:38	5:48	7:09	13:22	16:46	19:30	20:45
14.7.2017	5:38	5:48	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
15.7.2017	5:38	5:48	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45

Jika Pakatan Harapan sepakat memilih beliau selepas PRU 14



HUSAM TERIMA CALON MB

DATUK Husam Musa menerima beliau dinamakan sebagai calon Menteri Besar Kelantan buat sementara waktu, sehingga ada orang lain yang lebih berkelayakan. Itupun jika parti-parti dalam Pakatan Harapan sepakat memilih beliau.

← **Laporan penuh muka 26**

"Saya berterima kasih kerana Pas rasa dia tak nak jadi kerajaan sebab itu dia bahas boleh tak saya



Qaradawi: Di mana BN dan Pas, tanya PKR

KERAJAAN Malaysia dan Pas didesak agar tidak mengambil sikap berdiam diri tanpa melaksanakan langkah sewajarnya untuk mempertahankan ulama tersohor dunia Islam Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi.

Al-Qaradawi yang disenaraikan sebagai pegganas oleh beberapa negara Islam di Timur Tengah itu pada Jun lalu, sewajarnya, mendapat pembelaan kerajaan Malaysia dan parti yang

dasarnya memperjuangkan Islam itu.

"Saya mendesak kerajaan Malaysia yang pernah menganugerahkan gelaran Tokoh Maal Hijrah kepada Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi untuk bangun membantah tindakan pihak berkuasa Mesir yang dipimpin menerusi kudeta oleh Presiden Abdel Fattah el-Sisi.

"Sikap kebertanggungjawaban ini wajar dipamerkan oleh Perdana Menteri, Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), mahupun Parti Islam Se-Malaysia

(Pas), bukannya masih berdiam diri dan tanpa mengambil langkah sewajarnya untuk mempertahankan ulama' agung tersebut," kata naib presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dalam kenyataannya.

Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berpendapat, peranan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga selaku Naib Presiden Majlis Ulama Sedunia dilihat amat penting untuk bersama mempertahankan Dr Yusuf.

TERBITAN TERBARU

01132334322
untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA!!

MASA DEPAN STRATEGIK
KEBANGKITAN ISLAM

HANYA RM 30

MUSAFIR
KEROHANIAN
KEMBARA
KEMANUSIAAN

HANYA RM 35

ALLAH MELARANG
MEMBODOHKAN AKAL

HANYA RM 15

Insya Allah
Aku Sedia
Bernikah

HANYA RM 16